



# Samudera

TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA • ROYAL MALAYSIAN NAVY BIL 02/2009 • ISSN 0127-6700

## Sambutan Jubli Intan TLDm



ERA BARU

ERA ZOAN

ERA PERMULAAN

**TLDm**  
**DI AMBANG ERA BARU**


ISSN 0127-6700



9 770127 670004



**DYMM SULTAN SELANGOR  
KEPTEN YANG DIPERTUA TLDm**



# YOU'D BE SURPRISED BY OUR UPGRADES

**Naval ships have a long lifetime. However, one day the systems and sensors will not be up to standard anymore.**

Modernization of the outdated equipment is the best solution. Thales has earned its mark in this specialized field: from sensor upgrades to complete system renewal, from consultation to delivery and from fast attack craft to frigates. With upgraded or new sensor systems and our renowned combat management system, your ship will be ready for future challenges.



**Please visit our website for more information.**

**THALES**

The world is safer with Thales

# KANDUNGAN

6

## FOKUS

Tunjang Kekuatan TLDM  
Dari Istana  
Kepten Yang Dipertua TLDM



12

## WAWANCARA

Sejenak Bersama Mantan PTL Tempatan Pertama  
Laksamana Muda Tan Sri K.Thanabalasingam (Bersara)

14



## LAWATAN

Perdana Menteri merangkap Menteri Pertahanan  
Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah Bin Hj Ahmad Badawi



34

## HUBUNGAN ANTARABANGSA

Diplomasi Tentera Laut

Menjamin Keamanan dan Pertahanan Negara



44

## PENGALAMAN

Female Warriors of The High Seas



Ilustrasi Muka Hadapan

TLDM telah melalui tiga era permodenan iaitu era permulaan, era 70an dan kini memasuki era baru iaitu era peperangan 3 dimensi

- 8 **FOKUS** - Tentera Laut Diraja Malaysia Menuju Era Baru
- 10 Aktiviti Sambutan Jubli Intan TLDM
- 11 **ASPIRASI** - Aspirasi dan Harapan
- 13 Majlis Perjumpaan PTL bersama *Navy People*
- 15 **SEJARAH** - Panji-panji  
Seri Paduka Baginda yang dipertuan Agung
- 16 **ISU MARITIM** - Isu Tuntutan Bertindih di Kepulauan Spratly
- 17 Controversy Between Maritime Powers And Coastal States In The Exclusive Economic Zone
- 20 **SIHAT** - ADHD
- 22 **ANGGOTA CEMERLANG TLDM**  
Anugerah Bintara & Laskar Terbaik 2008
- 26 **SUKAN** - Persatuan Menembak TLDM
- 27 **PERSONALITI SUKAN**  
Kental & Cekal - Laksamana Muda Dato' Musa
- 30 **CATATAN** - Guns & Flowers
- 32 **NAVY PEOPLE**
- 36 Pasukan Kawat Senyap TLDM
- 37 **TEKNOLOGI MAKLUMAT** - GIRN
- 38 **ISU MARITIM** - Gelora di Samudera
- 41 **SUKAN** - BLACKSHARK
- 42 **PROTEL** - Provos Tentera Laut
- 46 **AKTIVITI** - Program 3K
- 48 **PSSTLDM**
- 50 **PROFIL UNIT** - KD SRI TAWAU
- 52 Silat Cekak
- 54 **MEMORI** - Pelayaran Ibnu Battutah
- 56 **BERITA BERGAMBAR**
- 58 **TINTA ROHANI** - Hikmah Pensyariatan Solat
- 59 **NAVAL TRADITION** - Tradition At Sea
- 60 **SIHAT** - Bahaya Merokok

## Dari Meja Ketua Editor



# AHOY!

**Assalamualaikum w.b.t dan Salam Sejahtera**

Di ambang Perayaan Jubli Intan TLDM ini, saya mengambil kesempatan untuk mengucapkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada semua Navy People serta pembaca setia SAMUDERA yang terus memberi sokongan kepada kami. Dengan kematangan TLDM di usia 75 tahun, saya menyeru kepada setiap warga TLDM agar dapat meningkatkan lagi tahap prestasi dan mutu kerja serta berusaha untuk menambah dan meningkat ilmu pengetahuan, integriti, dedikasi serta disiplin diri bagi mencapai matlamat TLDM yang cemerlang. Tema Sambutan Hari TLDM, '**Insan Cemerlang, TLDM Gemilang**' harus dihayati sepenuhnya kerana kegemilangan TLDM adalah berpaksikan kepada kecemerlangan warganya.

SAMUDERA keluaran khas ini memfokuskan perkembangan dan kemajuan yang telah berjaya dicapai oleh TLDM sewal penubuhannya sehingga kini. Bersempena dengan Sambutan Jubli Intan ini, SAMUDERA memuatkan artikel khas Kepten Yang Dipertua TLDM, DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan. Selain dari itu, SAMUDERA turut menemurahmantan Panglima Tentera Laut tempatan yang pertama, Yang Berbahagia Laksamana Muda Tan Sri K.Thanabalasingam (Bersara). Artikel dua tokoh utama TLDM ini dirasakan amat bertepatan kerana sumbangan bakti yang telah dan masih dicurahkan untuk perkembangan TLDM. Kata-kata hikmat dan nasihat dari kedua tokoh tersebut juga harus dihayati sepenuhnya oleh semua Navy People bagi memastikan kita semua sentiasa sedar mengenai peranan dan tanggungjawab kita untuk mempertahankan perairan negara daripada dicerobohi oleh musuh dan anasir yang tidak bertanggungjawab demi bangsa dan negara.

Saya berdoa supaya keluaran ini dapat memberi banyak maklumat yang dapat dikongsi oleh Navy People dan pembaca lain. SAMUDERA akan terus membela ombak dan meniti ranau penerbitannya bagi memastikan minda warga TLDM disuburi dengan artikel berkualiti. SAMUDERA mengalui-alukan sumbangan artikel dan maklum balas yang membina dari semua pembaca ke arah meningkatkan kualiti artikel dan penerbitan majalah ini. Selamat Hari TLDM ke 75.

Sekian, Salam Hormat dari krew Majalah Samudera.

**SEDA BERKORBAN**

# Samudera

**SIDANG REDAKSI**

### PENAUNG/PENASIHAT

Laksamana Madya Dato' Wira Hj Mohammed Noordin bin Ali

### KETUA EDITOR

Laksamana Pertama Anuwi bin Hassan

### EDITOR

Kept Sabri bin Zali TLDM

Kdr Badarudin bin Taha TLDM

Lt Hafizan bin Tarmidi TLDM

Lt M Noor Aini bte Mohd Sharif PSSTLDM

### WAKIL MARKAS TENTERA LAUT

Lt Kdr Masliza bte Maaris TLDM

Lt Dya Siti Salina bte Johari PSSTLDM

### WAKIL PANGKALAN TLDM LUMUT

Lt Kdr Norlida bte Rahaman TLDM

BM RGR Normahaily bte Mohd Nor

### WAKIL MPL

Lt Kdr Karimah bte Awi TLDM

### WAKIL MAWILLA 1

Lt Muhammad Ashraf bin Mahmud TLDM

### WAKIL MAWILLA 2

Lt Mohd Nazli bin Sabran TLDM

### WAKIL MAWILLA 3

Lt Muhammad Nashahi bin Nazri TLDM

### WAKIL KDSI

Lt Raimie Redza bin Muhamad TLDM

### PENGEDARAN

BK KNA Mohd Shahrel bin Md Said

BM KNA Khairul Hafiz Ted bin Abdullah

BM PBS (I) Kamarul Zaman bin Masery

### GAMBAR EHSAN

PR KEMENTERAH

PR Markas Tentera Laut

PR Markas Armada

PR Markas Pendidikan dan Latihan

PR KD SULTAN ISMAIL

### REKABENTUK

D'FA Print Sdn. Bhd.

No.16 Jalan P10/21

Selaman Light Industrial Park,

43650, Bandar Baru Bangi, Selangor D.E.

**SAMUDERA** diterbitkan sebanyak tiga kali setahun oleh Markas Tentera Laut, Kementerian Pertahanan, K. Lumpur dan diedarkan secara percuma. **SAMUDERA** mengalui-alukan sumbangan rencana, berita, gambar, cerpen, puisi dan seumpamanya daripada seluruh warga TLDM dan para pembaca yang budiman. Sila hantarkan sumbangan anda sama ada sama secara pos atau e-mel kepada:

Pengarang Samudera, Tel : 03 - 2071 3218 / 3027 / 3074  
Bahagian Rancang Faks : 03 - 2698 1680 / 2692 7677

dan Operasi,  
Markas Tentera Laut, editor.samudera@yahoo.com.my  
Kementerian Pertahanan,  
Jalan Padang Tembak,  
50634 KUALA LUMPUR.

# Dari Pena PTL

## LAKSAMANA DATO' SRI ABDUL AZIZ BIN HAJI JAAFAAR

Segala puji khusus bagi Allah Subhanahu Wataala kerana dengan izin dan limpah kurnia-Nya dapat saya berikan sepatah dua kata dalam terbitan khas Majalah SAMUDERA sempena Jubli Intan Hari TLDM Ke-75.

Di kesempatan ini, saya dengan penuh rasa bangga dan kesyukuran ingin mengucapkan Selamat Menyambut Hari Ulang Tahun TLDM Ke-75 kepada semua warga TLDM. Sambutan Hari TLDM pada tahun ini merupakan sambutan yang sungguh bermakna kepada kita semua kerana kita dapat melihat pencapaian TLDM setelah melalui pembangunan selama 75 tahun. Sebagai seorang warga TLDM, kita harus berbangga kerana bukan sahaja berpeluang untuk sama-sama meraikan sambutan ini malah diberi peluang menjadi sebahagian daripada lipatan sejarah perkembangan TLDM.

Bermula dari sebuah angkatan laut pesisir pantai atau lebih dikenali sebagai *Brown Water Navy* atau *Riverine Navy*, TLDM berjaya diterajui ke arah sebuah *Green Water Navy* atau *Coastal Navy* dan seterusnya bakal menggapai keupayaan *Blue Water Navy* atau Tentera Laut Samudera dengan penyertaan aset-aset yang canggih dan berteknologi tinggi ke dalam Armada TLDM. Kombinasi aset *force-multiplier* yang sedia ada seperti pesawat SUPER LYNX, program peningkatan keupayaan melalui SLEP dan diikuti dengan penyertaan aset-aset baru dan strategik seperti kapal selam dan kapal peronda generasi baru; sudah pasti akan meningkatkan lagi keupayaan TLDM seiring dengan Tentera Laut bertaraf dunia yang lain.

TLDM mengguna pakai slogan Hari TLDM tahun lepas iaitu, "**Insan Cemerlang, TLDM Gemilang**" sebagai moto sambutan Hari TLDM pada tahun ini. Pemilihan moto

ini adalah bertepatan pada masanya bagi menentukan pembangunan modal insan TLDM terus dijadikan teras perkhidmatan seiring dengan pembangunan aset-aset *combatant* kita. Pemilihan semula moto ini juga adalah wajar setelah melihat kepada peningkatan *abnormal* keskes pelanggaran disiplin di kalangan warga TLDM dan insiden-insiden negatif yang melibatkan aset-aset kita sama ada di kapal maupun di pangkalan-pangkalan TLDM. Oleh itu, moto ini perlu dilihat secara *holistik* dan bukan lagi secara *atomistic* atau *piecemeal approach* dalam menangani masalah berbangkit dan seterusnya memperkasakan lagi maksud di sebalik moto tersebut.

Bagi meraikan kejayaan TLDM selama 75 tahun penubuhannya, pelbagai aktiviti yang menarik telah direncanakan sepanjang tahun. Antara aktiviti-aktiviti yang telah dilaksanakan atau dirancang ialah Pelancaran Persatuan Pesara Pegawai TLDM, Pestaulahan PASKAL, Pelancaran Album Koir Suara Warisan TLDM, Pengisytiharan Lumut sebagai Bandar Tentera Laut, Hari Terbuka Armada bersama Acara Jom Heboh TV3, *Captain-in-Chief Match Race*, Perbarisan Hari TLDM, Penganugerahan dan Perarakan Panji-panji KD RAJAWALI, KD SRI SANDAKAN dan PASKAL, Pelancaran Buku, Setem dan Syiling kenang-kenangan Jubli Intan TLDM, Pelancaran Portal Pusat Sumber Maritim dan Sejarah TLDM, Sambutan ketibaan kapal selam pertama negara KD TUNKU ABD RAHMAN, Perasmian Markas Wilayah Laut 3, Pameran Langkawi International Maritime Exhibition 09 dan diakhiri dengan Penganjuran International Fleet Review. Dalam pada itu, ketibaan KD TUNKU ABDUL RAHMAN ke tanah



air pada pertengahan tahun ini adalah tepat pada masanya dengan sambutan pada tahun ini kerana ianya bakal melakar sejarah baru dalam aspek operasi TLDM. Justeru, sambutan pada tahun ini adalah amat bermakna kepada TLDM dan sudah pasti dinanti-nantikan oleh seluruh warga TLDM kerana aktiviti-aktiviti yang dianjurkan bakal menggambarkan kecemerlangan dan kemahiran TLDM setelah menjangkau usia 75 tahun.

Besar harapan saya agar seluruh warga TLDM dapat bekerjasama sebagai satu pasukan yang bersemangat tinggi dan bangga menjadi warga Tentera Laut yang bertaraf dunia. Akhir kata, saya berharap dan mendoakan semoga Allah Subhanahu Wata'ala sentiasa melindungi dan memberkati perjuangan TLDM yang menjadi tunjang di dalam mempertahankan kedaulatan perairan maritim negara. Mudah-mudahan warga TLDM akan diberi petunjuk dan kekuatan jati diri dalam melaksanakan sebarang tugas yang diamanahkan. Sekian.

**SELAMAT HARI TLDM KE-75  
&  
SEDA BERKORBAN**

# Tunjang Kekuatan TLDM Dari Istana

**DYMM SULTAN SHARAFUDDIN IDRIS SHAH ALHAJ IBNI ALMARHUM SULTAN SALAHUDDIN ABDUL AZIZ SHAH ALHAJ**

## KEPTEN YANG DIPERTUA TLDM

Oleh: Kdr Ahmad Ramli Bin Kardi PSSTLDM (Juruiring Tentera Kepada D.Y.M.M Sultan Selangor)



Lawatan DYMM Sultan Selangor ke USS RONALD REAGAN

**“Sebagai Kepten Yang Di Pertua, minat dan kasih sayang Baginda kepada TLDM sangat tinggi...”**



D.Y.M.M Sultan Sharafuddin Idris Shah Sultan dilantik sebagai Kepten Yang Di Pertua TLDM pada tahun 2002. Perlantikan Baginda ini adalah untuk mengisi kekosongan jawatan itu setelah kemangkatan Ayahanda Baginda Almarhum Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj.

Pelantikan Baginda sebagai Kepten Yang Di Pertua TLDM merupakan pilihan yang tepat berdasarkan kepada pengalaman dan pengetahuan luas Baginda kepada ilmu kelautan. Pengalaman Baginda belayar mengelilingi dunia menggunakan Kapal Layar JUGRA telah cukup untuk membuktikan bahawa Baginda bukanlah calang-calang orang di dalam mengharungi samudera luas.

Sebagai Kepten Yang Di Pertua, minat dan kasih sayang Baginda kepada TLDM sangat tinggi. Baginda akan sentiasa mengambil tahu dan sedaya upaya akan berusaha berangkat melawat kapal-kapal, atau pangkalan dan menghadiri istiadat serta acara-acara yang dianjurkan oleh TLDM. Malahan pada setiap awal tahun Baginda akan menitahkan pegawai istana untuk mendapatkan acara-acara Baginda bersama TLDM, untuk dicatatkan di dalam buku harian Baginda terlebih dahulu sebelum Baginda menerima jemputan acara yang lain.

Di dalam menjalankan tugas, Baginda berusaha memberikan keutamaan kepada TLDM. Sebagai contoh, pada tahun 2006 Baginda telah mengarahkan Pegawai Kerajaan Negeri Selangor untuk memohon perkenan meminda tarikh baru Keberangkatan Rasmi Seri Paduka Baginda Yang Di Pertuan Agong melawat Negeri Selangor dari bulan April ke bulan Mei kerana Baginda mahu bersama-sama pegawai dan anggota TLDM menyambut Hari TLDM di Pangkalan TLDM Lumut.

Minat kepada TLDM itu “Baginda” terjemahkan di Istana Bukit Kayangan Shah Alam. Baginda telah menjadikan Bilik Santapan tetamu Baginda sebagai “Bilik Tentera Laut”. Bilik tersebut Baginda hias dengan Crest, Cap Ribbons unit-unit serta gambar panji-panji. Kesemua hadiah dan cenderamata yang dipersembahkan semasa Baginda berangkat ke pangkalan atau kapal akan Baginda letakkan di bilik tersebut. Tetamu yang memasuki bilik tersebut akan merasa seolah-olah berada di “Wardroom” kapal perang.

- Dalam hubungan diplomatik, Baginda merupakan diplomat TLDM yang baik. Padalazimnya, Baginda akan berusaha menerima menghadap Pegawai-pegawai Kanan atau Pegawai Memerintah Kapal-kapal perang asing yang berlabuh di Pelabuhan Kelang. Sekiranya Baginda mempunyai kelapangan, Baginda juga berkenan untuk berangkat melawat kapal-kapal tersebut.

Kecintaan Baginda kepada pelayaran tidak pernah kunjung padam. Kecintaan ini Baginda buktikan semasa program pelayaran KLD TUNAS SAMUDERA belayar mengelilingi dunia. Baginda telah berangkat hadir memberikan titah motivasi kepada anak-anak kapal. Titah-titah Baginda secara spontan tentang pengalaman suka duka Baginda semasa belayar telah



Tuanku diberi penerangan sempena lawatan baginda ke PASKAL

membangkitkan semangat kepada anak-anak kapal yang rata-rata terdiri dari Pegawai-Pegawai Muda TLDM.

Kebajikan dan moral anggota TLDM tidak akan terlepas dari pandangan Baginda. Di kemuncak Operasi FAJAR, Baginda telah mengutus warkah kepada Panglima Tentera Laut untuk disampaikan kepada pegawai dan anggota yang sedang beroperasi di Teluk Aden. Keprihatinan Baginda ini diteruskan apabila Baginda mengutus warkah peribadi kepada Pegawai Memerintah KD TUNKU ABDUL RAHMAN supaya menjaga dan membawa balik kapal selam pertama negara dengan baik. Malahan di dalam warkah tersebut Baginda bertitah bahawa, "Beta sendiri akan berangkat hadir menunggu ketibaan kapal selam negara kelak, Insyaallah."

Selain dari segi moral dan kebajikan, Baginda sentiasa mengingatkan TLDM untuk memelihara tradisi. Di dalam titah-titah ucapan, Baginda tidak jemu-jemu mengingatkan TLDM yang kaya dengan tradisi kelautan supaya menjaga dan mempraktikkan terus tradisi-tradisi tersebut. Baginda sering mengingatkan supaya khazanah-khazanah lama TLDM yang mempunyai nilai sejarah disimpan dan didokumentasikan dengan baik sebagai

ensign tersebut kini berada di KD SULTAN A. AZIZ SHAH). Tidak cukup dengan itu, Baginda telah menempah lukisan H.M.S MALAYA dari seorang pelukis terkemuka tanah air dan untuk melengkapkan penyataan sejarah ini Baginda sedang berusaha untuk membeli model H.M.S MALAYA yang pernah dilihat oleh Baginda ketika berada di England. Minat Baginda kepada H.M.S MALAYA adalah disebabkan kapal perang tersebut mempunyai nilai sejarah kerana ia merupakan hadiah daripada Raja-Raja Melayu dan kerajaan Tanah Melayu kepada Ratu England semasa perang dunia kedua.

Di samping itu, Baginda mempunyai minat yang mendalam terhadap pengumpulan carta-carta pelayaran lama. Baginda tidak akan ragu-ragu untuk membeli carta yang mempunyai hubung kait dengan tanah air walaupun dengan harga yang mahal dengan tujuan untuk menyelamatkan dokumen tersebut.

Sehingga kini, Baginda memiliki 2 folio carta-carta lama yang diterbitkan oleh *British and Foreign Government Survey* sekitar tahun 1898. Dipercayai hanya tinggal 5 naskhah terakhir di dunia. Selain itu, Baginda masih menyimpan carta dan "sounding" yang dilakukan oleh Belanda dan Perancis di kawasan Perairan Kuala Selangor dan pelabuhan Klang seperti "Le Neptune Oriental" terbitan *Academie des Sciences* Paris pada tahun 1745. Carta tersebut sangat unik kerana dikartographikan secara tulisan tangan dan berwarna.

Seperkara yang Baginda sering ingatkan adalah Rumah Tamu JUGRA di Pangkalan TLDM Lumut. Cita rasa hiasan dalaman adalah sentuhan peribadi Baginda. Malahan kesemua hiasan-hiasan tersebut adalah sumbangan Baginda dan didatangkan dari Istana Mestika Shah Alam di mana Baginda bersemayam. Kepada Baginda Rumah Tamu JUGRA adalah imej TLDM kepada tetamu dalam dan luar negara.

Laut dan kelautan sudah menjadi sebahagian dari hidup Baginda. Pada sebilang masa Baginda sentiasa teringatkan laut dan acara di Pangkalan TLDM Lumut sentiasa Baginda nanti-nantikan. **S**



Tuanku beramah mesra bersama krew KLD TUNAS SAMUDERA sewaktu menyambut kepulangannya dari pelayarannya mengelilingi dunia

bahan rujukan kepada generasi akan datang. Baginda sendiri sebagai peminat sejarah telah menitahkan supaya Loceng H.M.S MALAYA yang disimpan di Sekolah Victoria Institution Kuala Lumpur dikembalikan kepada TLDM (sebagai ganti TLDM telah menggantikan loceng tersebut dengan replika). Kepulangan loceng H.M.S MALAYA disambut dengan lebih bermakna apabila ia disatukan semula dengan ensign H.M.S MALAYA yang Baginda beli dari satu lelongan di England (loceng dan



Sebahagian dari koleksi carta peribadi DYMM Sultan Selangor.

# TENTERA LAUT DIRAJA MALAYSIA

## DI AMBANG ERA BARU

Tentera Laut Diraja Malaysia akan menyambut Sambutan Jubli Intan pada 27 April 2009. Sejak ditubuhkan pada tahun 1934, TLDM telah melalui proses pembangunan dan modenisasi. Proses pemodenan berterusan tersebut diperlukan bagi memastikan TLDM kekal sebagai satu angkatan yang seimbang dan berteknologi tinggi. SAMUDERA menyingkap kembali sejarah penubuhan TLDM dan proses pemodenan aset yang dilalui.

### Sejarah Kelahiran TLDM

Sejarah Tentera Laut Diraja Malaysia bermula dengan pembentukan **Tentera Laut Simpanan Sukarelawan Negeri Selat - Straits Settlement Naval Volunteer Reserve (SSNVR)** yang telah ditubuhkan oleh kerajaan kolonial British Negeri-Negeri Selat pada 27 April 1934 di Singapura. SSNVR ditubuhkan untuk membantu Tentera Laut Diraja British mempertahankan perairan Tanah Melayu ekoran perkembangan dan pergolakan politik di Asia di mana Empayar Jepun sedang meluaskan kuasa dan pengaruhnya.

Pada 18 Januari 1935, sebuah kapal korvet kelas *FLOWER*, HMS *LABURNUM* telah diperolehi untuk berkhidmat sebagai kapal utama dan kapal latihan SSNVR. Apabila Perang Dunia Kedua meletus di Eropah, SSNVR telah meningkatkan pengambilan rekruit bagi mengukuhkan pertahanan Tanah Melayu memandangkan unit-unit Royal Navy diperlukan di medan operasi Eropah. SSNVR juga telah dikerahkan untuk perkhidmatan aktif sebagai unit dalam *Royal Navy Malay Section*, ataupun *Royal Malay Navy* ataupun *Malay Navy* dengan kekuatan seramai 400 orang anggota. Pasukan ini telah menjalani latihan di HMS *PELANDOK*, Sembawang, di Singapura. Keanggotaan *Malay Navy* kemudiannya meningkat kepada 1450 orang apabila perang meletus di Asia Tenggara.

### Era selepas Perang Dunia Kedua

Pada 24 Disember 1948, darurat diisyitharkan di Tanah Melayu akibat ancaman pengganas komunis. Menyedari kepentingan Tentera Laut bagi membendung ancaman komunis, pihak British mengaktifkan semula *Malay Navy* dan kali ini digelar *Malayan Naval Forces (MNF)*. Tarikh



Skuadron FAC(M) Spica

4 Mac 1949 menyaksikan hari perasmian dan penubuhan MNF yang berpangkalan di HMS *MALAYA*, Woodlands, Singapura.

Misi utama MNF ialah mengawasi pesisir pantai Tanah Melayu bagi menghalang pengganas komunis daripada memperoleh bantuan bekalan melalui jalan laut. Angkatan ini juga diberi tugas mengawal laluan ke Singapura dan pelabuhan-pelabuhan lain. MNF dibekalkan dengan sebuah frigat kelas *RIVER*, HMS *TEST* yang turut digunakan sebagai kapal latihan. Pada tahun 1950 kapal-kapal MNF terdiri dari HMS *LABURNUM* (*mine layer*), sebuah HMS *PELANDOK* (*LCT*), HMS *PANGLIMA*, HMS *SIMBANG* (*kapal torpedo*), dan beberapa kapal kecil lagi.

### Gelaran Diraja

Pada bulan Ogos 1952, Ratu Elizabeth II telah mengurniakan gelaran 'Diraja' kepada MNF, menjadikan MNF dikenali sebagai Tentera Laut Diraja Malaya (*Royal Malayan Navy*) di atas perkhidmatan MNF yang cemerlang ketika Darurat.

### Era Kemerdekaan dan selepas Kemerdekaan

TLDM akhirnya diserahkan secara rasmi kepada kerajaan Persekutuan Tanah Melayu pada 12 Julai 1958. Bendera Tentera Laut Persekutuan dinaikkan dan secara rasminya TLDM memulik tanggung jawab untuk mempertahankan perairan Persekutuan Tanah Melayu. Seterusnya KD RAHMAT menyertai armada TLDM pada tahun 1972. Kapal frigat ringan ini merupakan antara model rekaan firma Yarrow untuk TLDM. KD RAHMAT merupakan kapal perang pertama TLDM yang dilengkapi sistem misil anti udara Sea Cat. KD RAHMAT telah dilucutkan tauliah pada tahun 2004 dan kini diserahkan kepada Kerajaan Negeri Perak untuk dijadikan muzium di Lumut.

Pada tahun 1977, TLDM memperoleh frigat HMS *MERMAID* dari Royal Navy bagi menggantikan KD HANG yang dilucutkan tauliah. KD HANG TUAH (HMS *MERMAID*) merupakan sebuah frigat bersenjatakan meriam berkembar 102 mm. KD HANG TUAH masih berkhidmat dan kini menjadi kapal latihan.

TLDM turut membeli beberapa jenis bot serang laju peluru berpandu (FAC (M)) di antara tahun 70an-80an. Bot-bot ini adalah 4 buah kelas *Combattante II* yang dibeli dari Perancis, dan 4 buah kelas *Spica M* dari Sweden. Kedua-dua kelas ini dilengkapkan dengan misil Exocet MM38. TLDM turut memperoleh 2 buah *Offshore Patrol Vessel (OPV)* rekaan Korea Selatan. Keperluan menghantar tentera dan peralatan melalui jalan laut (*military sealift*) turut dipenuhi apabila TLDM membeli kapal-kapal *Landing Ship Tank (LST)* dari Amerika Syarikat iaitu KD SRI BANGGI dan KD RAJA JAROM. Kebolehan tambahan turut diperoleh dan disediakan dengan 2 kapal sokongan pelbagai fungsi iaitu KD SRI INDERA SAKTI

KD PAHANG - salah sebuah NGPV Kelas KEDAH





Scorpene - kepelangannya dinantikan

dan KD MAHAWANGSA. Keupayaan menangani ancaman periuk api pula disediakan oleh 4 kapal minehunter kelas MAHAMIRU. Kapal-kapal ini juga dikenali sebagai kapal penyapu ranau kelas LERICI. Tugas hydrografi pula diserahkan kepada KD PERANTAU dan KD MUTIARA.

Berikutnya penubuhan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) pada tahun 2005 TLDM terpaksa menyerah sejumlah 17 buah kapal TLDM bagi menyokong pengoperasiannya. Kapal-kapal tersebut adalah dari kelas KAPAL RONDA (15 buah) dan KAPAL RONDA SAMUDERA (2 buah).

### Permodenan Armada TLDM

Bermula dengan perolehan dua buah korvet kelas KASTURI iaitu KD KASTURI dan KD LEKIR, TLDM mengorak langkah menuju era pemodenannya. Kapal korvet ini bersenjatakan misil Exocet MM40 Block II dan mampu membawa sebuah helikopter Lynx. Seterusnya, kuasa kombat TLDM ditambah dengan perolehan 4 buah korvet kelas LAKSAMANA dari Itali. Penambahan aset terkini kepada armada TLDM ialah dua buah frigat kelas JEBAT yang dibina di Scotstoun, Glasgow dan diserahkan pada tahun 1999. Kapal ini bersenjatakan peluru berpandu permukaan ke permukaan, (SSM) Exocet MM40 Block II dan peluru berpandu anti udara Sea Wolf sistem lancaran tegak (VLS). Bagi tugas antikapal selam, torpedo Whitehead 324mm mampu dilancarkan dari sistem B515. Kapal-kapal kelas ini juga berupaya membawa dan menyokong operasi sebuah helikopter Super Lynx 300.

### Program Kapal Ronda Generasi Baru (NGPV)

TLDM turut merancang untuk membina sehingga 27 kapal ronda dalam program Kapal Ronda Generasi Baru *New Generation Patrol Vessel* (NGPV). Dari batch pertama, 6 buah kapal telah ditempa, dengan 2 buah kapal telah diserahkan kepada TLDM manakala 4 buah lagi masih dalam pembinaan di limbunga Boulted Naval Shipyards dengan usaha sama German Naval Group (GNG). Kapal-kapal ini diasaskan



Kapal TLDM melaksanakan latihan penembakan misil

dari reka bentuk modular MEKO A-100 dan boleh ditingkat upaya menjadi korvet dengan mudah dengan aturan *fitted for, but not with* (FFBNW) seperti sistem *plug and play*. Ciri-ciri kapal-kapal dalam kelas ini mirip kepada sebuah kapal korvet namun ia dikonfigurasi sebagai KAPAL RONDA LUAR PANTAI. Dua buah kapal pertama KD KEDAH dan KD PAHANG telah ditauliahkan pada Jun dan Ogos 2006 dan kini berada dalam perkhidmatan armada TLDM. Kapal kelas KEDAH ini dilengkapi senjata meriam Oto Melara 72/62 mm dan Oto Melara 30mm. Kapal ketiga, KD PERAK dan kapal keempat KD TERENGGANU dijangka akan diserahkan kepada TLDM tidak lama lagi.

### Aset udara TLDM

TLDM telah meneroka dan mengoperasikan Cawangan Udara yang ditubuhkan dengan perolehan helikopter jenis WASP dari United Kingdom dan dikenali sebagai Skuadron 499. Skuadron tersebut digunakan sebagai pesawat latihan sehingga ketibaan pesawat yang lebih mampan. TLDM seterusnya telah membeli 6 buah helicopter Westland Super Lynx untuk kapal-kapal utama dalam armadanya dan beroperasi sebagai Skuadron 501 sekali gus menggantikan Skuadron 499 yang ditamatkan perkhidmatannya di dalam TLDM. Perolehan Helikopter AS 555 Aerospatiale Fennecs pula digunakan sebagai platform latihan kepada juruterbang TLDM. Perolehan helikopter ini telah meningkatkan tahap keupayaan armada TLDM kerana helikopter tersebut boleh digunakan sebagai *force multiplier* sewaktu perperangan.

### Kapal selam Scorpene

Setelah menunggu begitu lama, akhirnya penubuhan angkatan kapal selam menjadi kenyataan dengan kontrak yang termeterai pada tahun 2002 antara kerajaan Malaysia dan pembuat kapal Perancis, Armaris dan rakan kongsi dari Sepanyol, kumpulan Navantia. Sebuah dari kapal selam tersebut telah ditauliahkan dan dikenali sebagai KD TUNKU ABDUL RAHMAN manakala sebuah lagi dinamakan KD TUN RAZAK dalam kelas PERDANA MENTERI. KD TUNKU ABDUL RAHMAN dijangka akan tiba tanah air pada 25 Julai 2009 manakala KD TUN RAZAK pada tahun 2010. Kapal-kapal ini dilengkapi dengan peralatan pengesan dan persenjataan tercanggih termasuk peluru berpandu SM39 Exocet anti kapal.

Perolehan kapal selam ini di dalam armada

TLDM seharusnya bakal membuka lembaran baru kepada TLDM kerana kapal selam merupakan senjata strategik yang digunakan di dalam mempertahankan perairan negara.

Permodenan aset-aset TLDM yang telah bermula sejak ditubuhkan telah menjadikannya satu angkatan laut yang kredibel. Perkembangannya bermula dari angkatan *Brown Water* kepada *Green Water* dan kini dengan ketibaan kapal selam pertama negara, TLDM mengorak langkah di ambang era baru iaitu *Blue Water Navy*. Keupayaan peperangan dimensi udara, permukaan dan bawah permukaan ini telah memperlengkapkan Armada TLDM sekaligus menjadikannya lebih mampan mempertahankan kedaulatan negara. **S**



# Aktiviti Sambutan JUBLI INTAN TLDM KE 75



Sempena dengan Sambutan Jubli Intan TLDM ke 75, pelbagai aktiviti menarik telah dirancang sejak pertengahan tahun 2008 lagi. Satu jawatkuasa khas yang dipengerusikan oleh YBhg Timbalan Panglima Tentera Laut telah ditubuhkan bagi mengkoordinasi sambutan ini. Ia akan dilaksanakan secara besar-besaran tetapi di waktu yang sama memastikan tidak berlaku pembaziran. Sambutan ini dilaksanakan sepanjang tahun dan pelbagai aktiviti telah dirancang.

Bulan kemuncak perayaan adalah bulan April dengan pelbagai aktiviti sambutan akan dilaksanakan sepanjang bulan ini. Ia dimulakan dengan Lumut Regatta (3-5 Apr) dan Pentauliahan PASKAL serta Hari Bersama Media (15 Apr). Bagi aktiviti Hari Bersama Media, wartawan akan dibawa baylor dan merasai sendiri pengalaman beroperasi di laut sambil menyaksikan aktiviti-aktiviti TLDM ketika beroperasi. DYMM Sultan Selangor sendiri akan berada di Pangkalan TLDM Lumut mulai 23 - 27 April untuk meraikan Sambutan Jubli Intan ini. Turut dijemput ialah rantaian-rantaian PTL sebagai menghargai jasa dan sumbangan mereka kepada TLDM.

Selain dari itu antara aktiviti yang paling mengujakan ialah Pengisytiharan Lumut sebagai Bandar Tentera Laut pada 23 dan 24 April. Sultan Perak, DYMM Paduka Seri Sultan Azlan Shah telah berkenan untuk mencemar duli dan seterusnya melakukan pengisytiharan tersebut. Upacara ini akan diikuti dengan Hari Terbuka Armada di Pangkalan TLDM Lumut. Ia dilakukan dengan kerjasama TV3 yang telah bersetuju untuk menganjurkan expo JOM HEBOH Navy Special pada waktu yang sama.

Aktiviti lain yang turut dirancang ialah Captain-In-Chief Match Race iaitu perlumbaan perahu layar di antara tim Sultan Selangor berentap dengan tim Panglima Tentera Laut pada 26 April. Ia diikuti dengan Perbarisan dan Penganugerahan Panji-Panji KD RAJAWALI, KD SRI SANDAKAN dan PASKAL pada 27 April. PASKAL akan dinamakan sebagai KD PANGLIMA HITAM dan nama ini adalah cadangan dari DYMM Sultan Selangor sendiri. Nama tersebut dipilih kerana PANGLIMA HITAM merupakan seorang yang paling setia, perkasa dan dipercayai oleh Baginda Sultan pada waktu tersebut. Pada hari yang sama, Buku Khas 75 Tahun TLDM akan dilancarkan bersama-sama

dengan Pelancaran Setem dan Syiling Jubli Intan TLDM.

Selain dari itu, aktiviti lain yang dirancang termasuk sambutan ketibaan Kapal Selam pertama TLDM (KD TUN ABDUL RAHMAN) pada 25 Julai di Pelabuhan Kelang. Kemuncak dan penutup Sambutan Jubli Intan TLDM ke 75 merupakan pameran LIMA 2009 di Langkawi yang sedang giat dirancangkan. Aktiviti ini dijangka akan menarik minat ramai pengunjung dengan pelbagai aktiviti menarik seperti konferen dan pameran maritim.

Senarai aktiviti penuh sambutan adalah seperti yang disertakan.

## APRIL

- 3-5 - LUMUT REGATTA
- 15 - PENTAULIAHAN KD PANGLIMA HITAM
- HARI BERSAMA MEDIA
- 17 - PERASMIAN LOGO JUBLI INTAN
- PELANCARAN ALBUM KUMPULAN KOIR SUARA WARISAN TLDM
- 23-24 - PENGISYTIHARAN LUMUT SEBAGAI BANDAR TENTERA LAUT
- BBQ SEMPENA PENGISYTIHARAN LUMUT SEBAGAI BANDAR TENTERA LAUT
- 25-26 - HARI TERBUKA ARMADA BERSAMA JOM HEBOH DAN TV3 NAVY SPECIAL
- CAPTAIN-IN-CHIEF MATCH RACE
- MAJLIS SANTAPAN BERADAT
- MENYAMBUT AMBANG 75
- 27 - ISTIADAT PENGANUGERAHAN PANJI-PANJI KD RAJAWALI, KD SRI SANDAKAN DAN KD PANGLIMA HITAM SERTA MENGARAK PANJI-PANJI KD MALAYA, KD PELANDOK, KD RAJAWALI, KD SRI SANDAKAN DAN

- KD PANGLIMA HITAM
- PELANCARAN BUKU 75 TAHUN TLDM
- PELANCARAN JURNAL PELAYARAN TUNAS SAMUDERA
- PELANCARAN SETEM DAN SYILING JUBLI INTAN TLDM
- PELANCARAN PUSAT SUMBER MARITIM DAN SEJARAH TLDM (PUSMAS)

## MEI

- |     |  |
|-----|--|
| 1-3 | - ROYAL MALAYSIAN NAVY GOLF DAN BBQ DI WISMA SAMUDERA PANGKALAN TLDM LUMUT |
| 15  | - PENTAULIAHAN KD SRI KOTA KINABALU DAN KD SRI LIKAS                       |

## JULAI

- |    |   |
|----|---|
| 25 | - SAMBUTAN KETIBAAN KAPAL SELAM KD TUNKU ABDUL RAHMAN |
|----|---|

## OGOS

- |    |   |
|----|---|
| 27 | - PERASMIAN PUSAT KEPIMPINAN TLDM           |
|    | - MAJLIS BERBUKA PUASA PANGKALAN TLDM LUMUT |

## SEPTEMBER

- |    |  |
|----|--|
| 9  | - PENTAULIAHAN KD SRI GOMBAK   |
|    | - MAJLIS BERBUKA PUASA MARKAS TENTERA LAUT                                   |
| 12 | - MAJLIS BERBUKA PUASA BERSAMA DYMM SULTAN SELANGOR DI MARKAS WILAYAH LAUT 3 |

## OKTOBER

- |   |  |
|---|--|
| 3 | - RUMAH TERBUKA TLDM SEMPERNA HARI RAYA AIDILFITRI |
|---|--|

## DISEMBER

- |     |                              |
|-----|------------------------------|
| 1-5 | - LIMA 2009                  |
|     | - INTERNATIONAL FLEET REVIEW |

# ASPIRASI DAN HARAPAN

## GENERASI MUDA TLDM

Kecemerlangan TLDM di masa hadapan amat bergantung kepada generasi muda hari ini yang akan mewarisi dan meneruskan kecemerlangan ke peringkat yang lebih tinggi. Kejayaan TLDM hari ini dihasilkan oleh *Navy People* yang telah berkorban jiwa dan raga bagi menyumbangkan usia terbaik mereka untuk berkhidmat kepada TLDM dan Negara. Di dalam pembangunan TLDM ke arah yang lebih pesat, warga TLDM yang masih di peringkat usia muda ini yang akan menentukan segala perancangan yang dilakukan sekarang akan menjadi realiti. Warga muda TLDM ini mempunyai impian dan aspirasi mereka sendiri.....

**SAMUDERA** keluaran khas Sambutan TLDM 75 tahun melakarkan impian dan aspirasi mereka



LT SHAHRUL ADI BIN NOR BASHA TLDM

N/404163.

Saya membayangkan sebuah armada TLDM yang diperkasa dengan aset-aset berteknologi tinggi yang mampu memperkuat kuasa *deterrent* di samping elemen sumber manusia yang berilmu dan mempunyai tahap profesionalisme yang tinggi.



831546 LK I PBS MUHAMAD NIK AL-AMIN B ABDULLAH.

Harapan saya adalah, TLDM makin terkenal dan disegani di luar negara dengan adanya senjata-senjata dan peralatan canggih yang dimiliki TLDM sekarang dan akan dimiliki di masa akan datang.



PKK FARADILA BINTI KAIMAN TLDM

N/405190.

Semoga TLDM menjadi sebuah organisasi yang mantap lagi disegani pada masa hadapan.



5501223 LM STN(L) ERNIE SUHANA BINTI ISMAIL.

Agar *Navy People* lebih berdaya saing dan mempunyai modal insan yang tinggi supaya disegani oleh segenap lapisan masyarakat.



821009 P/BM KHAIRUL HAFIZ TED BIN ABDULLAH.

Saya berharap TLDM sebagai satu gaya hidup dan bukan hanya sebagai kerjaya bagi mereka yang memilih untuk berkhidmat dengan TLDM.



LT M NOOR AINI BTE MOHD SHARIF  
PSSTLDM NV/8702672

TLDM harusnya memiliki warga yang tidak takut dengan perubahan dan sentiasa mencari kaedah-kaedah baru untuk melakukan sesuatu dengan lebih baik dan di waktu yang sama mengekalkan budaya dan nilai-nilai murni TLDM.



8006020 LM TNS (S) NURITA RAMDANI  
BTE ALI

Berfikiran kritis dan sentiasa memandang masa hadapan akan memastikan TLDM menjadi lebih cemerlang.



LK II RDP MOHD FADZIL BIN JOHAR  
TLDM memperkenan gaya hidup yang tinggi dan menjadi ruang memajukan diri sendiri



LT RAIMIE REDZA B MUHAMAD TLDM  
N/403944.

Harapan saya agar TLDM akan lebih berkembang maju sejajar dengan keupayaan pegawai dan anggota serta kemampuan aset sedia ada.



5501280 PTM NURUL ATIKA BTE  
MOHAMED

Harapan saya kepada organisasi TLDM pada masa akan datang agar dapat memupuk sikap toleransi, perpaduan antara anggota serta kerjasama dalam apa jua bidang mahupun kepakaran yang diceburi.



830519 LK I KMR MOHD SABRI BIN  
SAMSUDIN

Saya bangga menjadi warga TLDM. Masa hadapannya amat berpotensi bukan sahaja dengan mempunyai kelengkapan canggih tetapi juga warganya bersatu dalam membawa TLDM ke mercu kejayaan.



835879 PTM SHAHRUL EZWAN BIN MOHD  
HASHIM,

Semoga TLDM akan maju di masa hadapan dan dapat menandingi angkatan tentera laut serantau.

# SEJENAK BERSAMA MANTAN PTL TEMPATAN PERTAMA

## Laksamana Muda Tan Sri K.Thanabalasingam (Bersara)

Sempena dengan keluaran khas ini, SAMUDERA telah membuat temu ramah khas dengan Mantan Panglima Tentera Laut (Tempatan) yang pertama, Laksamana Muda Tan Sri K.Thanabalasingam (Bersara). Berikut adalah petikan dari temu ramah tersebut:

**Sempena Sambutan Hari TLDM ke-75, apakah pandangan YBhg Tan Sri terhadap perkembangan TLDM dahulu dan kini?**

Pertama-tamanya saya ingin mengucapkan Selamat Menyambut Perayaan Jubli Intan kepada seluruh warga TLDM dan saya yakin dengan pelbagai kejayaan serta kecemerlengkan yang telah berjaya dicapai oleh TLDM merupakan satu manifestasi yang sangat penting bagi membuktikan tahap kompetensi dan profesionalisme TLDM.

TLDM telah bermula dengan serba kekurangan dan hanya memiliki kapal perang bersaiz kecil seperti kapal ronda yang dibeli dari United Kingdom. Pada waktu tersebut tugas teras TLDM adalah untuk menentang konferansi dan gerakan insurgensi. Berlanjut dari itu, kemampuan TLDM amat terhad dan memiliki armada yang kecil.

Walau bagaimanapun, TLDM kini telah berubah dan telah memiliki keupayaan peperangan tiga dimensi iaitu udara, permukaan dan bawah

(helikopter) untuk anti-kapal selam dan misi mencari dan menyelamat, selepas perpindahan pangkalan utama ke Lumut.

Aspirasi dan keinginan saya yang lain adalah kita membina angkatan laut dengan lebih banyak kapal yang berupaya memainkan peranan dan membina lebih banyak pangkalan angkatan tentera sama ada di semenanjung mahupun di Sabah dan Sarawak. Negara kita kecil tetapi mempunyai persisiran pantai yang panjang serta kawasan laut terbuka yang sangat luas di antara semenanjung dengan Sabah dan Sarawak. Pada hari ini, saya merasakan yang kita akhirnya harus mempunyai sekurang-kurangnya 6 hingga 8 buah kapal selam

**"Jangan sesekali biarkan tradisi dan budaya Tentera Laut, sama ada diwarisi mahupun dibina oleh kita sejak lama dulu dikorbankan atau hilang..."**


untuk menyediakan kawalan yang efektif dan kredibel. Sekarang kita telah mempunyai kapal selam dan langkah seharusnya ialah membina kapal penyokong kapal selam.

Tambah pula, saya juga merasakan setiap platform utama di laut (OPV dan ke atas) seharusnya membawa sebuah helikopter secara tetap. Akhirnya, sekiranya kerajaan kita mampu, kita patut membina sebuah kapal pengangkut helikopter kecil yang akan digunakan sebagai aset utama semasa misi menyelamat bencana.

**Sekiranya YBhg Tan Sri diberi peluang untuk mengembalikan edaran masa, apakah yang ingin Tan Sri lakukan untuk menambah baik TLDM?**

TLDM perlu meneruskan pembangunan-pembangunannya dengan objektif yang khusus atau tertentu. Pemilihan anggota TLDM, latihan dan kemajuan atau kenaikan pangkat Navy People haruslah ditapis dengan teliti. Mereka yang benar-benar berpotensi sepatutnya dipilih dan kesemua lapisan anggota perlu cekap dan mahir dalam penggunaan Bahasa Inggeris. Penggunaan Bahasa Inggeris sangat penting kerana berperanan sebagai alat perhubungan antarabangsa dengan tentera laut negara asing.

Anggota perlu lebih peka dan terbuka dengan menghadapi kemajuan sistem persenjataan, peralatan dan teknologi yang semakin canggih. TLDM perlu menambah anggota dari pelbagai kaum seperti dari bangsa Cina dan India dalam semua peringkat pegawai dan lain-lain pangkat. Tujuannya adalah untuk mencerminkan imej antarabangsa TLDM.



"Set rantai leher ini amat nostalgik, sentimental & penuh makna pada saya"

Berdasarkan pengalaman YBhg Tan Sri lalui selama ini, apakah saranan dan nasihat YBhg Tan Sri kepada warga TLDM dalam meningkatkan mutu dan perkhidmatan TLDM?

TLDM telah melalui tempoh yang panjang bagi pembangunan aset dan sumber manusia sejak 7 dekad yang lalu. Walau bagaimanapun, TLDM perlu menggantikan aset-

aset yang telah lama serta menaik taraf bagi memelihara aset-aset tersebut. Peralatan baru, senjata dan teknologi semakin berubah dan meningkat dan kita tidak seharusnya ketinggalan. Sumber manusia juga tidak patut diabaikan dan mesti diberikan latihan yang secukupnya, kursus-kursus kepakaran dan latihan semula perlu dilaksanakan supaya memenuhi tuntutan dan perubahan mendadak dunia angkatan tentera sekarang dan akan datang.

Nasihat saya terutamanya kepada generasi muda warga Angkatan Tentera Laut ialah bekerja keras dan lakukan kerja anda dengan serius. Tentera Laut pada hari ini sangat moden dan canggih dan anda mestilah sentiasa mengikuti peredaran masa. Jangan sesekali biarkan tradisi dan budaya Tentera Laut, sama ada diwarisi mahupun dibina oleh kita sejak lama dulu dikorbankan atau hilang. Berbanggalah dengan pakaian seragam yang kamu pakai dan juga budaya dan tradisi kita. Imej cemerlang Tentera Laut jangan sekali-kali dikompromi atau dicalarkan. Akhir kata, ingatlah selagi anda bertugas di dalam TLDM, anda wajib bersedia berkhidmat untuk Raja dan Negara. Anda adalah benteng pertahanan maritim negara. Jangan ada sesuatu apa pun yang menghalang anda dari tugas penting ini.

**YBhg Tan Sri sentiasa dilihat mempunyai koleksi barang-barang cenderahati TLDM yang begitu banyak. Apakah item yang sentimental dan sering menjadi memori kepada YBhg Tan Sri mengenai TLDM setelah bersara?**

Saya mempunyai pelbagai memori indah terhadap TLDM namun terdapat satu item yang amat nostalgik, sentimental dan penuh makna kepada saya. Ia adalah set rantai leher dan ia tidak pernah lekang dari diri saya kecuali ketika saya hendak membuat pemeriksaan X-Ray. Ia begitu istimewa kerana ia mempunyai reka bentuk seperti rantai sauh kapal manakala buahnya pula adalah lambang TLDM. Sauh amat bermakna bagi seorang pegawai TLDM kerana ia merupakan lambang sea going command manakala lambang TLDM pula sentiasa tersemat di dada saya pada setiap waktu. Itulah juga lambang kecintaan saya kepada TLDM yang tidak pernah luntur dari sanubari saya. **S**



Berkongsi Pengalaman pemimpin lama dan baru

permukaan. Saya amat berbangga dengan keupayaan yang dimiliki ini dan saya berkeyakinan TLDM akan dapat melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diberi.

**Apakah harapan YBhg Tan Sri kepada warga TLDM dalam memastabatkan lagi TLDM pada masa akan datang?**

Selaras memegang tumpuk pimpinan sebagai Panglima Tentera Laut selama 9 tahun, saya telah merancang dan membina angkatan laut kita. Kita telah turut merancang untuk membina pangkalan Tentera Laut di Lumut dan Kuantan dari awal lagi. Saya telah mula mempunyai visi tentang mempunyai tentera laut kita yang akan menjadi angkatan tentera laut biru yang matang dan lengkap. Oleh yang demikian, pada ucapan selamat kepada Angkatan Tentera Laut pada Disember 1976, saya telah menasihatkan kerajaan untuk menimbangkan secara serius pembelian kapal selam dan menubuhkan Cawangan Udara

# MAJLIS PERJUMPAAN PTL BERSAMA THE NAVY PEOPLE

## Sempena Ulang Tahun Pertama Pemerintahan PTL Yang Ke-11

Pada 1 April 2009 telah berlangsung Majlis Perjumpaan Panglima Tentera Laut dengan *The Navy People* di Dewan Makan Blok D-20, KD MALAYA, Pangkalan TLDL Lumut. Sejurus selepas pengacara majlis mengumumkan ketibaan PTL, dewan digamatkan dengan tepukan gemuruh *The Navy People* yang memenuhi ruang dewan mengalu-alukan ketibaan beliau.

Dalam ucapannya, PTL telah menyentuh mengenai berbagai perkara antaranya kejayaan dan kelemahan serta isu-isu semasa yang berlaku di dalam TLDL. Beliau telah turut melahirkan harapan beliau kepada *The Navy People* agar:

- a. Mencapai 10 Strategi yang digariskan sewaktu ucapan ulung beliau.
- b. TLDL sebagai satu pasukan yang bersemangat tinggi.
- c. Membawa TLDL ke tahap yang lebih cemerlang.
- d. Menjadi tentera laut yang berkualiti.
- e. Berbangga menjadi Warga TLDL.

Turut berlangsung di dalam majlis ini ialah penyampaian anugerah pencapaian kecermerlangan TLDL bagi pelbagai kategori.

Di dalam majlis ini PTL turut menyampaikan sumbangan peribadi kepada mangsa kebakaran rumah Puan Rozaimah Bt Zubir Said isteri kepada 826433 LK 1 PPP Kamarulzaman bin Kamaruddin, anggota KD HANG TUAH yang kini sedang bertugas di Perairan Teluk Aden. Rumah anggota yang didiami oleh isteri, anak dan ibu di Ayer Tawar telah hangus dalam kebakaran yang berlaku baru-baru ini.

Majlis diakhiri dengan menyaksikan PTL memotong kek sebagai simbolik ulangtahan pertama pemerintahan beliau sebagai Pemerintah Tentera Laut Diraja Malaysia. *The Navy People* turut tidak melepaskan peluang bersalamans dan beramah mesra dengan PTL yang disanjungi di akhir majlis. **S**



Pemenang AKPTL KD Sultan Ismail



### ANUGERAH PUJIAN PANGLIMA TENTERA LAUT

#### Individu

- a. Lt Muliadi bin Mohd Nor TLDL - SKN 502
- b. 817480 PW TMK Mohd Othman bin Mat Derus - KD GANYANG
- c. 826345 LK 1 PPP Mohd Hasli bin Ismail - KD SULTAN ABDUL AZIZ SHAH
- d. 827710 LK 1 PPP (PKL) Nichole Dee Ak Moses Layang - PASKAL



Bintara & Laskar Terbaik 2008 bersama PTL & FOC



Anugerah Pujian Panglima Tentera Laut  
Lt Muliadi bin Mohd Nor TLDL

#### Pasukan

- a. Pasukan Khas Laut (PASKAL)
- b. Skuadron 501

### ANUGERAH BINTARA TERBAIK TLDL

- 817857 PW 11 TLR Mohd Fauzi bin Othman dari Markas Tentera Laut.

### ANUGERAH LASKAR TERBAIK TLDL

- 820243 LK PPP (PKL) Shamsul bin Md Deni - PASKAL



PTL memotong kek sebagai simbolik ulangtahan pertama pemerintahan beliau

### PEMENANG KESELURUHAN ESEI MARITIM

Kepten Haji Rusli bin Hj Ahmad TLDL N/401842 - KD DUYONG

### PEMENANG ANUGERAH KUALITI PANGLIMA TENTERA LAUT (AKPTL)

KD SULTAN ISMAIL

### PEMENANG PIALA PUSINGAN TLDL

- a. Pemenang Piala AGONG - kapal yang telah mencapai tahap operasi yang tinggi mulai 1 Mac - 28 Feb 2008 - **KD SRI INDERAPURA**.
- b. Pemenang Piala GONZALES - kapal yang telah memperolehi markah tertinggi di dalam audit pengurusan tahunan mulai 1 Mac - 28 Feb 2009 - **KD LEDANG**.
- c. Pemenang Piala SAAB - Kapal yang memperolehi tahap operasi yang tertinggi di dalam sistem persenjataan sepanjang tempoh 1 Mac - 28 Feb 2009 - **KD LEKIR**.

# LAWATAN YANG AMAT BERHORMAT DATO' SERI ABDULLAH BIN HJ AHMAD BADAWI PERDANA MENTERI MERANGKAP MENTERI PERTAHANAN

Oleh: PR MAWILLA 2.



PM beramah mesra dengan warga Terumbu Layang-Layang

Perdana Menteri diiringi PTL dan PANGWILLA 2 ketika lawatan di Terumbu Layang-Layang

Wilayah Laut Dua telah menerima kunjungan pertama daripada Perdana Menteri Dato' Sri Abdullah Bin Hj Ahmad Badawi merangkap Menteri Pertahanan Malaysia pada 11 Mac 09. Kunjungan tersebut turut disertai oleh isteri beliau, Datin Seri Jeanne Abdullah, Panglima Angkatan Tentera, Panglima Tentera Laut, Datuk Bandar Kota Kinabalu dan jemputan orang kenamaan yang lain. Kunjungan ini meliputi lawatan ke PTKK, Labuan dan Terumbu Layang-Layang. Semasa lawatan di Terumbu Layang-Layang, beliau amat berpuas hati dengan persekitaran dan siap siaga warga TLDM yang bertugas di sana.

Sewaktu di PTKK, beliau diberi taklimat Kdr Abd Hamid bin Saad TLDM mengenai perkembangan projek pangkalan kapal selam yang dibina di pangkalan ini. Sebelum acara berakhir, beliau sempat memberi amanat dan nasihat kepada warga PTKK mengenai penjagaan aset kerajaan yang perlu dititikberatkan dan kepentingan pemantauan keselamatan perairan negara. **S**

PTL menyampaikan cenderahati kepada YAB Perdana Menteri



YAB Perdana Menteri sempat mencuba kemudi di KD PAHANG



# PANJI-PANJI SERI PADUKA BAGINDA YANG DIPERTUAN AGONG

Panji-Panji merupakan suatu penghormatan negara yang dianugerahkan oleh Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong kepada Kor-Kor Tentera Darat, Perkhidmatan Laut dan Udara. Sejarah telah mengakui bahawa pentingnya Panji-Panji dalam mengekalkan semangat, moral dan identiti sesuatu Perkhidmatan dan pasukan. Penganugerahan Panji-Panji ini adalah sebagai mengenang jasa dan sebagai peringatan bagi menghargai jasa-jasa besar sesuatu Perkhidmatan dan pasukan yang telah menunjukkan semangat keperwiraan, keberanian dan kesetiaan yang tiada tolok bandingnya kepada raja dan negara.

Perkataan Panji-Panji berasal dari perkataan bendera yang digunakan oleh sesuatu ketumbukan angkatan tentera pada zaman dahulu. Tujuan bendera yang berwarna-warni di bawah ke medan perang adalah sebagai lambang kekuatan dan kuasa raja bagi sesuatu pasukan/ketumbukan dan juga sebagai tanda kedudukan ketua atau panglima perang yang mengetuai sesuatu ketumbukan. Selain itu, Panji-Panji juga amat penting sebagai tanda pengenalan oleh anggota ketumbukan bagi mengenal pasti mereka dan juga sebagai perangsang dan pembakar semangat kepada semua peringkat anggota yang berada di dalam medan perang. Panji-Panji ini akan sentiasa dipertahankan sehingga titisan darah terakhir dan tiada perbuatan yang lebih hina kepada sesuatu pasukan tentera dari membiarkan Panji-Panji itu jatuh ke tangan musuh.

Panji-Panji Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang dikurniakan kepada setiap perkhidmatan Darat, Laut dan Udara atau kor dalam Tentera Darat berwarna kuning, mempunyai Jata Malaysia di tengah-tengahnya dengan dikelilingi dua karangan padi. Lambang di penjuru kiri atas menunjukkan perkhidmatan, manakala rakaman penghormatan tempur di sulam di kiri, kanan dan bawah lambang Diraja.

Sebagai tanda penghormatan negara terhadap tugas-tugas dan pengorbanan yang telah dicurahkan oleh Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong Tuanku Syed Putra Ibni Almarhum Syed Hassan Jamalullil telah berkenan mengurniakan Panji-Panji Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong kepada TLDM pada 12 Mac 1966. Panji-Panji ini telah diterima oleh Ketua Turus Tentera Laut pada masa itu, Komodor AN Dollard RAN TLDM dan Laksamana Muda Dato' Yaacob bin Hj Daud TLDM (Lt Yaacob bin Hj Daud pada masa itu) sebagai pegawai Panji-Panji. Pengurniaan ini sangat disanjung tinggi dan menjadi suatu kebanggaan bagi anggota TLDM pada masa itu. Ia merupakan lambang kemegahan, taat setia dan pengorbanan TLDM untuk raja dan negara. TLDM sentiasa memperjuang dan mempertahankan kedaulatan bangsa dan negara selaras dengan cogan kata 'SEDIA BERKORBAN', satu warisan semangat perjuangan yang telah disemaikan oleh golongan pengasas sejak tahun 1934, (tarikh Tentera Laut Diraja Malaysia ditubuhkan oleh kerajaan British).



Tunku Abdul Halim Muadzam Shah Ibni Almarhum Sultan Badli Shah kepada Ketua Turus Tentera Laut anak tempatan yang pertama iaitu, Komodor K. Thanabalasingam (YBhg Laksamana Muda (Bersara) K. Thanabalasingam pada 1 Julai 1973. Panji-Panji ini telah digunakan selama 27 tahun dari tarikh dianugerahkan (1973).

Panji-Panji SPB Yang Dipertuan Agong yang dianugerahkan pada 1 Julai 1973 ditukar lagi buat kali yang ke-2. Upacara penyerahan telah disempurnakan oleh SPB Yang Dipertuan Agong, Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah Alhaj Ibni Almarhum Sultan Hishamuddin Alam Shah Alhaj pada hari TLDM ke-66 pada 27 April 2000 kepada Panglima Tentera Laut Datuk Seri Ahmad Ramli bin Md Noor TLDM. Panji-Panji ini telah dilengkapkan dengan memasukkan tarikh bersejarah penghormatan tempur yang disulam di sebelah kiri Panji-Panji merupakan tarikh penglibatan TLDM semasa darurat apabila keganasan komunis memuncak pada tahun 1948 hingga 1960, penglibatan anggota-anggota TLDM anak-anak tempatan sepanjang perang dunia kedua yang berjuang bersama Tentera Laut Diraja British di Sri Langka, Afrika timur dan India pada tahun 1941 hingga 1945 disulam di sebelah kanan manakala konfrontasi pada tahun 1963 hingga 1956 disulam di bawah lambang Diraja.

Panji-Panji Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong yang dianugerahkan kepada TLDM akan dikeluarkan dari tempat simpanannya apabila keberangkatan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong melawat pangkalan dan dibawa bersama-sama dengan Kawalan Kehormatan Utama. Selain dari itu juga, Panji-Panji ini akan di bawa untuk diarak pada istiadat mengarak Panji-Panji atau 'Trooping the Colours' sempena dengan Hari Ulang Tahun Keputeraan Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, sebagai menyembah ikrar taat setia Angkatan Tentera Malaysia kepada Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong selaku Pemerintah tertinggi Angkatan Tentera. \$



DYMM Sri Paduka Baginda yang dipertuan Agong mengambil tabik hormat sempena lawatan ulung di TLDM Lumut

# ISU TUNTUTAN BERTINDIH KEPULAUAN SPRATLY

## Tinjauan Terkini...

Oleh: Kdr Badarudin bin Taha TLDL - PS 1 Strategi Maritim

Isu tuntutan bertindih di Laut China Selatan (LCS) yang masih belum berkesudahan perlu ditangani dengan bijak di antara negara-negara yang terlibat. Ini disebabkan LCS merupakan laluan perkapalan strategik di rantau ini. Ia merupakan laluan utama bagi sumber tenaga dan perindustrian lain daripada Timur Tengah dan Asia Tenggara ke Jepun, China dan Korea. LCS juga adalah laluan strategik yang kritikal kepada Amerika Syarikat kerana ia adalah laluan dan pusat transit utama bagi Tentera Laut dan Udara mereka yang beroperasi di antara pangkalan tentera mereka di Asia dan Lautan Hindi atau Teluk Parsi. Berlanjutan dari itu, sebarang konflik ketenteraan di LCS yang mengganggu gugat kepentingan strategik Amerika Syarikat atau kepentingan ekonomi negara sekutunya di Asia Timur terutamanya Jepun sudah tentu akan mengundang campurtangan Amerika Syarikat untuk memastikan keselamatan laluan strategik ini sentiasa terus terjamin.

Isu tuntutan bertindih di kepulauan Spratly bermula dan menjadi runcing berlanjutan dari pengimplementasian the *United Nations Law of The Sea* (UNCLOS 1982) yang memberarkan negara-negara pesisir untuk menuntut Zon Ekonomi Eksklusif sehingga 200 batu nautika dari titik pangkal wilayah masing-masing. Tuntutan ini telah mengakibatkan berlakunya perebutan kawasan wilayah dan seterusnya menimbulkan ketegangan di antara negara penuntut berlanjutan dari tuntutan bertindih di antara mereka. Semua negara penuntut telah menduduki satu atau lebih pulau-pulau dikawasan tersebut kecuali negara Brunei. Isu tuntutan bertindih di kawasan ini dilihat begitu kompleks dan rumit berikutan dari justifikasi tuntutan yang berbeza-beza di antara negara-negara penuntut. China dan Vietnam menuntut keseluruhan LCS sebagai wilayah mereka manakala Filipina, Malaysia, Brunei dan Taiwan pula menuntut atas justifikasi yang berbeza dan menuntut hanya sebahagian dari kawasan tersebut.

Di dalam tiga dekad yang lepas, beberapa pertempuran telah berlaku di antara tentera laut negara yang menuntut kawasan mereka. Pada tahun 1988, pertempuran berlaku di antara China dan Vietnam, di antara China dan Phillipines dalam tahun 1995 dan pertempuran lain di antara Vietnam dan Phillipines. Selain dari itu, Malaysia telah turut bertukar-tukar nota bantahan diplomatik yang bersifat keras dengan Phillipines dan China. Persikitan yang amat merbahaya ini amat mengusarkan negara-negara pesisir dan mereka seterusnya telah mencari pendekatan untuk meredakan suasana tegang tersebut.

Pada November 2002, China dan ASEAN telah mengambil pendekatan proaktif dengan mendatangkan memorandum bertaraf *non binding* iaitu *Declaration of Conduct of Parties of the South China Sea*. Semua negara yang menandatangani

deklarasi ini telah bersetuju untuk mengekalkan *status quo* dan tidak melakukan aktiviti yang boleh menimbulkan ketegangan seperti membina struktur baru, menduduki pulau-pulau yang dipertikaikan dan melakukan penyelidikan *seismic* di kawasan tersebut. Ia secara tidak langsung dilihat sebagai titik tolak kepada kaedah penyelesaian secara aman dan diplomatik berkaitan dengan isu tuntutan bertindih tersebut. Pada 9 Okt 2003, China telah bersetuju menandatangi Perjanjian Persefahaman dan Kerjasama (*The Treaty of Amity and Cooperation*) di Bali Indonesia. Dengan menandatangani perjanjian ini, China telah terikat dari segi perundangan untuk mematuhi ketetapan di dalam *Declaration of Conduct of Parties of the South China Sea*.

Pendekatan China sebagai aktor utama di dalam isu ini berdasarkan kepada kekuatan angkatan tentera dan kuasa ekonominya wajar diteliti. Sehingga kini, tidak dapat dipastikan apakah tindakan seterusnya yang mungkin diambil oleh negara tersebut. Walau bagaimanapun, 3 faktor berikut mempengaruhi pendekatan yang mungkin diambil oleh China:

- Pertama, pendekatan China untuk menandatangani *Declaration of Conduct of Parties of the South China Sea* seharusnya dilihat dari sudut strategi pembangunan negaranya. Kepentingan China yang paling utama ialah pembangunan negaranya secara menyeluruh bagi menjadikan negaranya kuasa global. Untuk mencapai objektif strategik ini, China memerlukan rantau yang aman dan tenteram. Perkara ini menjadi lebih nyata dengan pendekatan China yang mengujudkan perikatan dan perhubungan strategik melalui *Framework Agreement* dengan negara ASEAN dibidang ekonomi dan perdagangan. Selain dari itu, China juga melibatkan diri secara aktif di dalam isu-isu keselamatan serantau melalui *Asean Regional Forum*.

- Perkara kedua ialah kepentingan negara-negara serantau dan luar rantau. Lebih kurang 70% dari pusat perdagangan utama dunia terletak dalam lingkungan 200 batu nautika dari laut. Dalam konteks

ini, sebarang ketidakstabilan kepada LCS akan memungkinkan kehadiran kuasa luar terutamanya Amerika Syarikat. Memandangkan kawasan yang dipertikaikan terlalu hampir dengan tanah besar China, kehadiran Tentera Laut Amerika berhampiran pantainya bukanlah pilihan terbaik yang terpaksa dihadapi oleh China. Oleh itu, mengekalkan keamanan merupakan langkah bijak dan terbaik kepada China.

c. Ketiga, China memerlukan negara-negara ASEAN sebagai sumber perindustrian dan pasaran barangannya. Berlanjutan dari itu, China terpaksa memperakui kepentingan negara-negara ASEAN untuk survivalnya. Kemungkinan bagi China melakukan sesuatu tindakan yang boleh mengganggu gugat persefahaman dan kepentingan serantau adalah tindakan kurang bijak. Berlanjutan dari itu, strategi membuat hubungan baik dengan ASEAN merupakan langkah terbaik yang mungkin boleh mereka lakukan.



Secara amnya, pertelingkahan di Laut China Selatan telah ditangani dengan aman sejajar dengan keperluan perundungan antarabangsa. *Declaration of Conduct of Parties of the South China Sea* dan hubungan baik di antara negara yang membuat tuntutan telah memungkinkan isu ini boleh diselesaikan secara baik.

Di waktu yang sama, walaupun prospek bagi sebarang konflik ketenteraan mungkin tidak akan timbul namun, adalah tidak wajar bagi menidakkannya secara keseluruhan tidakkan ketenteraan yang mungkin berlaku. Di antara sebab utama ialah:

- Usaha-usaha explorasi dan carigali yang semakin aktif di kawasan tuntutan bertindih di antara China dan Filipina serta China dengan Vietnam. Di waktu yang sama, terdapat negara-negara yang terus cuba menduduki dan membina penempatan baru serta peningkatan aktiviti ketenteraan di kawasan tersebut untuk mengukuhkan tuntutan mereka. Pendekatan yang diambil oleh China serta sebahagian

negara ASEAN tersebut amat tidak disenangi oleh negara ASEAN lain.

b. Kehadiran angkatan tentera laut yang melindungi kawasan tuntutan negara masing-masing mungkin juga boleh mengakibatkan kejadian salah tindak (*miscalculation*) atau sebarang tindakan provokasi yang mungkin mencetuskan pertelingkahan dan krisis.

c. Negara-negara ASEAN terkenal dengan pertelingkahan dalam yang tidak kunjung pandam. Adalah dikehuti isu-isu sedemikian akan menular dan meningkatkan ketegangan yang boleh merebak ke LCS.

d. Di waktu yang sama, sumber tenaga di dunia termasuk stok perikanan semakin berkurangan. Perebutan bagi menguasai sumber tersebut mungkin akan mengancam keamanan di LCS.

Salah satu isu utama yang menjadi batu penghalang kepada penyelesaian isu di LCS ialah kesukaran bagi negara-negara ASEAN untuk bersetuju mengenai penyelesaian yang boleh diambil. Kesukaran ini disebabkan oleh kepentingan individu dan isu nasionalisme negara masing-masing. Berlanjut dari situasi ketidaksefahaman tersebut, China telah mengeksplorasi situasi ini dan ketetapan *Declaration of Conduct of Parties of the South China Sea*, seperti berikut:

a. Kesukaran bagi jalinan kerjasama di antara negara yang berkepentingan di LCS telah menyukarkan untuk kerja penyelidikan dan explorasi petroleum. Memandangkan sumber tenaga seperti minyak dan gas amat diperlukan bagi kemajuan sesebuah negara, China telah membuat perhubungan secara dua hala (bilateral) dengan Philipines dan Vietnam bagi melaksanakan tujuan tersebut. Kedua negara tersebut turut memerlukan sumber tenaga tetapi tidak mempunyai kepakaran serta dana yang mencukupi dibandingkan dengan China yang mampu mengepalai usaha tersebut. Di waktu yang sama, kontraktor-kontraktor tidak mungkin boleh memulakan usaha carigali tersebut sekiranya kawasan tersebut masih dalam pertelingkahan. Kesempatan ini telah diambil oleh China untuk mengembangkan kepentingan strategiknya dengan berkerjasama dengan Vietnam dan Philipines walaupun kawasan carigali tersebut sebenarnya berhampiran dengan kedua negara tersebut.

b. China juga telah menggunakan *Declaration of Conduct of Parties of the South China Sea* sebagai batu loncatan untuk berhubung dengan negara-negara ASEAN. China seterusnya telah bertindak sebagai penggerak utama dan terlibat secara langsung dalam segala bentuk kerjasama di LCS. Berlanjut dari itu kepentingan strategik

China akan sentiasa terpelihara dalam setiap kerjasama yang dilaksanakan di perairan tersebut.

c. China telah turut berganding bahu untuk memajukan *fishing corridor* dengan Philipines. Dipercayai bertambahnya aktiviti perikanan di LCS akan meningkatkan isu pencerobohan nelayan dari negara China ke perairan Malaysia.

Pendekatan yang diambil oleh China terhadap *Declaration of Conduct of Parties of the South China Sea* wajar diberikan perhatian sepenuhnya oleh semua pihak. Apa pun, sebab utama kepada isu ini ialah kegagalan negara-negara ASEAN sendiri untuk bermuafakat dan mencari penyelesaian secara bersama. China telah melihat peluang ini dan telah mengeksplorasi untuk kepentingan strategiknya. China juga telah menggunakan kelebihan dari segi keupayaan dana dan kepakaran untuk membentuk kerjasama dengan negara Vietnam dan Philipines dan sudah tentunya kepentingan negara mereka menjadi keutamaan. **S**



## Controversy between Maritime Powers and Coastal States in the Exclusive Economic Zone

By : Sumathy Permal - Maritime Institute of Malaysia

### Overview

The United Nations Convention on the Law of Sea (UNCLOS), establishes a legal order for international communications and has served as an important instrument for dispute settlement that confronts the seas. The regime of transit passage, innocent passage and archipelagic sea lanes are some of the special regimes appearing as a result of balanced negotiations between maritime powers and coastal nations. However, navigation activities in the Exclusive Economic Zones though widely accepted in the convention, controversies still continue to surround the conduct of military activities by foreign nations in other countries EEZ.

Military manoeuvres or exercises including the use of weapons for the purpose of exercises have been part of naval operations on the high seas. The freedom of high seas was subsequently incorporated in UNCLOS 1982 and maritime powers such as the United States and the United Kingdom contended that such freedom also applies in the Exclusive Economic Zone (EEZ).

Maritime powers argue that military activities are recognised under Article 58 UNCLOS that stipulates, "all other states have high seas freedoms of navigation and over flight, and may conduct other internationally lawful uses of the sea related to these freedoms, such as those associated with the operation of ships and aircraft".

This perspective however is not shared by many coastal States. Chinese scholars for example disagree with such a 'blanket' definition of the freedoms accorded by UNCLOS and have argued that the freedom of navigation and over flight in the EEZ is not the freedom to conduct military exercises and intelligence activities in the area. This view was also shared by Malaysia which declared upon its ratification of UNCLOS that military activities in the EEZ are not permitted without the consent of the coastal States. Given the extreme positions adopted by the parties concerned and the lack of consensus even among scholars, the dichotomy is expected to persist and will from time to time conflagrate in clashes between coastal and other States.

Security analysts believe that the increasing military asset acquisitions in the Asia Pacific region, military surveying, and intelligence gathering activities in the EEZ are going to become more controversial and dangerous. Furthermore, navies of many nations are expanding from green water to blue water navies, thus increasing naval presence in the EEZ. As such, attempted restrictions on military activities in the EEZ are a growing concern for maritime powers.

### Controversy between Maritime Powers and Coastal States

There are two controversial issues which have arisen concerning the conduct of military activities in the EEZ.

a. Do maritime nations have unlimited authority to engage in all types of military activities in the EEZ of a coastal state? ; or

b. Does the duty of "due regards" impose limits on such activities, particularly with regard to the launching of missiles and other weapons?

There have been a number of notable incidents where the views of the coastal States and other States differ on the subject of military activities in the EEZ:

1. 31 March 2005: A US Navy EP-3 Aries electronic surveillance aircraft made "contact" with a People's Liberation Army Air Force F-8 fighter aircraft between 60 to 80 miles off China's coast and was forced to make an emergency landing at Lingshui Air Base on Hainan Island.

2. 22 December 2001: The Japanese Coast Guard vessels sank a North Korean "spy-ship" within Japan's EEZ.

3. 23 January 1968 – North Korea seized the USS Pueblo off its coast.

4. Malaysia had in 2006 registered its protest over the proposal to organise the ARF Maritime Security Shore Exercise which was to be carried out in its EEZ. It is understood that this exercise was subsequently converted to a table-top exercise.

5. In March 2009 , five Chinese vessels surrounded the U.S. Naval surveillance ship, Impeccable. The Chinese have objected to U.S. Navy surveillance ships operating off the coast of Hainan Island China. The U.S. Navy has dispatched a guided-missile destroyer to the South China Sea after Chinese ships allegedly harassed USN Impeccable claimed operating in international waters.

## Malaysia's EEZ Defence

In the case of Malaysia, the key to defending Malaysia is to control the air and sea approaches to Malaysia's both wings, so as to deny them to hostile ships and aircraft, and provide maximum freedom of action for Malaysia's forces. Malaysia's ratification of UNCLOS on 14 October 1996 stated that "other states carrying out military exercises or manoeuvres should seek the consent of coastal states" is based on threats that foreign militaries may pose to its national interest i.e defending the air and sea approaches that lies in the EEZ.

Malaysia's position on the military activity in EEZ regime can be justified for a number of reasons. The Royal Malaysian Navy outlined several salient points that need to be considered with regard to the presence of foreign forces in the EEZ regardless of the mode of the passage weather innocent or in transit.

Firstly, though at an initial stage warships may look on an innocent passage, be it in the EEZ or elsewhere, they can easily change their military posture, undertake several tasks concurrently and be rapidly available for re-tasking. They can present a range of flexible and well calibrated political signals.

Secondly, according to the RMN, an individual warship of frigate size and above will



have defensive and offensive capabilities in all three dimensions (air, surface and sub-surface). Warships can be formed into task forces (TF) and task groups (TG) in which their individual characteristics.

Thirdly, forces with amphibious capabilities for multi-threat environment can provide a floating headquarters, logistics, area surveillance and denial platforms and facilities for joint forces to act as an amphibious task group.

Fourth, maritime forces can remain in the EEZ on station for prolonged periods, either covertly or overtly. They can retain or seize the initiative or signal political resolve, and act as a force for deterrence or active coercion.

Fifth reason is that, through suitable positioning and force packaging, maritime forces can provide maritime leverage to exploit access and to have an influence on events ashore.

The challenges on these controversial issues are to find a practical and internationally accepted ways to address the military activities in the EEZ.



Some major considerations that have to be taken into account are:

1. Sovereign rights and jurisdiction of coastal states.
2. Freedom of navigation and over flight in EEZ as stipulated in Article 58 & Article 58(3).
3. National legislation.
4. Environmental well being of a coastal state.
5. Voluntary Guidelines by the EEZ Group 21.

## Conclusion

The subject of military activities in the EEZ is a veritable "hot potato" in the relationship between certain coastal states and the world's maritime powers, specifically the United States. While not a party to UNCLOS, the U.S has often invoked UNCLOS' provision regarding freedom of navigation and over flight to conduct various forms of military activities in the EEZ of other countries. The issue however, is a complicated one to resolve. This is in part due to the lack of clear stipulation within UNCLOS as to whether or not military activities constitute a part of freedom of navigation and over flight in the EEZ. However, countries should respect the integrity of the compromise and not interpret UNCLOS according to their private interests.

The EEZ is not a territorial sea, neither is it an international sea, but *sui generis* and state. A sweeping definition that would allow any country to conduct military activities in the EEZ of others without consent from or due regard to the coastal states would not be acceptable, neither would a blanket ban on the conduct of all foreign military activities in the EEZ. A safe and peaceful sea area is important to the fact that sea serves as artillery for commerce and movement of trade from the east to the west. Any disruption on the peaceful use of the sea will have adverse impact on the global trade since 70 percent of trade is transported through the sea. **S**



PUSAT PUNGUTAN ZAKAT

بُشِّرَتْ بِهِ الْمُنْصَدِّقُونَ وَالْمُنْعَذِّلُونَ وَالْمُنْعَذِّلُونَ



## KEWAJIPAN TERTUNAI TANPA BEBANAN

Tunaikan Zakat Menerusi **Skim Potongan Gaji**

HUBUNGI: 03-9289 5757 atau 1-300-88-5757



Sila hubungi:

Pusat Pungutan Zakat (MAIWP)  
Wisma PPZ, 68-1-6 Dataran Shamelin  
Jalan 4/91, Taman Shamelin Perkasa  
56100 Kuala Lumpur

T 03 9289 5757 • F 03 9289 5758

Emel: info@zakat.com.my

Zakat Membawa Berkat  
[www.zakat.com.my](http://www.zakat.com.my)



ADHD adalah suatu masalah utama kenapa kanak-kanak dibawa berjumpa dengan perkhidmatan kesihatan mental. Ianya dikesan satu dari 20 kanak-kanak (3-4 to 10-12%) di mana lelaki 3 ke 4 kali lebih biasa ditemui dari kanak-kanak perempuan tetapi secara amnya kedua jantina masih boleh terkena dengan penyakit ini. 3 kategori yang diserang adalah dari segi :

1. Tiada penumpuan (*inattentive*)
2. *Impulsive*
3. *Hyperactive* dan ADHD ini boleh berlarutan sehingga umur remaja dan dewasa.

# ATTENTION Deficit Hyperactivity Disorder (ADHD)

Oleh: HAT Lumut.

## Tanda-tanda dan gejala ADHD

Terbahagi kepada 3 bahagian utama iaitu; jenis pertama bercirikan keceluaran penumpuan (*inattentiveness*), jenis kedua ialah bercirikan terlampau aktif (*hyperactive* or *impulsive behaviour*) dan jenis ketiga ialah percaturan keduanya-dengan kanak-kanak menzahirkan kedua tanda-tanda dari jenis di atas. Gejalanya jarang dapat dikesan di peringkat awal sehingga kanak-kanak berkenaan ke sekolah. Diagnosis ADHD, kanak-kanak berkenaan mesti lah mempunyai gejala di dalam dua keadaan iaitu di sekolah dan juga di rumah. Gejala ini mestilah mengakibatkan gangguan terhadap kebolehan kanak-kanak berkenaan baik di rumah maupun di sekolah selama lebih dari tempoh 6 bulan. Pakar telah bersetuju sekurang-kurangnya 6 gejala hadir dari senarai di bawah ini dan iaanya bermula di waktu umur 7 tahun dan ke atas.

### Tanda-tanda perangai tiada tumpuan/*Signs of inattentive behavior*

1. Kesukaran untuk mengikut arahan/*Difficulty following instructions*.
2. Kesukaran menumpu kepada kerjanya/*Difficulty focusing on tasks*. Kerap kehilangan barang baik di sekolah maupun di rumah/*Losing things at school and at home*.
3. Kerap lupa dengan barang yang dimiliki/*Forgetting things often*.



4. Senang hilang arah tujuan atau hilang tumpuan mendengar/*Becoming easily distracted or having difficulty listening*.
5. Kurang tumpuan kepada yang khusus, melakukan kesilapan akibat tidak ambil berat atau yang tidak teratur/*Lacking attention to detail, making careless mistakes or being disorganized*.

6. Gagal dalam menyiapkan kerja atau tugasannya/*Failing to complete homework or tasks*.

### Tanda-tanda perangai yang terlampau aktif/*Signs of hyperactive behavior*

- Keresahan bergerak yang melampau/*idgetting excessively*.
- Kesukaran untuk duduk diam/*Difficulty staying seated*.
- Berlari dan memanjat dengan tidak

mnenitu dan tanpa tujuan/*Running or climbing inappropriately*.

- Bercakap secara berlebihan/*Talking excessively*.
- Kesukaran untuk bermain secara senyap/*Difficulty playing quietly*.
- Kerap kelihatan bergerak/*Always seeming to be "on the go"*.
- Menjawab cepat soalan walaupun tidak dituju kepadanya/*Blurting out answers or frequently interrupting*.
- Kesukaran dalam menunggu gilirannya/*Having trouble waiting his or her turn*.
- Menyapa dan mengganggu orang lain/*Interrupting or intruding on others*.

Kehadiran sebahagian dari simptom di atas ini tidak bermakna diagnosis ADHD itu tepat. Hanya kanak-kanak itu mempunyai banyak tenaga atau susah memberi tumpuan dalam pembelajaran tidaklah bermakna ianya mengalami ADHD. Diagnosis yang tepat adalah bergantung kepada kehadiran hampir semua gejala di atas dan kesukaran yang menghalang tahap kepanduan kanak-kanak itu melakukan sesuatu yang sesuai dengan tahap umurnya. Biasanya, gurulah orang pertama yang dapat mengesan dan saran mereka perlu dilihat secara serius.

### Kesan ADHD ke atas pembelajaran dan kehidupan sosial

Simptom ADHD – seperti kesukaran untuk duduk diam, memberi tumpuan secara khusus, dan mendengar arahan – membuat pembelajaran itu sukar untuk kanak-kanak ADHD. Walaupun

kebanyakan kanak-kanak ADHD ini normal atau melebihi tahap normal kepadaiannya. 40 ke 60% ADHD ini mempunyai masalah pembelajaran yang serius. Ramai dari mereka ini mempunyai masalah yang lebih spesifik iaitu menyiapkan kerja sekolah atau mengekalkan keputusan yang baik, atau menghadapi cabaran dalam menyiapkan kerja tesis dan ujian yang memerlukan tumpuan dan penulisan yang panjang dengan masa yang terhad. Kesan dari itu ialah pencapaian akademik yang teruk, memerlukan kelas-kelas pemulihan khusus dan kadang-kalanya menyebabkan kanak-kanak itu dibuang atau dinasihatkan berhenti dari sekolah berkenaan.

Dalam kehidupan sosial, kanak-kanak ADHD selalunya sukar untuk membentuk perhubungan yang baik dengan rakan maupun ahli keluarganya. Dalam pada itu kanak-kanak lain berasa kecawa untuk bermain dengan mereka disebabkan gejalanya yang antara sukar mematuhi undang-undang, menunggu gilirannya atau bercakap berlebihan atau pembelajaran/persekolahannya terhenti dengan sendiri.

### Penyakit-penyakit lain yang bersama ADHD

Kanak-kanak dan remaja ADHD adalah golongan utama di kalangan kanak-kanak yang mengalami penyakit mental. Anggaran 40 to 50% dari mereka mengalami ADHD juga mengalami 'oppositional defiant disorder'; 25 to 34% mengalami kerisauan (anxiety disorder); dan 30% mempunyai 'depression', lebih kurang 10% mengalami tics, 15 % mengalami 'conduct disorders' manakala 20% mempunyai 'bipolar affective disorder'. Hanya 30% yang benar-benar sepuhnya ADHD. Remaja ADHD yang tidak menerima rawatan adalah berisiko untuk menjadi penyalahgunaan substans iaitu dadah maupun alkohol/arak. Serta menjadi liar (seperti mat atau minah rempit).

### Rawatan yang efektif untuk kanak-kanak ADHD

Pengesahan, diagnosis dan rawatan awal akan mencapai matlamat yang lebih. Rawatan efektif untuk ADHD meliputi kombinasi ubatan, behavioral therapy, dan sokongan serta psychoeducation. Sembilan dari sepuluh kanak-kanak ADHD respons

kepada ubatan, dan 50 peratus darinya yang tiada respons pada awalnya akan respons kepada kali kedua. Bila ADHD berlaku bersama dengan penyakit lain, seperti kemurungan dan kerisauan, rawatan kombinasi dengan psychotherapy akan menjadi lebih efektif. Walaupun nilai ubatan dicatat, ibu bapa sepatutnya berbincang mengenai ubatan dengan pegawai perubatan kanak-kanak.

Jika kanak-kanak itu di diagnosis dengan ADHD, anda hendaklah bersabar. Walaupun dirawat, gejalanya mengambil masa untuk dipulihkan. Biasanya kesan rawatan itu menyebabkan kanak-kanak dan remaja menguatkan semangat, menunjukkan kemampuan bersaing dengan menunjukkan kekuatan, bakat dan nilai harga diri yang tinggi. Juga perlu dilihat kesan tiada rawatan untuk ADHD akan menyebabkan kegagalan, kekecewaan, tiada penilaian diri, pengasingan sosial, tahap semangat yang rendah yang mengakibatkan *low self esteem* yang membawa kepada penyakit mental lain.

Antara rawatan berupa behavioural therapy setelah mengenal pasti situasi, permasalahan dan keperluannya ialah mengerat dan memastikan hubungan yang positif antara kanak-kanak berkenaan dan ibu bapa penjaga, serta mengehadkan perhubungan yang negatif antaranya, serta menggunakan response cost system dalam mengurangkan permasalahan gelagat dan kelakuan kanak-kanak berkenaan di samping menggunakan sistem *time-out* jika perlu.



### PENYEBAB ADHD

Penyelidik percaya kesan biologi memainkan peranan utama dalam perkembangan ADHD. Sekurang-kurangnya 30 ke 40% dari kanak-kanak ADHD mempunyai keluarga yang mengalami penyakit ini, mencadangkan yang genes adalah faktor yang kurang mempengaruhinya. Imbasan otak (*brain scan*) mendapati otak kanak-kanak ADHD mempunyai kelainan dari yang tidak mengalaminya. Kanak-kanak ADHD difikirkan mempunyai masalah dalam sebahagian dari otaknya yang mengawal arah pemikiran dan perangainya. "ADHD is nobody's fault".

### PERANAN IBU BAPA DAN PENJAGA KANAK-KANAK ADHD

Ibu bapa dan penjaga memainkan peranan utama dalam memastikan kanak-kanak itu menerima penjagaan yang mereka perlukan. Kanak-kanak ADHD sepatutnya dirujukkan ke pakar kesihatan mental yang arif dalam merawat pesakit kanak-kanak (*child psychiatrist*) ataupun pegawai perubatan yang mempunyai pengalaman dalam merawat penyakit ini. Penganalisaan diagnosis sepatutnya meliputi pemerhatian tingkah laku dalam kelas maupun di rumah. Rawatan yang menyeluruh dan berkesan mesti melibatkan keluarga dan keputusan merawat mesti mengambil kira kanak-kanak berkenaan. Ujian pembelajaran dilakukan bilamana 'learning disabilities' dikesan.

### Rawatan ubat-ubatan (Pharmacological) yang digunakan:

#### Stimulants

- Methylphenidate.
- Amphetamine components.
- Phemoline.

#### Anti depression.

- TCA (tricyclic antidepressant)
- Bupropion.
- Atomexitine (strattera).

#### Antihypertensive.

- Clonidine
- Guafacine

#### Antipsychotic

- Haloperidol
- Risperidal.

### Berikut adalah tatacara perawatan ADHD

1. Pegawai perubatan asas (*Pediatrician*, GP contohnya) sepatutnya menyusun program rawatan kerana ADHD adalah penyakit kronik.

2. Pegawai perubatan yang merawat, ibu bapa penjaga serta kanak-kanak yang dirawat, dengan dibantu oleh pihak sekolah sepatutnya menyusun tatacara dan juga hala tuju yang khusus untuk kanak-kanak berkenaan.

3. *Psychiatrist* atau pegawai perubatan yang merawat sepatutnya mengesyorkan ubat stimulant yang sesuai serta rawatan tingkah laku yang sesuai dalam mencapai target dan hala tuju rawatan.

4. Jika target rawatan tidak tercapai, diagnosis dan program perlu di semak kembali dan dinilai serta seterusnya menggunakan rawatan yang lebih sesuai, rawatan lebih *adherens* dan juga lebih terkini.

5. Menggunakan program dan rawatan ulangan yang lebih bersistematis serta monitor kesan rawatannya dan kesan sampingannya dari ibu bapa penjaga dan dari kanak-kanak berkenaan.

Sila berhubung dengan pegawai perubatan anda atau pakar perunding kesihatan mental atau persatuan kesihatan mental atau boleh juga melihat di sumber internet berikut:

- American Academy of Child and Adolescent Psychiatry, <http://www.aacap.org/>
- American Psychiatric Association, 888-357-7924, <http://www.psych.org/>
- American Psychological Association, 800-964-2000, [www.apa.org](http://www.apa.org)
- Child and Adolescent Bipolar Foundation, 847-256-8525, <http://www.bpkids.org/>
- Children and Adults with Attention-Deficit/Hyperactivity Disorder, 800-233-4050, <http://www.chadd.org/>
- Federation of Families for Children's Mental Health, 703-684-7710, <http://www.ffcmh.org>

# Anugerah BINTARA & LASKAR TERBAIK TLDM 2008

Oleh: Qairin Nasali

**'Tuah Ayam Nampak di Kaki, Tuah Manusia Tiada Siapa Yang Tahu'**, begitulah antara pepatah Melayu lama yang tidak pernah lekang dek zaman. Meskipun anugerah yang diimpikan oleh anggota yang berkhidmat di dalam Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) hanyalah 'anganan' mereka pada mulanya, namun akhirnya impian menjadi kenyataan berkat kecemerlangan dan dedikasi yang ditunjukkan kepada perkhidmatan. Mereka yang dimaksudkan oleh penulis ialah 817857 PW II TLR Mohd Fauzi bin Othman yang terpilih mendapat Anugerah Bintara Terbaik TLDM manakala 820234 LK PPP(PKL) Shamsul bin Md Deni pula layak memegang Anugerah Laskar Terbaik TLDM bagi tahun 2008.

Pencalonan anggota bagi Anugerah Bintara dan Laskar Terbaik TLDM ini adalah berdasarkan beberapa kriteria yang dititikberatkan seperti prestasi kerja, kecemerlangan sepanjang perkhidmatan serta kualiti kerja secara keseluruhan yang menyumbang ke arah pembangunan organisasi TLDM.



## PEMENANG BINTARA TERBAIK TLDM 2008 PW II TLR Mohd Fauzi bin Othman

Selain itu, beliau sering menyumbangkan ilmu dan idea demi kemajuan pengurusan perkhidmatan. Antara inisiatif terhadap penambahbaikan yang dilaksanakan ialah pengumpulan Arahan Pengendalian Kontrak dalam bentuk PDF dan mewujudkan Seksyen Perkhidmatan Kejuruteraan untuk menyimpan rekod persendirian (*working file*) yang berkaitan kerja harian.

Beliau juga dilihat tidak berdiam diri dalam usaha menambahkan ilmu pengetahuan apabila mengikuti program K-Force dan berjaya menamatkan pengajian Diploma Pengurusan pada Jun 2008 lalu dengan pencapaian purata kumulatif 3.5. Bahkan, beliau juga dipersijilkan sebagai Jurutera Sistem Jaringan oleh Jabatan Kemahiran Malaysia melalui kursus Microsoft Certified System Engineer (MCSE) pada tahun 2003.

Bergiat aktif di lapangan sukan menembak

sokongan terhadap perkhidmatan TLDM khususnya dan ATM amnya.

Pelbagai kejayaan dan anugerah yang diperolehi di peringkat kebangsaan dalam acara Side Arm Pistol seperti meraih tempat kedua bagi acara berkumpulan semasa pertandingan National Shooting Championship 2008 dan memenangi tempat ketiga dalam acara yang sama di pertandingan Piala Tun Tan Siew Sin pada tahun 2006. Beliau juga sering dinobatkan sebagai johan individu dan berkumpulan di peringkat TLDM.

Sumbangan beliau bukan sahaja terhadap perkhidmatan malahan beliau turut menceburkan diri dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan seperti dilantik menjadi AJK Wisma Bintara KEMENTAH bagi sesi 2007/2009 dan telah berjaya mengkoordinasikan beberapa aktiviti Wisma seperti Hari Perpisahan RSM Tentera Darat, Majlis Induksi Pemangku Bintara Muda dan Majlis meraikan pesara serta baliu warga Angkatan Tentera Malaysia. Melalui penganjuran aktiviti-aktiviti tersebut sedikit sebanyak telah menaikkan nama TLDM.

Prestasi serta komitmen yang membawa hasil terhadap kejayaan beliau pada hari ini membuktikan anggota TLDM mampu menjadi pemangkin terhadap pengurusan organisasi. Berpegang kepada 'konsep melakukan yang terbaik', menjadikan beliau sebagai contoh kepada pihak atas dan panduan kepada generasi muda.

Pastinya, kejayaan PW II TLR Mohd Fauzi berkat sokongan padu isteri beliau iaitu Puan Ruzaini Abdullah serta 5 cahaya mata mereka.



Kejayaan turut dikongsi bersama isteri, Puan Ruzaini Abdullah dan keluarga tersayang

t i d a k  
sedikit pun  
menjejasikan  
prestasi kerja.  
Malahan,  
kejayaan  
tersebut  
telah menjadi  
pemangkin  
kepada  
semangat  
beliau sebagai  
the Navy  
People untuk  
meneruskan  
kerjaya  
seterusnya  
membina  
jati  
diri dalam  
m e m b e r i

## PEMENANG LASKAR TERBAIK TLDM 2008

### LK PPP (PKL) Shamsul bin Md Deni

Bagi LK PPP (PKL) Shamsul bin Md Deni anak kelahiran Kuala Pilah ini, kerjaya di dalam perkhidmatan TLDM merupakan satu cabaran bagi beliau apatah lagi apabila diserapkan ke dalam pasukan elit TLDM (PASKAL) memandangkan kecenderungan dan minat yang mendalam terhadap aktiviti lasak dan mencabar.

Beliau kini ditugaskan di cawangan Latih PASKAL dan sentiasa mengamalkan semangat setia dan mengambil berat terhadap perkembangan pasukan pada setiap masa. Beliau juga memberikan komitmen yang memberangsangkan terhadap tugas yang telah diamanahkan serta merupakan seorang anggota yang kompeten dalam menyahut saranan pihak tertinggi TLDM agar anggotanya mempunyai kepakaran yang *multi skilling*.

Pelbagai kursus turut dihadiri bersama pasukan khas negara asing dalam dan luar negara. Beliau juga sering melibatkan diri dalam eksesais tahunan seperti Eksesais Pahlawan, Eksesais Jeron Emas, Eksesais Naga Emas, Eksesais Wira Laut, Eksesais Angsa dan Eksesais Kerismas bagi mengimplementasikan segala kepakaran yang telah dipelajari.

Dengan pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki, beliau sering memberikan idea dan buah fikiran yang dapat



dimanfaatkan kepada unitnya. Antaranya ialah, membangunkan Dasar Kompetensi dan kriteria perjawatan Cawangan Latih PASKAL, mengadaptasi teknik latihan pembinaan fizikal bagi mempercepatkan kadar penurunan berat badan dan penambahbaikan dalam penerbitan Buletin PASKAL.

Beliau juga merupakan anggota terawal yang mengimplementasikan teknik *Roto Jump* bagi melaksanakan latihan penerjunan dari helikopter dan teknik *back to back* yang lebih praktikal. Selain itu, beliau juga telah menzahirkan teknik penyelaman *Contour Swim* yang belum pernah diimplementasikan sebelumnya sebagai alternatif mendekati sasaran musuh.

Dalam usaha memajukan diri ke arah perkembangan minda, beliau turut melibatkan diri dengan pelbagai aktiviti sosial dan kebudayaan dalam serta luar perkhidmatan seperti AJK Tim ISO MS 90001: 2000, unit AJK Tenaga Pakar Penyelidikan Pantai bagi kursus kerja

atas komando PASKAL dan jurulatih Persatuan Tekwando PASKAL. Tidak terhenti di situ sahaja, bahkan beliau turut berkecimpung dengan aktiviti yang melibatkan masyarakat luar seperti AJK Taman Perumahan Fasa 3B Seri Manjung dan Pengurus Event Management Program K-FORCE. Bagi program amal pula, beliau terlibat dalam menyumbangkan tenaga bersama anggota PASKAL membina dan menyiapkan Rumah Anak Yatim Bait Al-Hannan Parti Perak serta Projek Jiwa Murni di Sekolah Kebangsaan Seri Manjung.

'Tiada siapa yang boleh mengubah kita melainkan diri sendiri', berpegang pada kata-kata tersebut beliau berusaha menambahkan ilmu di dada dengan mengikuti program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Perniagaan melalui program pengajian jarak jauh (K-Force).

Beliau turut aktif dalam bidang sukan dan olahraga seperti maraton, kayak, mendayung, tinju, sukan lasak dan tekwando. Sepanjang penglibatan dalam bidang sukan, beliau pernah mewakili TLDM dan ATM dalam beberapa kejohanan.

Sumbangan dan jasa bakti beliau yang telah dicurahkan sepanjang perkhidmatan begitu dihargai oleh pasukan. Hasil usaha beliau bersama rakan setugas menggembungkan tenaga dalam pelbagai aspek di tempat kerja membawa matlamat untuk memacu pasukan terus ke hadapan dan menjadi sebuah pasukan yang disegani di bawah naungan TLDM amnya. Kewibawaan, dedikasi dan taat setia yang telah ditunjukkan terhadap pasukan dan perkhidmatan amatlah dibanggakan wajar dihargai dan perlu dijadikan *role model* kepada setiap lapisan anggota dan generasi muda TLDM.

Dengan penganugerahan yang diberi sebagai Laskar Terbaik TLDM merupakan satu kejayaan bagi diri beliau untuk terus maju lagi di masa hadapan. **S**

**"Menabur keringat dengan seribu keikhlasan, mempersiagakan diri dalam mencari kekuatan sebelum menempuh kegagalan, memperluaskan jati diri dan pengetahuan di dada demi menggapai kecemerlangan dan mencari pencapaian tertinggi sepanjang perkhidmatan selagi hayat dikandung badan"**

**-LK PPP (PKL) Shamsul**

Kecemerlangan serta kejayaan LK PPP (PKL) Shamsul bin Md Deni dikongsi bersama keluarga tercinta





LAKSAMANA MUDA TAN SRI  
K.THANABALASINGAM  
(1967 - 1976)



LAKSAMANA MADYA DATO'  
MOHD ZAIN BIN MOHD SALLEH  
(1976 - 1986)



LAKSAMANA MADYA TAN SRI  
ABDUL WAHAB BIN HAJI NAWI  
(1986 - 1990)



## MELAYARI SAMUDERA ALAF BARU

**Buatmu TLDN 75 Tahun**

Nukilan : PW I Azamin Itam

Bahtera kecil kita tak pernah jemu menongkah muara  
luncurnya tenang jauh meredah Selat Melaka  
merentasi tujuh lautan melabuh tujuh tebing benua.

Sejarahnya disuntik dari *The Straits Settlement Naval Volunteer Reserve*  
Komander L.W Johnson telah meneroka peradaban warga kita  
dan kerana haloba Hitler menggilas  
menerima petunjuk

membuka pangkalan kecil di seberang tambak  
lalu ia dikenali HMS PELANDOK bertukar ganti HMS MALAYA  
yang tidak dirasai generasi kini  
lalu membiak merebak  
membuka tanah jajahan  
Pangkalan Lumut yang tersohor.

Kini kita telah dewasa dalam sejarah dalam darah  
masih terpahat kukuh rentetan perjalanan anak watan  
membelah ombak di Ceylon, Afrika Timur lalu ke India  
di duga bertubi-tubi dibuai gelora  
dan dalam ladung hanyir keringat berbaur duka  
Pulau Batu Putih menyaksikan  
Tentera Laut Melayu hilang ditelan gelita.

12 Julai 1948 telah membakar kemeyan bangsa  
wangi setangginya telah semarakkan Angkatan Laut Malaya  
merah apinya membara puluhan tahun lamanya  
dari darah dengan airmata telah membuka jendela  
Tentera Laut Diraja Malaysia.



LAKSAMANA MADYA TAN SRI  
MOHD SHARIFF BIN ISHAK  
(1990 - 1995)



LAKSAMANA MADYA DATO' SERI  
AHMAD RAMLI BIN MOHD NOR  
(1995 - 1998)



LAKSAMANA DATO' SRI  
ABDUL AZIZ BIN HJ JAAFER  
(2008 - SEKARANG)



LAKSAMANA TAN SRI  
RAMLAN MOHAMED ALI  
(2006 - 2008)



LAKSAMANA TAN SRI  
ILYAS BIN HJ DIN  
(2005 - 2006)

Melebari detik kegemilangan ini  
mari kita buka lembaran kecemerlangan semalam  
*the Navy People* telah bangkit dari mimpi nafsu nafsi menggapai fantasi  
bersama bukti berbakti, projek kapal PV kebanggaan watan jati  
telah membenamkan angkuh musuh durjana  
lalu tiba KD TUNKU ABDUL RAHMAN disusuli KD TUN ABDUL RAZAK  
kemunculannya telah membuka mata minda seluruh warga  
di laut tak tercarik layar TUNAS SAMUDERA menongkah badi membawa  
semangat panji keramat.  
panji yang mengusir jalang di Teluk Aden  
panji yang mampu menggetarkan kerusi dunia  
biar kering peluh berganti darah bergegar lafaz sumpah  
menjunung akidah kehendak alaf baru pemimpin utama.

Dalam melayari samudera alaf baru  
kita perlu digubah dan sanggup berubah  
menjunung akal para cendikiawan  
memartabatkan kualiti maknawi mencorak peta hakiki  
memberi pedoman generasi ratusan tahun lagi.

Bersama visi dan misi sejati  
kita terus melayari bahtera modenisasi menuju kegemilangan  
mensyukuri nikmat Tuhan bukan sekadar tersenyum memandang  
warga kecil jiwa besar harus berani mengolah peradaban  
berganding bahu menyinsing lengan  
menggenggam erat dan tekad mencapai harapan keramat  
warisan zaman berzaman  
“Menjadi Tentera Laut Yang Berkualiti”



LAKSAMANA TAN SRI DATO' SERI  
ABU BAKAR BIN ABDUL JAMAL  
(1998 - 2002)



LAKSAMANA DATUK  
RAMLY BIN ABU BAKAR  
(2002 - 2003)



LAKSAMANA TAN SRI DATO' SERI  
MOHD ANWAR BIN HJ MOHD NOR  
(2003 - 2005)

# PERSATUAN MENEMBAK TLDM

## MELAHIRKAN JAGOAN NEGARA

Persatuan Menembak TLDM (PMTLDM) telah ditubuhkan pada tahun 1982. Semenjak penubuhannya, persatuan telah menunjukkan prestasi yang amat memberangsangkan termasuk di Kejohanan Menembak Sirkit Kebangsaan yang disertai. Ketika ini, PMTLDM dianggotai seramai 72 penembak yang aktif. Seramai 12 penembak ahli PMTLDM telah mewakili negara sehingga ke peringkat antarabangsa.

Sebagai usaha bagi mengekalkan kecemerlangan dan keunggulan, PMTLDM telah mengambil pendekatan dengan mempelawa penembak-penembak negeri memasuki perkhidmatan TLDM sama ada berkhidmat di dalam Angkatan Tetap mahupun di dalam Pasukan Simpanan Sukarela TLDM. Pada tahun 2007, PMTLDM telah berjaya menarik minat seramai 3 orang belia yang merupakan atlet menembak mewakili negeri masing-masing dan pada tahun 2008, bilangan telah bertambah menjadi 9 orang setelah penambahan seramai 6 orang. Perancangan ini dilaksanakan untuk memberi persaingan yang sihat kepada penembak-penembak PMTLDM sedia ada agar mereka sedar dan akan berusaha dengan lebih gigih untuk memajukan diri dan meningkatkan lagi prestasi.

Sejarah penubuhan persatuan ini bermula dengan penubuhan Royal Malaysian Navy Shooting and Archery Club (RMNSAC) dianggotai oleh beberapa orang pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat.

Pada tahun 1986, RMNSAC didaftarkan di bawah National Shooting Association of Malaysia (NSAM) sehingga 1989 sebelum ditamatkan kerana Persatuan Menembak ATM mula ditubuhkan. Mulai saat itu juga, segala penyertaan TLDM di dalam pertandingan menembak berada di bawah naungan ATM. Pada tahun ini juga, RMNSAC dipecahkan kepada dua, iaitu Persatuan Menembak TLDM dan Persatuan Memanah. Dengan pemecahan ini, kedua-dua persatuan dikendalikan secara berasingan yang mana Kdr Shukor TLDM dilantik sebagai Pengurus PMTLDM manakala Kdr Che Isa Ahad TLDM dilantik sebagai Pengurus Persatuan Memanah.

Antara anggota TLDM yang pertama berjaya mewakili Malaysia dalam



Tim PMTLDM kali sepuluh memenangi Kejohanan Menembak Antara Perkhidmatan pada tahun 2008

pertandingan menembak ialah BM Saadon dalam acara Prone pada tahun 1987. Selain daripada itu, BM Subari dari persatuan menembak pula merupakan anggota ATM pertama pada tahun 1991 dilantik menjadi ISSF Technical Officer.

Pada tahun 1994, PMTLDM terlibat dengan Program Pembangunan Sukan Komanwel yang mana Lapang Sasar PMTLDM menjadi salah satu Pusat Latihan Kebangsaan. Pada saat inilah, beberapa penembak TLDM mula dikenali di peringkat kebangsaan dengan beberapa kejayaan merangkul pingat dalam acara menembak seperti Sabki, Imran, Rahimi, Azhar Mat Nawi, Sapiyah, Chan, Saadon dan Zubir. Dalam SUKMA 1994, Rahimi dan Azhar Mat Nawi berjaya merangkul pingat emas dalam acara Air Pistol. Dengan kejayaan ini, PMTLDM mula dikenali dan mula mendapat bantuan dari Majlis Sukan Negara. Bantuan pertama yang diperoleh ialah bangunan Lapang Sasar 10 meter. Bantuan kedua diperoleh pada tahun 1998 iaitu indoor range 10 meter, bantuan ketiga pula pada tahun 2002 dalam membekalkan mesin untuk lapang sasar 10, 25 dan 50 meter.

Pada ketika ini, PMTLDM diterajui oleh Kdr Roslee bin Mohamad Isa TLDM selaku pengurus dan P/Kdr Nur Azmel bin Awaludin TLDM sebagai setiausaha. Pelbagai kejayaan

telah dicapai oleh PMTLDM sehingga saat ini sama ada di peringkat perkhidmatan, negeri dan kebangsaan mahu pun antarabangsa. PMTLDM telah mewakili ATM dalam 6 Sirkit Kebangsaan sepanjang tahun 2008. Seramai 12 penembak telah mewakili negara di kejohanan menembak antarabangsa iaitu dalam Kejohanan Menembak SEASA Vietnam (1 orang), Kejohanan Menembak Terbuka Thailand (5 orang), Kejohanan Menembak Brunei Skill At Arms Meet (BISM) (4 orang) dan Kejohanan Menembak Antarabangsa IPSC di Bali, Indonesia (2 orang). Manakala penglibatan penembak PMTLDM dalam Sirkit Kebangsaan seperti Selangor Shooting Championship, President Ally T.H Ong Trophy, Tan Sri Dato' S.M Yong Trophy, MAS IPSC Championship, Tun Tan Siew Sin Trophy, Tun Hanif Omar Trophy dan National Shooting Championship. Selain daripada itu, PMTLDM juga turut memenuhi jemputan Kejohanan IPSC yang dianjurkan oleh persatuan-persatuan IPSC Malaysia dan PDRM. PMTLDM mempunyai rekod yang amat membanggakan di dalam perkhidmatan ATM kerana menjadi juara pertandingan menembak antara perkhidmatan semenjak tahun 1994, 1995, 1996, 1997, 1998 sehingga 2001 tiada pertandingan, 2002 sehingga 2008 secara berterusan. Pada tahun 2008, PMTLDM telah berjaya merangkul 24 pingat emas dari 26 pingat yang dipertandingkan. Kejayaan yang berterusan ini secara tidak langsung telah melayakkan PMTLDM disenaraikan di dalam Hall Of The Fame oleh Lembaga Kawalan Sukan TLDM (LEKAS).

Sebagai menghargai khidmat dan keringat yang telah dicurahkan oleh para penembak yang berjaya mengharumkan nama baik TLDM di peringkat ATM, kebangsaan mahupun antarabangsa, penembak-penembak persatuan dicalonkan untuk menerima anugerah kecemerlangan sukan daripada LEKAS TLDM. Pada tahun ini, seorang penembak PMTLDM, 822349 LK PPP(PKL) Khalel bin Abdullah dianugerahkan pemenang Olahragawan Sukan TLDM 2008. **S**



TLDM juara menembak antara perkhidmatan 2008

# KENTAL DAN CEKAL

## BAWA LAKSAMANA MUDA DATO' MUSA KE MERCU JAYA ARENA MENEMBAK

Oleh: Kazi Daniq

'KE MANA tumpahnya kuah kalau tidak ke nasi'. Ungkapan yang paling sesuai dan sinonim untuk personaliti kali ini, Laksamana Muda Dato' Musa Omar atau lebih dikenali sebagai 'penembak Musa' di kalangan rakan-rakan atlet menembak sama ada Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) mahupun kebangsaan.

Bapanya Omar bin Musajee merupakan pegawai Tentera Darat Malaysia (TDM) berangkat Kapten yang bergiat aktif di dalam bidang menembak.

"Sebelum ini, saya tidak tahu yang bapa saya juga aktif menembak, namun setelah pemergian arwah pada 1993, ibu baru memaklumkan kepada saya kisah sebenarnya.

"Sepanjang hidupnya, apa yang saya tahu bapa adalah seorang yang berdisiplin, tegar, kuat bekerja tetapi penyayang. Sebab inilah beliau tidak pernah mengabaikan tanggungjawabnya kepada anak-anak" kata Musa.

Katanya lagi, menurut ibunya, bapa bergiat aktif di dalam bidang menembak sejak sudah sekian lama dan kepaikannya itu digunakan untuk mengajar pasukan menembak unitnya supaya mahir dalam bidang tersebut bukannya di dalam acara menembak sukan.

Garalan sebagai seorang 'penembak TLDM' tidak pernah terlintas di pemikiran beliau memandangkan beliau lebih meminati sukan kriket dan juga ragbi di peringkat TLDM.

Namun, pengalaman yang dimiliki Musa sama ada sebagai pemain mahupun Setiausaha Sukan telah mencuit hati dan menyakinkan Pegawai Memerintah KD PELANDOK ketika itu (1991), Kepten Ramli Shamsudin TLDM dan lantas mendorong Musa untuk cuba mengambil bahagian di dalam Kejohanan Mini Olimpik TLDM 1991 dalam acara menembak.

Tiga hari pertama menembak pistol, amat mencabar kepada beliau kerana gagal mengenai sasaran. Namun semangat kental dan cekal yang telah lama tertanam di dalam jiwanya, diselaputi didikan arwah bapanya supaya tidak mengenal erti kalah telah membakar jiwanya untuk berjaya di dalam bidang yang 'setahun jagung' baru dikenalinya.

Tuah ayam nampak di kaki, namun tuah manusia siapa yang tahu - berkat kesabaran, bakat serta darah warisan yang mengalir di dalam tubuh Musa, telah menjadikan beliau antara penembak pistol terbaik TLDM di era 1990an dalam acara air pistol.

Kejayaan pertama yang dikecapinya adalah ketika menyertai pertandingan Kejohanan Mini Olimpik (KMO) 1991, buat pertama kali di mana beliau merebut tempat kedua individu dalam kategori Pistol (Sidearm). Beliau seterusnya dilantik sebagai Timbalan Pengurus Persatuan Menembak TLDM.

Bertanya berkenaan perbezaan sukan menembak berbanding kriket dan ragbi, Musa mengakui sukan menembak kurang menggunakan kekuatan fizikal namun perlu mempunyai stamina yang konsisten dan daya



MUSA...tumpuan tajam adalah kelebihan kepada penembak.

ketahanan yang tinggi.

Bermula daripada pertandingan tersebut, beliau telah banyak memasuki pertandingan menembak peringkat ATM dan masih aktif menembak acara sidearm dalam semua sirkit kebangsaan.

Pengalaman dan sifat peribadi beliau yang cergas, aktif dan berdisiplin yang dimiliki, Musa telah dilantik sebagai Timbalan Pengurus Persatuan Menembak TLDM pada

Antara Perkhidmatan dari 2000 hingga 2008.

Kini sebagai Pengurus Persatuan Menembak ATM, beliau telah dimahkotakan sebagai Juara Antara Perkhidmatan acara menembak buat kali pertama. Beliau masih mengharapkan kutipan emas dan bergelar johan di dalam enam sirkit di peringkat ATM bagi 2009 yang mana kini telah memasuki sirkit kedua, beliau berjaya membawa persatuan menembak ATM merjuarai keduă-dua kejohanan sirkit kebangsaan tahun 2009.

Apabila ditanya ramuan sebenar untuk menjadi penembak terbaik, tidak dapat difaikan Musa mengakui mata atau tumpuan tajam adalah kelebihan kepada penembak, di samping latihan yang sistematis, keseimbangan badan, bakat dan mental yang kuat.

"Apa yang saya lihat kebanyakannya penembak kini masih lemah dari segi mental yang mana mereka tidak dapat mengawal mental apabila disorak oleh penonton atau di dalam situasi mencabar."

"Bagi mengatasinya, saya berpendapat para penembak sama ada peringkat TLDM, ATM atau kebangsaan perlu didekah dengan pelbagai kursus kekuatan mental dan juga memperbanyakkan pendedahan di peringkat antarabangsa," kata Musa yang percaya penembak Malaysia mampu mencapai kejueraan pelbagai kategori pertandingan menembak.

Dil samping itu, beliau juga menasihati para penembak agar sentiasa mendisiplinkan diri bagi mengelak daripada terjerumus ke kancan gejala sosial yang semakin serius kini di kalangan atlet khususnya dalam masalah dada.

"Perkara ini amat membimbangkan kerana jika sekali dikesan atlet tersebut mengambil



BANGGA..Musa (ketiga dari kanan) turut gembira apabila Pasukan Menembak Malaysia mendapat banyak pingat emas ketika Sukan Komanwel Kuala Lumpur 1998.

1993. Pada tahun itu juga beliau telah dilantik sebagai Pengurus Pasukan Menembak TLDM ke pertandingan Antara Perkhidmatan 1993 di samping mengetuai Pasukan Menembak TLDM pada tahun yang sama.

Antara kejayaan yang beliau kecapi dari dulu hingga sekarang adalah: tempat kedua kategori individu Air Pistol, pingat emas kategori berpasukan Air Pistol 1993. Kejayaan ini menjadi lebih manis apabila TLDM pertama kali menjadi juara di peringkat ATM, Johan Individu KMO 1993, Johan Antara Perkhidmatan ATM (1993, 1995 hingga 1997), Pengurus Pasukan Menembak Kebangsaan Sukan Komanwel di Kuala Lumpur 1998 dan Johan Acara Menembak

dahad maka sukar baginya untuk kembali aktif dalam sukan menembak kerana Jawatan kuasa Persatuan Menembak amat menitikberatkan perkara ini," kata Musa tegar.

Berdasarkan berkat kesungguhan dan prestasi cemerlang, beliau telah dianugerahkan pingat kebesaran dari Negeri Pahang, Selangor dan Kelantan yang membawa gelaran Dato'.

Sempena sambutan Jubli Intan TLDM ke-75, beliau mengambil kesempatan mengucapkan Selamat Menyambut Ulang Tahun Jubli Intan TLDM KE-75 kepada warga TLDM dan berharap pengorbanan selama 75 tahun akan diwarisi dan dilestari oleh generasi akan datang hingga ke akhir hayat. **S**

# PERNAMA PRIHATIN

BELANJALAH  
dengan  
BERHEMAH  
di PERNAMA

HARGA  
KAMI TETAP  
RENDAH

Khas untuk warga  
Angkatan Tentera Malaysia,  
istimewa hanya di



PERNAMA

PERNAKA RASA MALAYSIA

Setia bersama anda

[www.pernama.com](http://www.pernama.com)



**“Beruntung menjadi pemuzik Pancaragam Pusat TLDM kerana dapat menjelajah seluruh Malaysia di mana tugas pancaragam diperlukan dan dapat melawat ke luar negara...”**

- BK PGM Mohd Jogor

## PANCARAGAM PUSAT TLDM PENCERIA SUASANA

Perbarisan ketenteraan tidak akan sempurna jika tidak diiringi oleh pancaragam. Muzik yang dimainkan akan menaikkan semangat dan anggota perbarisan akan berkawad dengan bersemangat, segak dan kemas. Justeru itu, pancaragam memainkan peranan yang penting dalam sesuatu perbarisan ketenteraan.

Pancaragam Pusat TLDM telah ditubuhkan pada tahun 1964 di KD MALAYA, Woodland, Singapura. Pada awal penubuhannya pasukan ini dinamakan "RMN Corps of Drum" dan pemuzik-pemuzik telah dipilih dari anggota cawangan kelasi yang meminati bidang muzik. Pasukan ini telah dilatih oleh seorang pegawai dari Tentera Laut British. Tugas-tugas ketika itu hanya tertumpu di pangkalan sahaja. Antara tugas yang dijalankan adalah seperti Perbarisan Meraikan Panji-Panji, Perbarisan Bulanan Pegawai Memerintah, Perbarisan Tamat Latihan Rekrut, Majlis Makan Beradat Pegawai-Pegawai TLDM dan membuat pertunjukan ketika Majlis Hari Keluarga pangkalan.

Menyedari pentingnya pasukan pancaragam dalam sesebuah organisasi, Pemerintah Tertinggi Tentera Laut ketika itu, Laksamana Muda (B) K. Thanabalasingam (sekarang Tan Sri) telah meminjam seorang pegawai dari Tentera Darat untuk diperjawatkan sebagai Pegawai Pancaragam bagi memimpin pasukan tersebut. Mejai Anuar bin Alaidin (Allahyarham) telah menjadi pegawai pancaragam yang pertama untuk memimpin pasukan dan seiring itu nama "RMN Corp of Drum" telah ditukar kepada Pasukan Pancaragam Pusat TLDM (PPTLDM). Pemuzik telah ditambah untuk memantapkan lagi mutu muzik dan persembahan pasukan ini. Dengan pertukaran nama tersebut, segala arahan penugasan PPTLDM telah diambil alih oleh Bahagian Perkhidmatan Anggota Markas Angkatan Tentera Malaysia. Peralihan kuasa ini bertujuan membantu penugasan Pancaragam Pusat Rejimen Askar Melayu Diraja (PPRAMD) dan Pancaragam Pusat Kor Amor Diraja (PPKAD). Apabila pemindahan berperingkat KD MALAYA ke Pangkalan TLDM Lumut, Perak pada tahun 1982, Pancaragam Pusat TLDM telah dipindahkan lebih awal dan ditumpangkan di bawah pentadbiran KD PELANDOK sehingga sekarang.

Setelah hampir 45 tahun beroperasi menabur bakti, memimpin dan pemuzik bertukar ganti, Pancaragam Pusat TLDM tetap meneruskan tradisi mengiringi setiap upacara rasmi, perbarisan dan acara-acara lain yang dianjurkan oleh

Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri, pihak ATM dan pihak swasta yang memerlukan khidmat pancaragam.

Kini Pancaragam Pusat TLDM terus dikenali, mereka terlibat dalam upacara rasmi; antaranya Perbarisan Hari Kemerdekaan, Upacara Perbarisan Mengarak Panji-Panji DYMM SPB Yang Dipertuan Agong, Upacara Penganugerahan Bintang dan Pingat Persekutuan di Istana Negara, Sambutan Rasmi Lawatan Pembesar Negara Asing ke Malaysia, Majlis Santapan Diraja dan acara lain. Di peringkat Kerajaan Negeri, PPTLDM telah memberi sumbangan dan kerjasama bagi menyajikan upacara-upacara rasmi, antaranya Perbarisan Hari Ulang Tahun Keputeraan Sultan, Raja dan T.Y.T Yang Dipertua Negeri, Upacara Penganugerahan Bintang dan Pingat Negeri, Majlis Santapan Negeri dan majlis yang dihadiri oleh pemerintah negeri. Di peringkat ATM

Ketika menemu bual "Band" Sarjan Major, BK PGM Mohamad Jogor bin Saideh berasal dari Sabah, beliau memberitahu, "beruntung menjadi pemuzik Pancaragam Pusat TLDM kerana dapat menjelajah seluruh Malaysia di mana tugas pancaragam diperlukan dan dapat melawat ke luar negara". Beliau juga memberitahu berpeluang masuki dan melihat sendiri keadaan istana tempat berseayam Sultan dan Raja yang menjadi kawasan larangan bagi rakyat yang tidak



**RMN CORPS OF DRUM mengadakan pertunjukan di Jepun**

dan TLDM, Pancaragam Pusat TLDM banyak terlibat dalam Perbarisan Hari Ulang Tahun ATM dan TLDM, Perbarisan Tamat Latihan Kadet dan Perajurit Muda, acara Sambutan Rasmi Lawatan Pemerintah Tertinggi Negara Asing ke Kementerian Pertahanan, Majlis Makan Beradat dan acara-acara lain yang memerlukan khidmat pancaragam.

Pancaragam Pusat TLDM juga pernah mengadakan persembahan di luar negara, antaranya mengadakan persembahan di Tokyo sempena "Japan International Fleet Review 2002", Korea Selatan, Filipina dan telah bergabung dengan Pancaragam Pusat ATM untuk pertunjukan di Brunei Darussalam sempena "Brunei Darussalam International Tattoo 2006".

berkenaan. Selain itu, seorang anggota LK II PGM Megat Afandi bin Mohamad Afandi berasal dari Perak, yang berkhidmat hampir dua tahun dalam TLDM memberitahu, beliau pada mulanya tidak terfikir untuk memiliki kepakaran pancaragam kerana tidak ada bakat dalam muzik dan tidak tahu langsung notasi dalam muzik. Setelah belajar dan mendalami pelajaran muzik, beliau merasa seronok dan berminat menjadi pemuzik dalam Pancaragam Pusat TLDM. Beliau menambah jika di luar, untuk mempelajari bidang muzik, beliau terpaksa mengeluarkan perbelanjaan yang besar untuk mahir dan sekarang beliau dapat memainkan alat muzik trompet dengan baik dan akan terus belajar untuk meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang muzik. **S**

# “GUNS AND FLOWERS”

## EXTRACT OF A CAPTAIN’S JOURNAL PART I

by Captain Mohd Zahari Hj Jamian Royal Malaysian Navy, Commanding Officer of KD LEKIU and Commander Task Unit 30.0.1 OP FAJAR

Royal Malaysian Air Force's NURI Helicopter on board  
KD SRI INDERAPURA disguised as MISC's



**“Will they understand that for the freedom and peace in a stable and democratic country like ours, sacrifices were made, lives were lost, resources were expended and many put to glory, fame, happiness, sadness, shame and sorrow for the betterment of others?”**



Extract of the briefing made to JPP Khas  
29 Aug 08 on the movement of  
MV BUNGA MELATI DUA

These extracts of journal is dedicated to the brave Malaysian Armed Forces personnel who fought hard for the cause of the nation's pride and sovereignty, in saving MV BUNGA MELATI DUA and LIMA and their crew throughout the 52 days period of OP FAJAR, over Malaysia's Independence Day, Ramadhan, Armed Forces Day and Hari Raya Aidil Fitri festivals, in foreign and hostile waters of Somalia.

### PROLOGUE

One may wonder, whether our children of the future will ever care, remember, or are being reminded of this event. Will they learn that freedom and peace are not to be taken for granted? Will they understand that for the freedom and peace in a stable and democratic country like ours, sacrifices were made, lives were lost, resources were expended and many put to glory, fame, happiness, sadness, shame and sorrow for the betterment of others? The event, in which their forefathers served with honour and pride to save a few Malaysians, for the betterment of mankind, thousands of miles away from Malaysia, in hostile environments, violent sea and weather conditions, spiced with legal and international implications, so that justice to the hijackers, kidnappers, economical and political hostages, and our people were served. After all is said and done, what matters are - the lives of our people are protected, the collateral damages that occurred are minimised to the smallest possible number, the pride and sovereignty of our beloved nation are safeguarded, and we have demonstrated that we can do a good job, burning ourselves like many little candles - whilst smiling with content, courage and honour in order to let the rest of Malaysians

enjoy the light of freedom.

This is the unclassified version of the events, the story, our victory.

### THE PREPARATION

#### 23 Aug 08, Lumut, Perak, Malaysia

My day started as usual. After checking the onboard signals and routine of the day, being nosey as I usually am, I went to see a few friends at the operations room in the Fleet Operations HQ. My routine there would be poking around, diving into sailing programmes and into others' working affairs in order to grab an opportunity to expose my Navy People onboard with operations or exercises through sailing. Little did I know that there was a group of professionals working on something that would change the fate of many families, men and women so significantly.

I started to pitch queries around for answers what these people were so heatedly and busily discussing about. Then the words came out. Our merchant comrades onboard Merchant Vessel (MV) BUNGA MELATI DUA, together with the ship, have been taken hostage in Somali waters whilst on their commercial passage through the Gulf of Aden. My heart pounded due to either anxiety or curiosity, I couldn't remember. One for sure I couldn't help it, but to join in the band-wagon and participate in the discussion.

To start with, we were informed that a Navy ship has already been selected to be sent to the vicinity to facilitate the safe recovery of MV BUNGA MELATI DUA and her crew. So many questions remained unanswered, so many things to do in such a short period of time. I could imagine the Commanding Officer's issues – how to get the ship ready, how to get the personnel ready, how to get the people

who are supposed to be sailing with that ship embarked and ready, how to get the people whom he doesn't have any control over to participate in making the ship to be ready. So many people couldn't be made known due to the nature and secrecy of this operation. What would be the explanation the men is supposed to give to their families and spouses on where they would be in the coming days, weeks, months, maybe many months? Will they ever come back in one piece and not in pieces...

That discussion was over within less than two and a half hours, leaving a large and dark cloud of questions and uncertainty still looming over the discussion table. We did our part by throwing the usual spanners and what ifs. I am sure the Higher Authority would get more detail to enable us to plan this operation better. I could only wish the other Captain, whose ship was selected, “all the best of luck and May Allah bless you with all His might and strength”, which he surely would need for the operation, little did I know then, that my crew and I would be the ones needing those wishes later. One thing for sure, my crew did not know about this yet, because matters discussed were supposed to be secret. Any breach of information may implicate the negotiation, which was already ongoing between the company that owns the ship (MISC) and the pirates. The safety of MV BUNGA MELATI DUA and her crew is paramount.

#### 25 Aug 08, Kuala Lumpur (KL), Malaysia

During a temporary duty tasking at the Ministry of Defence, someone whispered to my ears that my ship, instead of the ship I knew being earmarked earlier on, may have been selected to do the rescue mission.

Information was still scanty and in drips and drabs. Unclear of the real matter, I decided to get it from the horse's mouth. I called the operations room both in KL and Lumut, and... yes, confirmed, we are in. Along with another ship, of which the Captain I am close to, as well. Blessed with good companions and the right Navy People, we are All Go. I'm relieved.

Still, I was in a total silence for a while. I had these intermingling and mixed feelings like - proud that we are selected, happy that we are doing something for the cause of what we believe in and this is what we are trained for. At certain corners of my head, there were also feelings of worry like time is a bit too short for my men to gear themselves up, prepare the ship to be ready for conflict, relocate their families in case we don't come back that soon, maintaining their morale and spirits while having to break the news to their families that this year's Merdeka (Independence Day), Ramadhan, Raya and maybe Deepavali holidays may have to be called off. Stepping aside, looking at it from a different angle, I realised the degree of danger that we are going to put ourselves into – operating in an area infested by sea hooligans, hijackers, pirates and men who kill for reasons we cannot comprehend. The strategy I adopted straight away was to keep the crew calm, get them focused and coached, get the ship prepared and arm the ship and crew to meet all prevailing threats to the teeth.

#### **26 Aug 08, back in Lumut, Perak, Malaysia**

Due to unavoidable circumstances, it was confirmed, still verbally though, that KD MAHAWANGSA, which was initially selected to perform the recovery mission of the crew and MV BUNGA MELATI DUA could not make it. And, as mentioned earlier on, the news that my ship, KD LEKIU together with another, KD SRI INDERAPURA was selected to do this mission was confirmed.

I cautioned myself that I have to stay focused for the sake of my men and the success of this mission. I began to handover the domestic issues, chores and wills to my wife. I am so blessed, that she, being a good Navy Wife (which is said to be the hardest job in the world), understood all immediately and swallowed the big domestic chunk in just one gulp. Not only that, just like other Navy Wives, she has to take on the father figure at home, she will also have to continue doing the Navy Wives thingy, as for example BAKAT, in order to facilitate the wives and families who are left behind for days, weeks and months to lead a normal life, well at least as close to it as reasonably possible. On top of that, the usual BAKAT routines like cooking, dancing, catering, religious classes and many other activities have to go on too. As a career woman, she has to do all that in a remote control mode, maintaining close liaisons with her trusted committee in Lumut. I told

myself, when all this is over, I will get her a medal in a form that only Navy spouses can understand. And so too to the other wives and husbands who participated in this. I will figure out on how to do it when we are back in their arms... someday.

#### **27 Aug 08, Lumut, Perak, Malaysia**

The task for us to perform the said mission is now confirmed and official. Our higher authority has also decided for us to bring along the Navy's Special Forces (PASKAL) and the Fly Boys (the Navy's SUPER LYNX Helicopter Detachment) as well. The other ship, has been tasked to bring along more people, which made up to very potent capabilities, among others, bigger numbers of PASKAL assault and intelligence teams that are specialised in maritime special operations, Army Commandos, in case the operations evolve into land, Second Level Military Medical Support, a psychologist for our trauma team and the whole mumbo jumbo that were required to support those capabilities. That decision to bring along potent capabilities was of course, another relief to us all. It is always good to have the right comrades of war onboard, who are trained to whip enemy ass\*'s big time.

While the operations people were busy gathering detail and intelligence from all possible sources, you name them, MISC, IMB, local embassies and high commissions, Naval Intelligence and Armed Forces Intelligence among others. No one was spared. Those who were on leave were re-called. Those sick were replaced. Those who have problems, we tried to solve them or if not, we got them replaced as well. A few of the crews' families were sent to kampung, for no one knew when we are supposed to come back, or whether we will be able to come back at all. Bank cards and wills left behind for the loved ones.

While personnel requirements of the crews were being attended to, the remaining crew which was on duty sat down cracking their heads to figure out what to prepare, what to bring and what not to bring. The operations personnel, in a Joint brainstorming session, sat at our Maritime Tactical Centre (PUSTAKMAR) for many arduous hours to wargame the what-ifs scenarios. Contemporary management software tools were utilised extensively. The process of Joint Military Appreciation Process and drafting of the Operations Order for example, were drafted entirely by the Mind Mapping technique based on computer software, then converted into the traditional military conventions for records purposes. Ships were further equipped with Automatic Information System (AIS), Broadband Global Area Network (BGAN) and Electronic Chart Display System (ECDIS). The engineers and technicians started to strip naked other ships that are going into, or in the yards for spares and fittings, in order to beef up the capabilities and make good the critical defects. These activities called for extra

hardship and perseverance, for when we are at sea this far from motherland, we are all by ourselves and nowhere to turn to but just back to our faces for defects rectifications. Installations of important equipment were done overnight. The logisticians burned extra midnight oil just to ensure that enough supplies were being brought onto the ships, in order to sustain the mission over prolonged periods, at thousands of nautical miles away from home, whilst considering what could and could not be brought in order to replenish the rapidly depleting food supplies and sustain the morale of crew onboard MV BUNGA MELATI DUA.



#### **29 Aug 08, back in KL on a day-trip**


Our mission in KL on this day was to assist the brief by Fleet Commander (who has also been appointed as the Commander Task Force for this mission) to the MAF's Jawatankuasa Panglima-panglima Khas (JPP Khas) on how we want to execute this operation. All the what ifs have been rehearsed and table-topped. No stones were unturned and unchecked. Of course at this point of time there were unknown stones around. And stones, which one does not know exist, cannot be overturned, i.e. there were things you don't know that you don't know!

This briefing at the Chief's HQ, Ministry of Defence started at 0830 local time. Yes, the bosses were happy. There was only one major change in the plan, and that was to bring along a Royal Malaysian Air Force's helicopter instead of a civilian one in order to facilitate the exchange protocol and storm the ship with our PASKAL if required. At this point the Commander Task Group (CTG) has already been identified, i.e. Naval Area Commander 3. But have all concerns been attended to? What were the assumptions made in order to facilitate the appreciation process? Were the assumptions fitting? Have we really considered every single point that may have the direct or indirect implications to this mission? How sure were we that the pirates will respond exactly as how we have predicted them to?

The truth is, although many questions were unanswered or not able to be clarified yet, we had to decide what is best at this point of time and get the ships prepared and sailed ASAP, hoping that the wisdom and further information shall meet us up at sea whilst on passage to Somali waters. We, the Commanders have to make fast decisions, based on the information gathered and judgement made during this preparation phase, in order to get the ball rolling, thus not wasting time. And we shall select the best people and assets we have, in order to make this mission a success. We will free MV BUNGA MELATI DUA, although little did we know then that MV BUNGA MELATI DUA was also heading towards the pirates' trap and about to encounter the same fate as MV BUNGA MELATI DUA.

(to be continued)





**"JOIN THE NAVY AND SEE THE WORLD"**

adalah ungkapan pertama yang memikat kita untuk menyertai TLDM. Secara hakikatnya, ia bukanlah sekadar ungkapan sahaja malah ia merupakan fungsi sebenar tentera laut di waktu aman. Diplomasi ketenteraan merupakan ungkapan lebih tepat dan tentera laut merupakan alat bagi melaksanakan fungsi ini seperti mana yang digarisikan dalam polisi ketenteraan sesebuah negara. Tentera laut digunakan bagi mengetengahkan dan mengwar-warkan dasar luar negara sesebuah negara. Kehadiran tentera laut di sesebuah negara mampu mempengaruhi hubungan politik negara tersebut sama ada menunjukkan sokongan kepada rakan mahupun menggerunkan ataupun membantutkan perancangan musuh dengan mempengaruhi tindakan ketenteraan negara terbabit.



PTL menerima kunjungan hormat dari Pemerintah Tentera Laut Diraja Brunei

# DIPLOMASI TENTERA LAUT MENJAMIN KEAMANAN DAN PERTAHANAN NEGARA

Oleh: Kdr Yusne Bin Mokhtar - PS 1 SERANTA

Terletak di rantau Asia Tenggara yang berbilang negara dengan kemajmukan etnik bangsa, politik dan kebudayaan, aktiviti diplomasi ketenteraan merupakan elemen yang penting dalam Dasar Pertahanan Negara. Walaupun rantau ini lebih aman dan maju jika dibandingkan dengan masa terdahulu, namun persepsi ancaman dan kepentingan strategik negara adalah berbeza-beza. Dalam hal ini, aktiviti Confidence Building Measure (CBM) yang merupakan salah satu elemen penting dalam Diplomasi Tentera Laut (Naval Diplomacy) adalah penting bagi mewujudkan satu persekitaran maritim yang aman dan terkawal. Aktiviti CBM ini harus dirancang dengan teliti dan dilaksanakan dengan sebaik mungkin bagi mewujudkan rantau yang stabil bagi menyokong aktiviti ekonomi negara di perairan maritim. Keyakinan dan hubungan baik yang wujud antara tentera laut di rantau ini begitu kritikal dan sering kali berjaya meredakan konfrontasi dan mengelakkan insiden di laut.

Bagi TLDM, aktiviti CBM dan hubungan luar negaranya dikendalikan oleh Sel Hubungan Antarabangsa di Bahagian Rancang dan Operasi (RANOP). Sel ini berperanan untuk mewujud dan meningkatkan hubungan dengan tentera laut asing, serta mengkoordinasi inisiatif kerjasama pertahanan dengan negara serantau. Sel ini juga bertanggungjawab untuk memberi nasihat atas aktiviti hubungan antarabangsa (IR) bagi menyokong objektif Diplomasi Pertahanan (Defence Diplomacy) dan CBM ini. Sel ini

dikehendaki membuat penilaian dan membuat cadangan keberkesanan aktiviti hubungan antarabangsa yang dijalin termasuk penglibatan dalam eksesais, wakil luar negara dan latihan seberang laut.

Dalam mewujudkan persekitaran maritim yang aman dan stabil, TLDM menumpukan kerjasama

TLDM dalam hubungan luar maritim negara.

Bagi hubungan serantau, melalui Perjanjian Persefahaman (*Memorandum of Understanding*) yang dimeterai dengan beberapa negara, TLDM membina hubungan dalam bidang operasi, latihan dan bantuan teknikal. Antara aktiviti yang dilaksanakan dengan negara terbabit adalah pertukaran kursus dan jurulatih, perjumpaan Pegawai Tertinggi, mesyuarat dan eksesais dua hala serta pertukaran maklumat dan pengetahuan. Perbincangan antara staf secara tahunan *Navy-To-Navy Talks* (N2NT) merupakan platform bagi memantau serta berbincang mengenai pelaksanaan aktiviti tersebut di samping saling berkongsi pengetahuan dan pengalaman. Perjumpaan di peringkat staf ini amat



Perbincangan Navy-To-Navy Talks bersama Tentera Laut Amerika di Kuala Lumpur

luar negaranya dengan negara bersempadan dan negara-negara serantau. Kerjasama sempadan telah wujud semenjak awal tahun 70-an dengan negara Thailand, Indonesia dan Filipina. Melalui kerjasama ini, Jawatankuasa Bersama Sempadan bertanggungjawab bagi meneruskan hubungan melalui pelbagai aktiviti di sempadan antaranya rondaan terkoordinasi, eksesais dan rondaan di wilayah ekonomi bertindih seperti rondaan *Joint Development Area* (JDA) dengan Thailand. Di samping itu, kedua-dua pihak saling bertukar maklumat perisikan dan keselamatan maritim melalui Pejabat Koordinasi Sempadan yang ditubuhkan. Penubuhan Naval Working Group dengan negara Vietnam dan rondaan terkoordinasi di wilayah ekonomi bertindih Laut China Selatan tidak lama lagi bakal memperbaharui komitmen

penting bagi membina hubungan berterusan di samping mengukuhkan keyakinan kedua pihak dalam hubungan dua hala. Sehingga kini TLDM telah melaksanakan perbincangan N2NT dengan Tentera Laut Australia, India, Perancis, Amerika Syarikat, New Zealand, Republik Korea, Jepun dan yang terbaru bersama Tentera Laut Pakistan. Bagi negara-negara lain pula, mesyuarat dua hala tahunan seperti *Sub-Committee on Military Cooperation* (SCMC), *Military Cooperation Working Group* (MCWG) dan *Naval Working Group* (NWG) merupakan platform bagi TLDM membina hubungan dua hala berterusan.

Selain membina hubungan dua hala dengan negara serantau, TLDM juga terlibat dengan beberapa hubungan pelbagai hala. Five Power

Penglibatan KLD TUNAS SAMUDERA dalam acara *Tall Ship Race Baltic 2007* di Poland telah memberi impak dalam hubungan luar serta meningkatkan imej negara di negara asing.



TLDM melaksanakan Eksesais CARAT bersama Tentera Laut Amerika Syarikat

Defence Arrangement (FPDA) adalah merupakan platform pelbagai hala pertama yang ditubuhkan pada tahun 1971. Terdiri daripada 5 buah negara iaitu United Kingdom, Australia, New Zealand dan Singapura, aktiviti seperti eksesais dan latihan operasi dikordinasi melalui mesyuarat FPDA Working Group (FWG) dan FPDA Activities Coordinating Committee (FACC).

Selain daripada itu, isu keselamatan maritim serantau telah memberi kesedaran kepada pentingnya untuk bekerjasama sesama negara serantau. Menyedari hakikat ini, inisiatif seperti *Western Pacific Naval Symposium* (WPNS) dan *Indian Ocean Naval Symposium* (IONS) telah ditubuhkan bagi mempererat hubungan tentera laut serantau dalam menangani isu yang mempunyai kepentingan bersama. WPNS terbukti sebagai inisiatif yang berjaya dengan pelaksanaan pelbagai aktiviti berbentuk pelbagai hala antaranya *Ship-Rider Program*, *Maritime Security Conference*, eksesais serta pelbagai jenis seminar. TLDM terlibat secara langsung dalam setiap aktiviti yang dilaksanakan dalam WPNS kecuali eksesais di laut yang masih dalam peringkat penilaian. IONS yang baru ditubuhkan pada tahun 2008 hasil inisiatif Tentera Laut India, masih belum menampakkan hasilnya namun negara di rantau Lautan Hindi menyokong penubuhan ini dan secara beransur-ansur meningkatkan penglibatan mereka.

Aktiviti lawatan luar negara dan pelaksanaan eksesais dua hala dan pelbagai hala merupakan satu elemen yang penting dalam *Naval Diplomacy*. Selain mampu meningkatkan pengetahuan, pengalaman dan tahap profesionalisme warga TLDM, ia juga menjadi wadah pertemuan dalam membina *Confidence Building Measures* dan *Capacity Building* oleh pelbagai negara. Pengibaran bendera atau *Showing the Flag* semasa lawatan kapal ke pelabuhan asing terbukti berkesan bagi

memberi perspektif positif mengenai negara Malaysia. Penglibatan KLD TUNAS SAMUDERA dalam acara *Tall Ship Race Baltic 2007* di Poland dilaporkan telah memberi impak dalam hubungan luar serta meningkatkan imej negara di negara asing. Tidak dapat dinafikan, pelayaran kapal mengelilingi dunia dan persinggahan di 28 buah pelabuhan asing di samping penglibatan dalam acara yang disertai sebanyak 150 buah kapal dari pelbagai negara telah meletakkan TLDM di dalam peta dunia sebagai sebuah angkatan laut yang kredibel.

Dari segi eksesais, TLDM melaksanakan tidak kurang dari 14 eksesais dua hala setahun dan ia kini merupakan rutin tahunan kepada TLDM. Walaupun polisi luar negara membatasi penglibatan TLDM dalam eksesais berbentuk pelbagai hala namun ia adalah berdasarkan *case-to-case basis*. Sehingga kini, TLDM telah terlibat dengan Eksesais KAKADU di Australia, Eksesais MILAN di India dan Eksesais AMAN di Pakistan yang melibatkan pelbagai negara serantau dan Eropah. Latihan berbentuk sebegini dikenal pasti mampu meningkatkan tahap *interoperability* TLDM dalam senario antarabangsa. Lawatan tentera laut asing ke Malaysia sejurus eksesais turut memberi perspektif positif kepada Malaysia. Pada tahun 2008 sahaja, pelabuhan di Semenanjung Malaysia menerima tidak kurang dari 15,000 pelaut tentera laut asing menerusi lawatan 70 buah kapal dari pelbagai negara. Dalam hal ini, TLDM harus menjadi hos sebaik mungkin dalam mengendalikan lawatan asing ini bagi memberi tanggapan positif mengenai budaya dan kedudukan sosial masyarakat tempatan di samping mampu menggalakkan pelancongan di masa akan datang.

Tidak syak lagi, walaupun keutamaan TLDM adalah bagi memelihara dan mempertahankan perairan maritim dari ancaman luar, namun aktiviti hubungan antarabangsa di atas mampu mewujudkan satu persekitaran maritim yang aman dan stabil. TLDM telah berjaya mewujudkan keyakinan dan kepercayaan di kalangan negara asing menerusi hubungan berterusan yang dijalankan. Walaupun anggapan lautan itu luas, namun insiden pertembungan kapal perang di laut sering kali berlaku. Namun, hasil dari kepercayaan dan keyakinan di kedua belah pihak, pertembungan tersebut boleh menjadi satu pertemuan yang harmoni yang menjanjikeya keamanan berkekalan di perairan terbabit. Tanpa disedari, aktiviti Diplomasi Tentera Laut ini telah mewujudkan satu persekitaran maritim yang selamat dan terjamin agar kegiatan ekonomi di perairan maritim negara berkembang maju. 



Lawatan ke ROK Naval College di Daejon, Republik Korea

# PASUKAN KAWAT SENYAP TLDM

KEBANGGAAN THE NAVY PEOPLE



Pertunjukan Kawat Senyap (TATU) TLDM di JOMHEBOH Melaka

Kawat Senyap ataupun Kawat Tanpa Perintah Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) telah ditubuhkan pada 15 Julai 1990. Semasa penubuhan awalnya, seramai 108 anggota pelbagai kepakaran telah menjalani latihan di bawah pimpinan jurulatih yang dibawa khas dari Korea Selatan. Atas dedikasi dan komitmen anggota dan jurulatih yang terlibat, dalam masa yang singkat pasukan ini telah mampu untuk memperagakan persembahannya pada acara-acara majlis anjuran Angkatan Tentera Malaysia pada masa itu.

Kini pasukan tersebut dilatih sepenuhnya oleh anak watan sendiri. Berbekalkan dengan sedikit ilmu yang ditinggalkan oleh jurulatih Korea serta

semangat dan keyakinan yang tinggi pasukan Kawat Senyap TLDM kembali ke persada TLDM dengan persembahan yang lebih menghiburkan dan acapkali mendapat undangan ke majlis anjuran Kerajaan Negeri, Wilayah Persekutuan serta pihak swasta.

Di bawah tanggungjawab AMP Lumut, Kdr Abdul Razak bin Jaafar TLDM dan dipimpin oleh Lt Kdr Kamaruddin bin K. Asnar TLDM, pasukan Kawat Senyap TLDM semakin banyak diundang untuk membuat persembahan kawat tanpa perintah bukan sahaja untuk rakyat, malah turut mendapat undangan dari Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan untuk membuat persembahan di Istana Negeri sempena sambutan Hari Ulang

Tahun pada 30 Mac 09. Selain Sambutan Jubli Intan TLDM pasukan ini juga giat memperagakan persembahan pada setiap acara Jom Heboh anjuran Syarikat Penyiaran TV3.

Kaki melangkah tangan dihayun, senjata dipusing tanpa arahan, begitulah uniknya persembahan kawat senyap TLDM. Kombinasi pergerakan senjata dan anggota badan yang selari dengan membawa mesej dan maksud tersurat TLDM tidaklah semudah yang dilihat. Ia memerlukan daya ingatan untuk mengingati semua pergerakan tanpa kesilapan yang diselaraskan mengikut bentuk-bentuk pergerakan agar maksud yang tersurat dapat dihayati oleh penonton. **S**

## FORMASI PERDANA

Pergerakan ini merupakan kombinasi pergerakan pembuka tirai persembahan dengan memberikan penghormatan menggunakan senjata yang digunakan mengikut taraf tetamu yang hadir pada persembahan itu.

## FORMASI HANDALAN

Kombinasi pergerakan tangan yang dikenali sebagai pergerakan nombor 4 yang membawa maksud kesiasiaan TLDM dalam menjaga kepentingan Negara.

## FORMASI PERKASA

Membawa maksud apa jua misi TLDM sedia dilaksanakan dengan penuh tanggungjawab.

## FORMASI LAKSAMANA

Membawa maksud semangat kerjasama berpasukan yang perlu dihayati dan diamalkan oleh setiap lapisan warga TLDM dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab.

## FORMASI JEBAT

Kedudukan formasi dalam 4 barisan dengan memusingkan senjata yang membawa maksud TLDM siap sedia menghadapi segala bentuk ancaman dari segenap penjuru.

## FORMASI MARIKH DAN MUSYTARI

Formasi objek 2 bintang dan 4 anggota melambung senjata membawa maksud TLDM sedia menangkis serangan dengan menggunakan kemahiran dan kecekapan yang dimiliki oleh anggota TLDM dalam mempertahankan kedaulatan raja dan negara dari dicerobohi.

## FORMASI GEMPITA DAN GANYANG

Formasi 2 bulatan dengan pergerakan melambung senjata yang membawa maksud semua lapisan warga TLDM mengamalkan budaya kerja cemerlang dan berkualiti serta memegang teguh disiplin tentera.

## FORMASI SAMUDERA

Gabungan pergerakan kaki dan tangan dan keserasian pergerakan membawa maksud

bahawa TLDM mampu menghadapi segala cabaran dan rintangan yang mendarat.

## FORMASI GANAS


Formasi 4 barisan serta membaling senjata bersilang membawa maksud TLDM sentiasa berdepan dengan sudut ancaman sama ada darat, laut dan udara.

## FORMASI PENDEKAR

Formasi 2 barisan dengan membuat pergerakan ombak menunjukkan TLDM sentiasa mengharungi lautan bergelora dalam melaksanakan tugas demi keselamatan perairan negara dari dicerobohi.

## FORMASI HORMAT

Pergerakan ini merupakan kombinasi pergerakan penutup tirai persembahan dengan tembakan ke udara seterusnya memberikan penghormatan menggunakan senjata menunjukkan adat menghormati dan menzahirkan rasa terima kasih kepada para hadirin yang menonton persembahan itu.



Gambar rajah Rangkaian TETRA Teknologi

GIRN merupakan sebuah projek Sistem Komunikasi Bersepadu Seluruh Negara (*Nationwide Unified Secure Trunk Radio System*) yang berasaskan piawaian TETRA®. Ia berkeupayaan untuk menghubungkan 70,000 pengguna melalui komunikasi suara dan data. Sistem ini digunakan oleh agensi keselamatan, penguatkuasaan dan kecemasan yang berkongsi prasarana tetapi mengekalkan autonomi kawalan komunikasi setiap agensi masing-masing. Agensi yang terlibat adalah Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Kastam Diraja Malaysia, Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Imigresen Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwai Pengguna dan Majlis Keselamatan Negara.



Piawaian Terrestrial Trunked Radio (TETRA) merupakan sistem terbuka pertama yang diperkenalkan bagi standard telekomunikasi Digital Public Mobile Radio (PMR). Sistem ini digunakan secara meluas di negara Eropah selepas beberapa insiden yang menyebabkan sistem telekomunikasi awam terputus sepenuhnya.

Sistem Government Integrated Radio Network (GIRN) merupakan inisiatif kerajaan bagi menangani masalah komunikasi sekiranya berlaku kecemasan terutamanya bencana alam. Selain itu sistem ini juga digunakan untuk operasi bersama antara agensi keselamatan agar perhubungan sepadu dapat disediakan dengan lebih berkesan dan mudah. TLDM menyambut baik

kemudahan yang disediakan oleh kerajaan ini bagi mengoptimalkan lagi komunikasi dalam perkhidmatan.


Ciri-ciri keselamatan sistem ini dipantau sendiri oleh Majlis Keselamatan Negara. Perkhidmatan yang disediakan oleh sistem ini menggunakan terminal khas seperti terminal handheld, desktop, vehicular, covert dan marine. Kepelbagaiannya terminal adalah untuk meluaskan penggunaan sistem ini. Dengan menggunakan terminal ini pengguna boleh berhubung antara satu sama lain di seluruh negara yang berada dalam kawasan liputan. Sistem ini digunakan di semua markas dan unit dalam TLDM termasuk kapal-kapal.

TLDM telah melaksanakan ujicuba penggunaan sistem ini mulai bulan November 2008. Maklum balas yang diterima dari unit-unit TLDM sehingga kini adalah memuaskan. Antara kelebihan yang ketara dinyatakan adalah penjimatan kos daripada penggunaan alat telekomunikasi biasa.

Walau bagaimanapun, setiap peralatan baru terdapat juga beberapa kekurangan. Kelemahan yang dikemukakan termasuk liputan yang kurang memuaskan terutama di dalam bangunan dan di dalam kapal. Saiz peralatan yang dibekalkan juga menjadi kekangan kerana ia bersaiz agak besar menyukarkan pengguna membawa terminal sepanjang masa. Selain itu jangka hayat bateri cuma boleh bertahan kurang dari 6 jam jika digunakan secara aktif lantas memerlukan pengguna mengecas bateri beberapa kali sehari.

Inisiatif kerajaan ini harus dimanfaatkan sepenuhnya oleh semua pihak agar tidak berlaku pembaziran. Selain itu, operasi bersama antara agensi boleh dilaksanakan dengan keupayaan baru komunikasi dan sekali gus meningkatkan tahap profesionalisme agensi keselamatan negara. **S**

## SISTEM GOVERNMENT INTEGRATED RADIO NETWORK (GIRN)



Gambar rajah kawasan liputan Sistem Government Integrated Radio Network

# GELORA DI SAMUDERA

## INISIATIF ANTARABANGSA BAGI MENANGANI ANCAMAN LANUN DI TELUK ADEN DAN IMPLIKASINYA TERHADAP SELAT MELAKA

Oleh : Nazery Khalid

Teluk Aden merupakan satu perairan yang sangat strategik yang memudahkan rancangan pengangkutan sejumlah besar dagangan minyak mentah dunia. Peningkatan serangan lanun ke atas kapal-kapal dagang yang belayar melalui kebelakangan ini semakin menggantikan perhatian masyarakat antarabangsa.

Berlanjut dari senario itu, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) telah meluluskan resolusi yang membolehkan penghantaran kapal-kapal perang ke kawasan tersebut untuk mengiringi kapal-kapal dagangan dan berhadapan secara langsung dengan lanun. Walaupun langkah ini dialu-alukan banyak pihak dan dianggap penting bagi menangani ancaman lanun di sana, ia bakal menimbulkan dimensi baru yang boleh mempengaruhi percaturan geo-strategik maritim bukan sahaja di perairan tersebut malah di kawasan maritim lain. Artikel ini menilai inisiatif *mutilateral* yang diperkenalkan di Teluk Aden atas nama memerangi lanun dan mengupas kemungkinan kesan yang bakal timbul darinya ke atas perairan lain di dunia, terutamanya di Selat Melaka.

Jenayah di samudera ini mendatangkan ancaman kepada anak-anak kapal serta aset seperti kapal-kapal dagangan, kargo yang dibawa mereka. Ia juga meningkatkan kos pengangkutan pelbagai barang dan kos operasi syarikat-syarikat perkapalan yang menjadi mangsa serangan lanun akibat peningkatan kos perlindungan insurans serta gangguan terhadap bekalan barang dan rangkaian pengeluaran atau *supply chain*. Apatah lagi Teluk Aden merupakan lorong pengangkutan maritim utama yang memungkinkan sebahagian besar bekalan minyak mentah yang dikeluarkan di kawasan Asia Barat dihantar ke pasaran minyak di seluruh dunia.

Peningkatan serangan lanun di Teluk Aden menuntut perhatian antarabangsa bukan sahaja atas dasar kepentingan strategik laluan ini tetapi kerana ciri-ciri serangan yang terbabit. Diperhatikan lanun yang beroperasi di Teluk Aden semakin terserlah tahap kecekapan operasi serta keberanian mereka. Mereka melancarkan serangan dari kapal induk atau *mother vessel* jauh di tengah laut. Malah mereka menggunakan senjata sofistikated seperti pelancar grenade dan senjata automatik yang digunakan oleh tentera. Kebolehan mereka menawan kapal-kapal yang besar saiznya menggambarkan betapa mereka berkemungkinan terlalih dalam selok belok operasi ketenteraan dan gerak khas. Ini menimbulkan tanda tanya mengenai identiti dan latar belakang lanun yang bergiat di teluk yang sibuk dan penting itu.

Pendekatan lanun di Teluk Aden jauh bezanya dengan aktiviti lanun yang bergiat di kawasan

Selat Melaka yang beroperasi secara 'kecil-kecilan' menggunakan bot dan senjata kecil serta menyerang hanya kapal-kapal bersaiz kecil seperti kapal penuduh dan kapal *feeder* kontena. Serangan lanun dan penawanan kapal tangki gergasi Arab Saudi, Sirius Star yang membawa 1 juta tan minyak mentah pada bulan November 2008 di Teluk Aden benar-benar membuatkan dunia tersentak kerana sebelum insiden itu, kapal sedemikian tidak dilihat sebagai target berpotensi 'penyangak lautan' ini.

### Kehadiran kuasa asing di Teluk Aden: Inisiatif keamanan atau strategi campur tangan?

Biro Maritim Antarabangsa (IMB) melaporkan 111 serangan lanun ke atas kapal-kapal dagangan yang melalui Teluk Aden sepanjang tahun 2008. Dari jumlah ini, 42 kapal telah ditawan dan dijadikan tebusan. Kos yang terpaksa ditanggung oleh pemilik kapal untuk membayar tebusan untuk membebaskan anak-anak kapal dan kapal mereka serta membayar insurans yang meningkat untuk melindungi kapal-kapal mereka yang belayar melalui perairan itu dianggarkan mencapai puluhan juta ringgit.

Sebagai tindak balas kepada situasi meruncing di Teluk Aden, PBB mengadaptasikan empat resolusi yang antara lainnya membenarkan tentera laut antarabangsa untuk menjalankan rondaan dan operasi di sana bagi membanteras ancaman lanun. Beberapa buah negara telah menghantar kapal-kapal perang untuk mengiringi kapal-kapal dagangan mereka supaya selamat belayar di sepanjang perairan tersebut. Malaysia juga menghantar kapal-kapal Tentera Laut Diraja Malaysia ke kawasan itu apabila kapal milik syarikat perkapalan negara, MISC ditawan lanun pada bulan September 2008. Di samping itu, satu kumpulan tentera laut 20 negara yang diketuai oleh tentera laut AS telah ditubuhkan untuk memerangi kegiatan lanun di sana. Satu kod menentang lanun di Teluk Aden juga telah dipersetujui oleh beberapa negara di wilayah perairan itu yang membenarkan agensi keselamatan menahan kapal-kapal yang disyaki digunakan oleh lanun.



Walaupun langkah-langkah keselamatan ini dialu-alukan oleh para pemilik kapal dan anak-anak kapal yang melalui Teluk Aden, beberapa persoalan harus ditimbulkan tentang potensi kesan tindak balas antarabangsa di sana kepada tatacara geo-strategik di perairan lain. Perkembangan di sana seharusnya dinilai dengan teliti oleh Malaysia yang bersempadan dengan Selat Melaka yang merupakan di antara laluan maritim terpenting dunia yang juga dibayangi risiko pelanun, walaupun keadaannya tidak serius berbanding dengan di Teluk Aden. Kita tidak mahu apa jua inisiatif antarabangsa di Teluk Aden yang dibuat atas dasar membanteras lanun dalam diam-diam mengandungi strategi licik kuasa besar untuk campur tangan di dalam urusan menjaga keselamatan di wilayah maritim kita.

Resolusi 1851 yang diluluskan oleh Majlis Keselamatan PBB pada bulan Disember 2008 untuk membanteras lanun di Teluk Aden menimbulkan kontroversi dan tidak seharusnya diterima bulat-bulat. Resolusi yang diusulkan oleh AS ini membenarkan kuasa luar 'menghambat' lanun yang beroperasi di Teluk Aden bukan sahaja di laut malah sehingga ke daratan. Memandangkan AS tidak teragak-agak untuk membelakangkan perundungan antarabangsa dalam mengukuhkan dominasi hegemoninya di serata dunia, kita wajar mempersoalkan niat serta agendanya untuk terlibat dalam aspek keselamatan di perairan seperti Teluk Aden atas dasar memerangi lanun.

Klosa ini dibantah dengan keras oleh Indonesia yang tidak mahu konsep yang dipanggil *hot pursuit* ini diterapkan oleh kuasa besar di kawasan maritim lain. Indonesia tentunya gusar terhadap kemungkinan langkah yang sama dibuat di perairan wilayahnya sekiranya ia diancam lanun. Kebimbangannya ini tidak mengejutkan bila isu ini

dilihat dalam konteks sejarah. Sekwakupendudukan Belanda, tentera penjajah menggunakan perairan negara tersebut sewenang-wenangnya untuk menyerang Indonesia dan membekalkan senjata kepada puak-puak pemberontak. Tidak hairanlah yang Indonesia khawatir terhadap kemungkinan kuasa luar menggunakan alasan melawan gejala lanun untuk 'menyibuk' di wilayah berdaulatnya. Apakah lagi, draf Resolusi 1851 yang diunjurkan oleh AS menggambarkan yang sekiranya campur tangan tentera laut antarabangsa di Teluk Aden berjaya, inisiatif serupa boleh diperkenalkan di lain-lain perairan termasuk Selat Melaka. Walaupun usul ini tidak dimasukkan ke dalam resolusi tersebut, niat serong kuasa-kuasa besar untuk campur tangan dalam urusan menjaga keselamatan perairan strategik serata dunia atas dasar mengekalkan keselamatan lajuan dagangan maritim nyata terserlah.

Resolusi tersebut juga menimbulkan pelbagai pertikaian dari aspek perundungan. Antara persoalan utama ialah bolehkah kapal tentera laut asing menembak kapal yang dipercayai digunakan oleh lanun? Pada bulan November 2008, retorik ini menjadi realiti apabila sebuah kapal tentera laut India, INR Tabar menembak dan menenggelamkan sebuah kapal menangkap ikan dari Thailand, Ekwat Nava 5 yang disangkanya kapal lanun. Terbukti kemudiannya yang kapal malang itu ditawan lanun yang kemudiannya melepaskan diri menggunakan bot laju, manakala 14 anak kapal Ekwat Nava 5 terbunuh dalam insiden itu. Dalam mempertahankan tindakannya, tentera laut India mendakwa yang INR Tabar ditembak oleh 'kapal lanun' tersebut.

Insiden sebegini melahirkan banyak kerumitan dari segi perundungan. Siapakah yang harus menjawab seribu persoalan yang timbul tentang hak asasi, tuntutan, perlindungan nyawa dan harta, penyalahgunaan kuasa dan pelbagai aspek perundungan yang timbul dari kejadian sedemikian? Bolehkah Thailand mengambil

yang disangka milik lanun ditembak oleh pengiring PKP ini dan menyebabkan kematian kepada anak-anak kapal terbabit? Juga, sekiranya kapal awam ditahan oleh PKP berdasarkan firasat atau syak semata-mata, bagaimanakah cara pemilik kapal tersebut mendapatkan kapalnya kembali dan menuntut ganti rugi? Bagaimana pula halnya dengan kapal lanun yang ditangkap oleh agensi penguat kuasa maritim atau tentera laut : negara manakah yang mempunyai hak untuk mendakwa dan menghukum? Apakah insiden serangan ke atas kapal-kapal dagangan memenuhi takrifan konvensyen perundungan maritim PBB atau UNCLOS tenang serangan lanun?

Lebih membimbangkan ialah penglibatan semakin banyak negara dalam inisiatif melawan lanun di Teluk Aden. Negara-negara terbabit termasuklah AS, China, Arab Saudi, Britain, Jerman dan Perancis. Malah Jepun yang telah memecah 'pantang' dasar pasca Perang Dunia Kedua untuk tidak terlibat dengan aktiviti ketenteraan di luar sempadannya dilihat semakin terserlah penglibatannya dalam inisiatif melawan lanun di Teluk Aden. Terbaru dilaporkan yang Jepun sedang menimbaungan untuk membenarkan pasukan pertahanan maritimnya untuk menembak ke arah kapal lanun di Teluk Aden. Apakah satu masa nanti Jepun akan menghantar kapal perangnya ke Selat Melaka untuk melindungi kapal dagangannya dari ancaman lanun?

Kita juga khawatir akan percaturan kuasa-kuasa seperti AS, China dan India yang tidak segan-silu pernah menekankan hasrat mempertahankan kepentingan mereka di perairan strategik dunia termasuk Selat Melaka. Tidak keterlalu bagi kita membayangkan kemungkinan mereka menggunakan penglibatan multilateral mereka untuk memerangi lanun di Teluk Aden untuk campur tangan dalam urusan keselamatan di Selat Melaka.

berkoordinasi di kalangan tentera-tentera laut negara pesisir, perkongsian maklumat risik serta peningkatan kapasiti dan infrastruktur berkaitan pemantauan trafik kapal telah bergabung untuk meningkatkan tahap keselamatan di laluan penting itu.

Dalam masa yang sama, negara-negara pesisir Selat Melaka juga mengalui-alukan sumbangan dari masyarakat antarabangsa dan sentiasa bekerjasama dengan mereka untuk mentadbir selat itu supaya sentiasa selamat untuk dilayari, dengan syarat bantuan dan kerjasama itu tidak mengugut kedaulatan dan integriti kewilayah mereka. Mereka malah komited terhadap usaha agensi-agensi maritim antarabangsa untuk meningkatkan kapasiti mentadbir selat itu dan menaikkan tahap keselamatannya. Sebagai contoh, negara-negara pesisir Selat Melaka terlibat dalam inisiatif Mekanisme Kerjasama di Selat Melaka bersama dengan Pertubuhan Maritim Antarabangsa (IMO) untuk memastikan keselamatan pelayaran di lorong maritim strategik itu. Mereka juga memberikan tumpuan serius bagi mengenal pasti punca fenomena lanun bagi membanteras ancamannya di peringkat akar umbi dan bukan sekadar menanganinya di laut sahaja.

Pendekatan komprehensif sebegini harus dicontohi oleh negara-negara pesisir Teluk Aden dan masyarakat antarabangsa dalam menangani masalah lanun di sana. Tidak memadai yang fenomena kompleks ini yang melibatkan aspek-aspek seperti sosioekonomi, ideologi, perundungan dan geo-strategik 'diubati' sindromnya sahaja tanpa mengenal pasti dan merawat puncanya. Ancaman lanun di lautan berpuncu dari faktor-faktor di daratan. Oleh itu wajarlah yang perhatian serius turut diberikan kepada permasalahan di dalam pesisir bagi menumpaskan ancaman lanun secara holistik.

Adalah penting, kita yang tinggal bersempadan perairan strategik seperti Selat Melaka tidak terpengaruh dengan momokan kuasa-kuasa besar yang mempunyai musihat tertentu untuk melihat diri di wilayah kita. Kita harus terus menekankan yang mengekang ancaman lanun bukan sekadar mengamalkan pendekatan 'melawan api dengan api' semata-mata. Memerangi permasalahan yang kompleks ini secara berkesan memerlukan kerjasama di antara negara-negara pesisir

dan masyarakat antarabangsa. Negara-negara pengguna perairan yang diancam lanun harus memberikan bantuan teknikal dan pembinaan kapasiti kepada negara-negara pesisir untuk meningkatkan tahap keselamatan di perairan mereka. Kerjasama antarabangsa juga perlu membantu menyediakan persekitaran sosioekonomi dan politik yang stabil di negara-negara pesisir supaya ancaman lanun tidak mempunyai peluang untuk timbul. **S**

## Memerangi ancaman lanun di Teluk Aden : Pengajaran dari Selat Melaka

Banyak pengajaran yang boleh diperoleh oleh masyarakat antarabangsa dari pengalaman negara-negara pesisir Selat Melaka yang telah berjaya mengurangkan kadar serangan lanun di perairan itu dengan drastiknya sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pelbagai inisiatif seperti rondaan maritim / udara Eyes in the Sky, rondaan



tindakan terhadap India dalam menuntut ganti rugi ke atas kehilangan harta dan nyawa yang dialami oleh kapal persendirian milik rakyatnya yang ditembak oleh sebuah agensi nasional iaitu tentera laut? Wajarnya tentera laut menembak kapal yang disangkanya kapal lanun dan melangkaui misi utamanya sebagai pasukan pengaman laut biru?

Industri perkapalan sedang mempertimbangkan untuk mendapatkan perkhidmatan pengawal keselamatan persendirian (PKP) bagi mengiringi kapal-kapal mereka yang belayar di Teluk Aden. Persoalannya, siapakah yang akan bertanggungjawab sekiranya kapal awam

# DARE to INNOVATE? We Do


PROTANK Integrated shipboard helicopter support systems. Indal Technologies ASIST Aircraft Ship Integrated Secure and Traverse system provides full security during and after landing and through all on-deck operations, up to Sea State 5 conditions.



Cobham Protank Regional Support Centre for Air-to-Air Refuelling and in hover ship to helicopter refuelling.



L3 MAPPS IPMS (Integrated Platform Management Systems). Locally supported by Protank Coms.



Damage Control Training Unit (DCTU) at KD Pelanduk, engineered and constructed by PROTANK.



Protank Coms Sdn Bhd

Protank Mission Systems Sdn Bhd

PROTANK GROUP

No. 30, SS25/23, Taman Mayang, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA  
Tel: +603 - 7805 3190 Fax: +603 - 7805 2930  
[www.protank.com.my](http://www.protank.com.my)



Pasukan Blackshark selepas perlawanan persahabatan menentang Old Boys.

Pada awal Jul 08, Markas Wilayah Laut 3 (MAWILLA 3) telah menujuhkan pasukan ragbi yang dikenali dengan nama Blackshark. Penubuhan Pasukan Blackshark ini boleh dianggap sebagai unik kerana di awal penubuhannya hanya 5% daripada anggota yang dipilih pernah bermain sukan ragbi sebelum ini dan selebihnya adalah *first timers* dalam sukan ragbi. Kejohanan pertama yang disertai oleh Blackshark adalah Liga Ahli Parlimen Langkawi (APL) pada 1 Ogos 08. Dengan berbekalkan pengalaman yang tidak seberapa, minat dan kesungguhan, pasukan Blackshark menjalani latihan intensif di bawah kendalian 818003 BK TLS Hairunnazal bin Hamat selama 3 minggu dan berjaya menjadi johan kategori Plate Liga APL 08.

Bagi memantapkan lagi corak permainan dan menambah pengalaman, pasukan Blackshark sering mengadakan perlawanan persahabatan dengan pasukan-pasukan ragbi sekitar Pulau Langkawi. Di antara lawan yang dihadapi di dalam perlawanan persahabatan adalah Langkawi Eagle, Old Boys dan Bison. Sesi latihan Blackshark pula dilaksanakan setiap hari Selasa, Rabu dan Khamis jam 1630H hingga 1830H di padang Kompleks Sukan LADA.

Kini pasukan Blackshark yang dianggotai oleh pegawai dan anggota Lain-Lain Pangkat (LLP) MAWILLA 3 sedang giat membuat persediaan bagi menyertai beberapa kejohanan ragbi seperti Pesta Pantai Langkawi (ragbi sentuh), Liga APL 09 (7 sebelah), Perlis Canterbury 10 (10 sebelah) dan Langkawi International 7 (7 sebelah). Semoga dengan kejayaan yang bakal di kecapi oleh pasukan Blackshark nanti akan meningkatkan lagi nama Tentera Laut Diraja Malaysia di Langkawi. **S**

# Blackshark

## CERGASI RAGBI PULAU LANGKAWI

Oleh: Lt Mohd Khairid Arif bin Mohd Zin TLDM N/404023.



Lt Yazid bin Ahmad TLDM dari pasukan Blackshark (fersi kuning dan merah) membuat rucking ke atas pemain lawan semasa perlawanan persahabatan menentang Bison



Pemeriksaan berterusan memastikan keselamatan pangkalan dan warga terjamin

Menurut sumber lain yang diperolehi dari laman web, Provost juga bermaksud;

**'A person who is appointed to superintend, or preside over, something; the chief magistrate in some cities and towns; as, the provost of Edinburgh or of Glasgow, answering to the mayor of other cities; the provost of a college, answering to president; the provost or head of certain collegiate churches.'**

**'The keeper of a prison. Provost marshal (often pronounced). (a) (Mil.) An officer appointed in every army, in the field, to secure the prisoners confined on charges of a general nature. He also performs such other duties pertaining to police and discipline as the regulations of the service or the commander's orders impose upon him.'**

(<http://www.question.com/dictionary/provost.html>)

# PROVOS TENTERA LAUT (PROTELA)

## MENJAMIN KESELAMATAN DALAMAN TLDM

Organisasi Penguatkuasa Tentera Laut Diraja Malaysia atau lebih sinonim dipanggil PROTELA (Provost Tentera Laut) di kalangan the Navy People memainkan peranan yang amat penting dalam mencapai visi dan misi TLDM. PROTELA merupakan organisasi penguatkuasa TLDM yang menguatkuasakan undang-undang di bawah Akta Angkatan Tentera 1972, peraturan-peraturan tataatertib TLDM dan terlibat secara langsung di dalam kawalan keselamatan fizikal pangkalan dan anggota.

Sejarah awal penubuhannya bermula apabila mesyuarat Jawatankuasa Laksamana ke-15 yang bersidang pada 9 Dis 1991 telah mencapai kata sepakat dengan meluluskan rombakan ke atas Rejimen Keselamatan dan ditukarkan kepada Provost Tentera Laut (Memo Am TLDM 11/92).

Dalam pelaksanaannya, seramai 3 orang pegawai dan 449 anggota TLDM telah mengisi kekosongan bagi perjawatan tersebut dan ianya ditambah agar unit PROTELA dapat ditempatkan di Pangkalan TLDM Lumut, Markas Wilayah Laut 1 dan Markas Wilayah Laut 2. Provost Tentera Laut turut bertanggungjawab sepenuhnya dan memainkan peranan terus kepada Panglima Tentera Laut.

Menjadi satu keunikan di dalam TLDM ini apabila badan penguatkuasa ini lebih dikenali sebagai Marsyal Provost (MP). Huraian yang lebih terperinci mengenai maksud PROVOS menurut Kamus Dwibahasa Oxford FAJAR 1981 ialah ketua kolej, atau ketua bandar. Apa yang dapat dijelaskan di sini, maksud ini tertumpu kepada seseorang ketua yang mengawal.

Setiap organisasi pastinya memiliki visi dan misi agar penubuhannya jelas bagi merancang, melaksana dan mengimplementasikan ke arah

kewujudan yang jitu. Begitu juga dengan objektif penubuhan PROTELA yang boleh dilihat jelas melalui visinya iaitu mewujudkan sebuah organisasi yang cekap dan efektif dalam melaksanakan tugas, bersikap adil dan bergerak sejajar dengan teknologi terkini. Malahan ianya seiring dengan misi yang diperlakukan iaitu memastikan tahap disiplin the Navy People sentiasa tinggi dan mencapai tahap yang ditetapkan.

Berpaksikan kepada beberapa objektif yang digariskan, PROTELA berperanan dalam mengumpul, merekod dan menganalisis data serta maklumat mengenai kesalahan tatatertib dan jenayah di dalam TLDM seterusnya mengeluarkan laporan kedudukan keadaan tatatertib/jenayah dari masa ke semasa.

Badan penguatkuasa ini juga menjalankan analisis, menyelidik dan mengkaji keadaan tatatertib di dalam TLDM serta mengemukakan cadangan teknik pengawalan bagi membanteras keruntuhan tatatertib dan perbuatan jenayah yang dihadapi dari masa ke masa. Ia juga turut mentadbir etika Provost dan pengurusan statistik serta laporan yang diperlukan dalam mendukung kuasa perundangan tentera dan sivil selain melaksana dan menyelaraskan segala keperluan pengurusan pentadbiran bantuan penguatkuasaan.

Organisasi ini amat berwibawa dalam memainkan peranan yang penting terhadap organisasi TLDM seperti menyelaraskan pelaksanaan peraturan yang telah ditetapkan, melaksanakan tugas-tugas kepolician, mengumpul dan merekodkan data-data kesalahan, mengkaji, menyelidik dan menganalisis data yang diperoleh berkenaan kesalahan jenayah dan tatatertib, merangka kaedah penguatkuasaan yang berkesan dan mentadbir bilik-bilik tahanan tentera.

Bukan setakat itu sahaja, bahkan peranan utama badan ini sangat meluas dan ini termasuklah menjaga ketenteraman the Navy People di dalam pangkalan dan pengawalan tahap disiplin warganya. Ini perlu agar kadar pencegahan jenayah dan dadah serta tahap keselamatan fizikal dapat dibendung dan diperketat dari semasa ke semasa.

Tambahan, seluruh the Navy People perlu berganding bahu dan saling bekerjasama agar kadar permasalahan yang berlaku dapat dibendung secara bersama.

"Pelbagai cabaran turut dihadapi oleh organisasi ini seperti menangani kes anggota yang terlibat dalam kemalangan jalan raya, pelanggaran disiplin, tidak hadir tanpa cuti dan ada di antaranya yang terlibat dalam penyalahgunaan dadah.

Bagi menangani kes-kes jenayah, organisasi turut merangka serta melaksanakan beberapa pendekatan bagi membanteras dan mencegah warga the Navy People dari terlibat dalam kes-kes pelanggaran disiplin dan jenayah. Antaranya ialah dengan melaksanakan pemantauan berterusan terhadap anggota yang disyaki terlibat dalam kes-kes jenayah berat selain mengkaji statistik kesalahan yang dilakukan agar trend kesalahan dapat dikenal pasti dan tindakan sewajarnya dapat diambil," jelas Kdr Roslee Mohamad Isa, Marsyal Provost Markas Tentera Laut.

PROTELA dilihat sebagai satu organisasi yang menjadi tunjang utama dari segi keselamatan di dalam TLDM. Piagam PROTELA juga sering memainkan peranan penting dalam operasi-operasi yang berkaitan perugasas sebagai pengiring VIP dan turut diperlukan apabila aset-aset penting TLDM ingin dipindahkan dari satu tempat ke tempat lain dengan selamat dan terancang.

Bukan itu sahaja, bahkan PROTELA juga bertanggungjawab menjaga keselamatan kapal-kapal tentera laut negara asing yang melawati Pangkalan TLDM, terlibat secara langsung dalam Operasi dan Latihan Pelan Gerhana dan menjalankan tugas-tugas seperti Crowd Control sekiranya terdapat aktiviti atau perhimpunan yang melibatkan jumlah orang yang ramai. Pelbagai pendekatan turut diambil seperti menghantar anggotanya berkursus dalam usaha memantapkan lagi kemahiran dalam melaksanakan tugas.

Sejak penubuhan cawangan ini, beberapa pembaharuan telah dilaksanakan dan dirancang selari dengan misi dan visi yang digariskan. Antara pembaharuan yang dilakukan adalah Penubuhan Skuad Keselamatan Berbasikal TLDM, memperbaharui tatacara pemakaian pakaian anggota Cawangan Trafik PROTELA dan anggota Pengawal Keselamatan Pangkalan, menggunakan pelbagai peralatan baru yang bertenologi tinggi dalam pelaksanaan tugas-tugas harian seperti pertukaran *single strip urine drug test* kepada *5 in 1 bottle urine drug test*, pelaksanaan car tyre clamping, penggunaan metal detector di pintu masuk pangkalan atau kawasan berprofil tinggi serta beberapa pembaharuan terhadap inventori-inventori PROTELA.

Ini termasuklah pembaharuan terhadap proses serta mutu kerja dalam meningkatkan kemahiran anggota melaksanakan tugas penyiasatan, pengiringan dan proses kerja sehari-hari yang bersesuaian dengan prosedur kualiti kerja ISO 9001:2000 yang telah dicapai oleh PROTELA Lumut pada Oktober 08. Kejayaan ini merupakan satu permulaan yang positif di mana iaanya akan dijadikan pemangkin bagi unit PROTELA yang lain untuk diiktiraf sebagai unit Keselamatan TLDM yang berkualiti. Sehingga kini, organisasi turut diberi perhatian untuk diberi sijil pengiktirafan oleh pihak SIRIM.

Perancangan seterusnya adalah menjurus kepada tahap kecekapan kerja anggota PROTELA agar lebih berinovatif seperti perolehan Electronic Drug Tester yang bakal menggantikan test kit sedia ada, penambahan motosikal pengiring CBX 750cc dan pelaksanaan Sistem Keselamatan Elektronik Bersepadu di Pangkalan TLDM Lumut.

Secara keseluruhannya, masyarakat luar juga turut memberikan bekerjasama terhadap organisasi ini dalam usaha membanteras aktiviti-aktiviti tidak sihat selain bertukar-tukar pendapat dan maklumat dalam usaha mencegah *the Navy People* dari melakukan kesalahan pelanggaran disiplin.

"Sebagai salah sebuah badan yang berteraskan kepada keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang, sememangnya kerjasama yang erat bersama agensi-agensi keselamatan atau organisasi penguatkuasa luar sentiasa dititikberatkan dari segi pertukaran maklumat, pandangan dan menjalankan operasi-operasi bersama. Agensi penguatkuasa awam yang sering memberikan kerjasama dan komitmen yang tinggi adalah Polis Diraja Malaysia (PDRM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Jabatan



*Urine test dilaksanakan bagi memastikan the Navy People bebas dari dadah*

## **"Tugas PROTELA lebih tertumpu pada pencegahan agar kesalahan dapat diperbetulkan dengan segera"**

Agama Islam, Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK), Penguatkuasa Majlis Bandaraya dan beberapa lagi agensi penguatkuasa awam yang lain.

Sebagai pegawai penguatkuasa undang-undang yang mempunyai kuasa menangkap, sudah tentu amat senang dan mudah mencari kesalahan seseorang, namun itu bukan tugas pokok PROTELA. Tugas PROTELA lebih tertumpu pada pencegahan agar kesalahan dapat diperbetulkan dengan segera. Tindakan hanya perlu dilakukan apabila tiada kesedaran atau kesalahan berterusan dilakukan," ujar Kdr Roslee.

Pada tahun 2009 sejajar dengan 10 objektif TLDM yang telah disasarkan, PROTELA akan terus berusaha menjayakan hasrat tersebut dengan pelbagai pendekatan, antaranya berdamping dengan *the Navy People* dalam usaha membanteras kesalahan jenayah, dadah dan khalwat serta mengadakan kempen dan ceramah kesedaran terhadap kesalahan dan kesan yang akan dihadapi apabila terlibat atau melibatkan diri dalam kes-kes berkaitan.

Segala bentuk pembaharuan dan pendekatan yang diambil oleh pasukan keselamatan ini diharapkan mendapat sokongan penuh dari *the Navy People* dalam usaha membanteras kadar jenayah serta tatatertib disiplin pada tahap yang membanggakan bagi mencerminkan imej positif TLDM khasnya dan ATM arinya. **S**



Nama: KDR TLDM ROSLEE BIN MOHAMAD ISA KAT, PPS, PPA, psc TLDM

No Tentera: N/402202

Tarikh Lahir: 8 Ogos 1967

Tempat Lahir: BUKIT MERAH, PERAK

Tarikh Masuk Perkhidmatan:  
4 September 1985

Perjawatan: MARSYAL PROVOS,  
MARKAS TENTERA LAUT

Ten years ago people would say it is impossible for a woman to serve onboard warships in the Royal Malaysian Navy. Being a country with Islam as her national religion, it is beyond thinking that

and impossible to absorb for them, it was like some taboo that must not even be argued at all cost. That was why I was thrilled to accept my first appointment onboard a warship, it was almost like a personal

The Weapon and Electrical Engineering (WE) department consists of sixteen personnel, that being inclusive of two officers. To take charge fourteen men serving onboard operational warship might

not seem too difficult for most, but the challenges are there nonetheless. Holding a degree in Computer Engineering, I could only hope that it would help in handling the WE department of KD PAHANG, since the ship is most famous in the force as a system ship, that everything is controlled and monitored by computer. The WE department is responsible for the operations of the communication, navigation, Combat System, power management, Weapon System and aviation sections of the ship. It is important that these sections are managed and maintained as to ensure operational readiness of the ship to fulfil the appointed tasking. Maintenance and repair of equipment onboard has to be synchronized with ship's tasking schedule as to avoid overlapping between operational requirement and maintenance plans. Good communication between other departments on the ship and base

maintenance staff must be maintained as to achieve this effect. Dealing with defects as fast as possible during sailing or at the jetty is equally important to maintain the readiness category of the ship.

The pessimistic impression of the hardship and constraint of women living and working onboard a warship has been countered the moment I stepped onboard. Accommodation problem is no longer in question since each cabin is equipped with

# FEMALE WARRIORS OF THE HIGH SEAS

*By Lt Fakhron Diyana Binti Fakruddin RMN  
Deputy Weapon and Electrical Engineering Officer KD PAHANG*

women could ever serve side by side with men onboard a closed, limited and confined space of a ship, much less a warship. "Women can never serve onboard warships!" The sentence rang quite clearly in my head as I remember the heated conversation that I had with one of my male Navy counterparts while I was in the military academy. Thousands of excuses and justifications were thrown in my face as I defended the practicality of the appointment of woman onboard ships, one of which being the constraints of relationships between men and women. Challenges of accommodation availability and ability of women to serve was also in question by these male chauvinists who cannot seem to accept the idea of serving alongside women onboard a warship. Women, who are thought to be weaker in physical ability and mental faculty than men, are always seen as much lesser than men in career values. The idea seemed too distant

victory of some sort for me. Stepping onto the quarterdeck of KD PAHANG, I was proud to be called the Deputy Weapon and Electrical Engineering Officer, serving onboard alongside another of the same gender, Lt Kdr Halimatus Sa'adiah RMN as Acting Weapon and Electrical Engineering Officer. Nothing is impossible.

attached heads. With two bunks in each of the officer's cabin, there is enough privacy and security any ship's crew could ask for. As for the social and working environment, it could be said there is no crisis or difficulty of bonding with the opposite gender since everyone seem to understand the boundaries. In fact, the socialization with



the rest of the ship's crew is no different than working at the units ashore, so long as everyone abides the implicit limitation of interactions between genders. And even if the situation persists, although so far there has been no incident as such, any subjected sexual harassment or discomforting gestures can be directly forwarded to the Commanding Officer or the Executive Officer. Personally, in terms of the living and working environment, I do not see any problem in carrying out my duties at my best performance.

The tasks of tackling and troubleshooting defects that arise during sailing are one thing, the challenges of maintaining the physical endurance during rough sailing is basically another. With the internal drills being executed during sailing and operational tasking such as firing exercise, Damage Control Fire Fighting, Action Station and etc, the highest physical and mental capability is demanded from us, much the

especially when it involves the lower decks where the roll of the ship is much more apparent. To handle this situation definitely needs strong mental control. No amount of drugs could help the situation if one is not psychologically fit and strong to deal with the stress of seasickness. After all, a duty, night round is only one of the few examples that could be taken, is still a duty at whatever mental or physical capacity you are in, and it screams to be carried out. Truthfully, this is definitely one of the major challenges of working onboard.

Other than that, there is also a matter of winning the trust and respect of your men who, most of them, are much more experienced and senior in service. As a young officer, it is most important not to appear too cocky in front of the men. Being humble and down to earth is definitely not a disadvantage in this matter, because to earn respect from your men it is most important to show respect for them in the first place, whether it is for the age in general, or in respect to the service period that they had served. The process of learning and getting accustomed to the working environment could never be fulfilled if there is a sense of arrogance in asking for the help from the subordinates. This should not be held as weakness but as strength as this only shows how well you trust your men in their work.

The presence of a lady officer could pose an intrusion of the exclusive working space that was meant for men, and this is one other thing to tackle for women onboard ships, when it comes to colleagues. Some might see this offensive, harbouring the thought that a female crew would be burden to the operation of the ship or posing a threat to the harmony of the vessel. Being the only female onboard only extends the kind of



wrong thinking that other officers could be having. I would think that a fresh start with the officers is important as to plant a good impression of my personality. The way a woman carries herself is also important, how she is to appear graceful as much as she is to be tough, and how she should be reserved but not quite enough to be bullied around. Once the bond is forming with the colleague, it is not quite difficult to earn respect, as long as one knows and carries out the duties and responsibility as per description of the appointed position.

## **"The excitement and thrill of serving onboard a warship is actually beyond verbal or written description..."**

-Lt Fakhron Diyana RMN

same as the rest of the ship's crew, in order to keep up with the routine. Having women onboard should not be a drag and liability for the ship to carry out its tasking and we intend to prove this right. We made sure that we take part in the ship's side activities during sailing such as early morning activity, evening sports, prayer congregation, karaoke competitions and etc despite having the long stretch of nausea and headache due to seasickness. Participation in the ship's activity is important to maintain good relationship with the men and other officers, while at the same time providing harmonious and cheery community onboard the ship.

Night rounds at sea are another thing to be noted. With the seasickness and the urge to throw up every time the ship rolls overwhelming all other bodily functions, it is almost next to impossible to actually conduct rounds at nights during sailing,

With my brief 4-month experience onboard KD KEDAH as a trainee and now two months at KD PAHANG for my first appointment, I would say that I am hoping to see more of the navy women, officers as well as ratings, to spread their wings and serve onboard as a true navy personnel. Involvement of females of other branches should be explored as a potential opportunity to further broaden the service of women in the navy and to maximize the utilization of human resource of the navy as a whole. Perhaps we dare to foresee a female radio operator working in exercises as implemented by Republic of Singapore Navy or even female commanding officer as already practiced in foreign navy such as Britain's Royal Navy and Irish Naval Service. It could be a long way to the realization of such vision, but it is not impossible as most people would think.

In truth, the excitement and thrill of serving onboard a warship is actually beyond verbal or written description. The sense of belonging with a part of community that once seemed so strange, distant and almost taboo cannot be easily depicted as if painting it on a canvass or writing it on a piece of paper. People could say it is a victory for women rights to equal occupational advancement, others could even put it as an achievement for Malaysian women to be able to stand tall as the men in the military, or extremists could gloat about winning one extra point to the long fought gender war, but for us, it is about the significance of serving the nation and Malaysian people as best as we could, by pushing the limits of our physical and mental endurance in achieving the sole victory of conquering ourselves. Nothing is impossible, indeed, as long as we put our heart and soul to the one focused goal. **S**

# **PROGRAM 3K MENJADI RUTIN WARGA MAWILLA 3 BAGI MENINGKATKAN SEMANGAT JATIDIRI**

Oleh : BM RDP Azman


Program ini telah diperkenalkan pada setiap markas dan unit TLDM berkuatkuasa November 08 dan perlaksanaan program ini di MAWILLA 3 bermula pada 3 Nov 08. Program dimulakan seawal jam 0645 pagi dan mendapat sambutan baik berdasarkan kerjasama yang ditunjukkan oleh anggota semasa latihan tersebut. Ia diadakan pada hari Isnin iaitu jam 0645 pagi sehingga 0730, pada hari Rabu pula bermula jam 1430 hingga 1700 petang manakala pada hari Khamis bermula jam 1600 hingga 1700.

Budaya menjaga kesihatan dan suasana hidup sihat secara tidak langsung dapat dilengkapkan dengan adanya program 3K ini. Warga sihat akan mewujudkan budaya kerja yang harmonis serta organisasi yang mampan dan kredibel dapat dicetuskan.

Dari segi moral anggota amat membanggakan mengikut ketepatan masa ditunjukkan oleh anggota semasa mengikuti seisi program ini. Semangat kerjasama dalam satu pasukan nampak jelas semasa setiap aktiviti berkumpulan dijalankan, sedikit sebanyak memupuk semangat *jointness* atau kebersamaan. Modal insan cemerlang dapat diwujudkan dengan aktiviti-aktiviti seperti Program 3K ini. **S**



Seawal pagi warga MAWILLA 3 memulakan aktiviti Program 3K.



Semangat berkumpulan ditunjukkan pada aktiviti program ini.



Warga sedang mendengar penerangan diberi oleh Jurulatih Jasmani.

# A PERSONNEL MISSION STATEMENTS OF A NAVAL OFFICER WILL CONTRIBUTE TO THE SUCCESS OF NAVAL MISSION STATEMENTS

By Midshipmen Johari bin Mat Yusof TLDN  
N/404608  
Intake 2005 UPNM

As a naval officer, one of the most effective ways to begin with the end in mind, is to develop a personnel mission statement or so called as a philosophy or creed. It will focus on what you want to be (character) and to do (contributions and achievements) and on the values or principles upon which being and doing are based.

Because each individual of naval officer is unique, a personnel mission statement will reflect that uniqueness, both in content and form. Generally, any ordinary naval officer could express his philosophy in this way:

- a) Succeed at home first before join navy
- b) Seek and merit divine help
- c) Never compromise with honesty and integrity
- d) Remember the people involved – team work
- e) Hear both sides before judging
- f) Obtain counsel of others
- g) Defend those who are absent
- h) Be sincere yet decisive
- i) Develop one new proficiency a year in the naval service
- j) Plan tomorrow's work today
- k) Hustle while you wait
- l) Maintain a positive attitude
- m) Keep a sense of humor
- n) Be orderly in person and in work
- o) Do not fear mistakes – fear only when there is an absence of creative
- p) Facilitate the success of subordinates
- q) Listen twice as much as you speak



Concentrate all effort on task at hand, not worrying about next job or promotion

Whilst I was onboard ship KD LEKIR as a midshipmen for 5 months, the ship is considered as my second home... it is a place where all the fellow officers, crew and I find joy, comfort, peace, and happiness beside fulfill the naval mission statements. The Executive Officer (XO) of the ship, Lt Cdr Chandra Sehgaran always

mentioned and envisaged on naval mission and vision to the ship company during both watches. He said this orders should be instilled into sailors head for them to visualize and put into their action plan. Naval mission statements will not succeed without involvement and commitments of everyone crew onboard ship and work as team. So, every officers and crew shall need a personnel mission statement to support the strategic naval mission statements and must understand their existence onboard. Why we are here?

Every crew shall exercise wisdom in what we choose to do our work (daily tasks) beside support each other in all aspects. We shall value the rights, freedoms and responsibilities of our democratic naval people. We shall always to keep ourselves free from addictive and destructive habits.

We shall develop habits that free us from old labels and limits and expand our intellectual



capabilities and choices. The money we earn from our government shall be our as first servant, not our master. We shall seek financial independence over time expect for long term home and car loans. We shall seek to keep ourselves free from consumer debt and spend less than we earn in meantime regularly save or invest part of our income.

Moreover, as naval officer, we shall use our talents and intellectual capacity to make our mission statement success and eventually support and make the navy to accomplish her mission statement at end of the day. So, let our personnel mission statement becomes our constitution, a solid expression of our vision and value. It becomes the criterion by which we could measure everything else in our naval career. A small contribution of our statements like this will able to give a great impact on our naval mission statements. Best of luck our beloved naval officer. Go for unity of effort. **S**

Pegawai Kadet PALAPES Laut Universiti Malaysia Terengganu pengambilan 1/2007 julung kalinya telah diberi kesempatan untuk mengikuti latihan pelayaran di atas kapal MV MAHSURI. Seramai 48 pegawai kadet yang diiringi oleh Timbalan Komandan PALAPES (L) UMT Komander Prof Madya Haji Zainal Ashirin bin Shahardin PSSTLDM dan 10 orang jurulatih TLDM telah terlibat dalam latihan ini. Pelayaran selama 11 hari ini bermula dari Pangkalan TLDM Kuantan, Pahang dan beroperasi di sekitar perairan Laut China Selatan. Sepanjang pelayaran, Pegawai Kadet berkesempatan untuk melihat sendiri Pulau Batu Putih dan mereka juga telah diberikan kebenaran untuk bersauh dan diberi kelepasan di Pulau Tioman.

Pelbagai ilmu pelayaran dan kelautan telah dipelajari sepanjang aktiviti pelayaran ini. Pegawai Kadet telah diajar untuk melayarkan kapal MV MAHSURI, kerja-kerja carta, mengendalikan radar, awasan dan penempatan, serta membuat laporan pelayaran. Turut diadakan latihan melawan kebakaran (NBCD) di atas kapal dan latihan menyelamat MOB (*Man Over Board*). Kuliah dan amali juga turut diadakan di mana pelbagai evolusi di laut termasuk menunda belakang (kapal pembekal), tali balingan, pemindahan tali ringan, operasi terobos (melalui kawasan bebas periuk api), bersauh dan latihan komunikasi termasuk '*flashing*' dan '*Morse Code*'.

Aktiviti yang paling menjadi kenangan manis kepada Pegawai Kadet adalah

mereka berpeluang menyaksikan EKSESAIS BERSAMA SHIELD '08. Latihan ini merupakan latihan bersama Tentera Laut dari lima buah negara iaitu Malaysia, Singapura, United Kingdom, Australia, dan New Zealand dan sebuah kapal selam kepunyaan Tentera Laut Singapura. Pegawai Kadet telah didedahkan dengan latihan ini dan beberapa orang Pegawai Kadet telah dipilih melakonkan watak 'lanun' untuk melengkapkan latihan ini.

Pelayaran ini sudah pasti memberi manfaat kepada Pegawai Kadet kerana pelbagai ilmu tentang kepelautan telah diperolehi. Peluang untuk melihat dengan sendiri kapal-kapal perang TLDM seperti KD LEKIR, KD LAKSAMANA TUN ABDUL JAMIL dan negara-negara luar seperti HMS ENDINBURGH termasuk sebuah kapal selam dari Singapura. **S**



## PALAPES (L) UMT MENGIKUTI EKSESAIS BERSAMA SHIELD '08

Oleh: PK Lionel Harith Sebastian Daraup PSSTLDM NV/8703089



## Ekspedisi Mendaki Gunung Stong

Oleh: Wan Nur Ain (PALAPES Laut UM)



**MISI BERJAYA :** Sebahagian PDL yang bergambar bersama pegawai pengiring dan juru petunjuk jalan

Pasukan Latihan Pegawai Simpanan TLDM (PALAPES Laut) Universiti Malaya telah mengadakan Ekspedisi Mendaki Gunung Stong, Hutan Jelawang, Dabong, Kuala Krai, Kelantan bermula 23 Januari hingga 27 Januari 2009. Penasihat

program ini ialah Lt Kdr Muhamad Nazer bin Abdullah TLDM. Manakala Pengarah Program ialah Lt Dya Ahmad Badri bin Ismail PSSTLDM dengan dibantu timbalannya, Lt Dya Khairul Azrimi bin Ariffin PSSTLDM. Seramai 14 orang pegawai pengiring dan 69 orang Pegawai Dalam Latihan (PDL) mengikut ekspedisi ini.

Objektif ekspedisi ini adalah untuk melahirkan anggota yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani intelektual, membina semangat setia kawan dan kepimpinan anggota di samping membentuk disiplin yang tinggi serta ingin mendedahkan anggota kepada persekitaran hutan. **S**

# PERKHEMAHAN DI PANTAI SIAR, LUNDU, Sarawak

Oleh: Lt M Noor Aini Mohd Sharif PSSTLDM

Berteraskan misi menyediakan pasukan Simpanan yang kuat dengan semangat juang, berkemahiran dan cekap selaras kehendak TLD sebenar. Pada 20 hingga 22 Feb 09 Pasukan Simpanan Sukarela Tentera Laut Diraja Malaysia (PSSTLDM) Kuching telah menyahut cabaran tersebut dengan mengadakan satu latihan yang menguji dari segi ketahanan mental maupun fizikal untuk semua pegawai dan anggota LLP. Latihan ini disertai seramai 70 anggota terdiri daripada pegawai, jurulatih, staf bantuan dan anggota PSSTLDM dan PWTL Kuching. Perkhemanan ini bertempat di Pantai Siar, Lundu, Sarawak yang sesuai untuk menjana dan membentuk seseorang anggota PSSTLDM dengan berkualiti.

Objektif perkhemahan ini untuk memberi pengetahuan, gambaran sebenar dan mendedahkan aktiviti-aktiviti sehari-hari berkaitan TLD. Malahan terbinanya keyakinan diri, semangat setia kawan, kerjasama, persefahaman dan menanam sikap bertanggungjawab bagi kesemua anggota PSSTLDM dalam satu pasukan. Maka tidak hairanlah, kesemua pengetahuan dan tunjuk ajar tentang ikhtiar hidup serta berdiskusi telah

membentuk seseorang anggota yang kuat dan cekap.

Antara aktiviti yang dijalankan adalah jalan lasak, *general drill*, bersukan, serta ikhtiar hidup dan riadah. Aktiviti seperti jalan lasak ini dilaksanakan pada jam 0030H yang terdiri daripada 3 kumpulan dan disertai oleh 20 anggota termasuk jurulatih dan staf. Jalan lasak yang dijalankan telah banyak menguji kekuatan mental dan fizikal anggota kerana perjalanan yang sukar dan jauh iaitu 18KM. Walaupun dijalankan dalam keadaan yang gelap dan masyaramkan, ini tidak mematahkan semangat juang anggota untuk berusaha sampai ke destinasi ditetapkan. Malahan tiada seorang anggota yang cuba untuk menarik diri sepanjang jalan lasak dilaksanakan. Tiada kemalangan yang tidak dilihat berlaku sepanjang perjalanan tersebut.

Selain itu, bersukan dan riadah juga dijalankan bagi membentuk seorang anggota yang sihat dan cergas. Sukan bola tampar pantai telah dilaksanakan dan kesemua anggota telah mengambil bahagian. Walaupun sukan ini tidak berbentuk pertandingan tetapi bakat bersukan telah dapat dilihat sepenuhnya.



Semangat kerjasama dalam satu pasukan juga dapat dibentuk melalui bersukan. Sepanjang perkhemahan ini dijalankan, staf perubatan dari 1 BN UBAT turut diundang untuk memastau tahap kesihatan bagi setiap angota.

Perkhemanan selama 3 hari 2 malam berakhir dengan jayanya apabila kesemua anggota telah menunjukkan tahap disiplin yang tinggi serta segala rancangan aktiviti berjalan dengan lancar. Harapan yang diberikan dalam latihan ini dapat memenuhi objektif yang digariskan. **S**



Pada 29 hingga 31 Januari 2009 yang lepas, telah berlangsung perkhemahan bagi unit PSTL SANDAKAN. Perkhemanan yang merupakan pembukaan aktiviti tahunan PSSTLDM ini telah dilaksanakan di Taman Jalil Alip BT 14 Sandakan, Sabah. Seramai 80 anggota termasuk pegawai, jurulatih, dan staf anggota PSSTLDM terlibat di dalam menjayakan aktiviti tersebut.

Antara objektif perkhemahan ini dilakukan adalah untuk memupuk semangat kerjasama, setia kawan, daya usaha secara individu dan berkumpulan di kalangan anggota, meningkatkan pengetahuan di kalangan anggota serta membentuk sebuah pasukan yang mantap, membina dan mengukuhkan sikap kepimpinan di kalangan anggota PSSTLDM, meningkatkan daya ketahanan mental dan fizikal serta memberi pengalaman dan pendedahan baru kepada anggota PSSTLDM.

Perkhemanan yang berlangsung selama 3

hari 2 malam ini telah diisikan dengan pelbagai aktiviti yang padat dan mencabar angota. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah seperti pembinaan *jury mast*, *general drill*, jalan lasak, pertahanan pangkalan, unggun api, lari berhalang, menembak dan banyak lagi. Mengikut pendapat salah seorang anggota yang terlibat dalam perkhemahan pada kali ini, antara aktiviti yang banyak mencabar fizikal dan mental mereka adalah aktiviti jalan lasak dan juga pertahanan pangkalan. Aktiviti ini banyak mengajar mereka untuk bersabar dan juga merancang strategi yang harus diambil bagi memastikan kemenangan berpijak kepada mereka.

Sepanjang aktiviti berlangsung, angota PSS berjaya mengharungi pelbagai cabaran dan rintangan yang menguji setiap angota dari segi kerjasama berpasukan, semangat setia kawan dan juga perancangan di dalam menghadapi pelbagai kemungkinan yang berlaku. Aktiviti sebegini banyak memberikan pengalaman dan

gambaran yang sebenar kepada angota simpanan sebagaimana latihan yang dijalankan oleh angota tetap TLD khususnya dan ATM amnya.

Selain itu, perkhemahan ini juga dapat mengeratkan hubungan di kalangan angota, yakni di antara pegawai, jurulatih dan juga staf anggota PSSTLDM sendiri. Perkhemanan ini turut mengajar angota PSSTLDM untuk lebih berdisiplin dalam menjadi seorang angota tentera.

Diharapkan aktiviti sebegini dapat dilaksanakan dengan seberapa kerap yang mungkin bagi tujuan pendedahan kepada angota PSSTLDM khususnya untuk memastikan misi Pasukan Simpanan dapat dicapai. Ini kerana, aktiviti seumpama ini boleh membuka minda dan mata angota PSSTLDM bagaimana latihan sebenar angota tetap TLD di dalam mengharungi cabaran luar yang lebih getir. **S**

Oleh: Lt M Katzah Rahaban PSSTLDM (NV/8702687)



## PERKHEMAHAN PSTL SANDAKAN UJI KETAHANAN FIZIKAL DAN MENTAL ANGGOTA

Daerah Tawau meliputi kawasan seluas 6,125 km persegi atau 612,506 yang merupakan sebuah daerah di negeri Sabah, ia berkongsi sempadan dengan Kalimantan, Indonesia serta dikelilingi Laut Sulu di timur dan Laut Sulawesi di selatan, Tawau kini merupakan bandar ketiga terbesar selepas Kota Kinabalu dan Sandakan, ia mula berkembang dari sebuah perkampungan kecil nelayan. Pada masa tersebut Tawau di bawah pemerintahan kuasa Kesultanan Sulu. Dalam satu perjanjian yang termeterai 22 Januari 1878, Kesultanan Sulu telah menyerahkan kawasan persekitaran Tawau yang wujud pada masa kini kepada pihak

semasa perkhidmatan. Fungsi dan peranan KD SRI TAWAU berubah daripada memberi bantuan kepada tentera darat dalam OP LANCANG kepada memberi bantuan logistik kepada kapal-kapal dan anggota yang menjalankan tugas dan operasi di kawasan Sabah Timur berikutnya kedudukan KD SRI TAWAU yang berada di perbatasan sempadan negara. Selain itu, KD SRI TAWAU juga merupakan medium perantaraan kepada agensi-agensi kerajaan yang lain serta menjadi sumber rujukan mengenai isu-isu berkaitan maritim.

Di samping itu, KD SRI TAWAU juga diperkuatkan dengan kehadiran anggota Pasukan

KD SRI TAWAU mulai 14 Okt 1966 hingga 11 Mei 1967. Warga KD SRI TAWAU juga bertemu kerana menerima kunjungan beliau pada 25 Feb 2008 di mana lawatan ini banyak mengembalikan nostalgia beliau semasa berkhidmat di sini apatah lagi pada masa itu konfrontasi masih lagi berlangsung.

Dalam Rancangan Malaysia Ke-9, sebanyak RM50 juta telah diperuntukkan untuk proses pembangunan semula KD SRI TAWAU. Pelan pembangunan semula tersebut merangkumi semua bangunan yang ada di KD SRI TAWAU dan dijangka bermula pada pertengahan tahun ini dan selesai pada tahun 2011. Pembangunan

# KD SRI TAWAU

## Kecil Tapi Berbisa



KD SRI TAWAU dari udara



Tan Sri Thana menandatangani buku pelawat ketika melawat KD Sri Tawau

Inggeris, Tawau menjadi sebahagian dari jajahan orang-orang Inggeris melalui Syarikat Berpiagam Borneo Utara. Mengikut catatan *The North Borneo Annual Volume* (1955-1965), sebuah penempatan telah dibuka untuk dijadikan pusat pentadbiran kerajaan tempatan.

Sejarah penubuhan KD SRI TAWAU adalah berkaitan secara langsung dengan Konfrontasi yang dimulakan oleh Indonesia pada tahun 1963. Seperti diahirkan oleh sejarah, konfrontasi ini bermula apabila Presiden Indonesia pada masa itu iaitu Presiden Sukarno menentang penubuhan Malaysia dengan kemasukan Singapura, Sarawak dan Sabah. Maka bermula dari itu, kerajaan Indonesia telah melancarkan tindakan subversif terhadap Malaysia. Pada tahun 1964, KD SRI TAWAU telah ditubuhkan di bawah pemerintahan COMNAVEAST (Markas Wilayah Laut 2) sebagai Pangkalan Hadapan bagi tujuan perantaraan dan melaksanakan OP LANCANG bagi membantu Tentera Darat dalam menentang pencerobohan militer Indonesia sepanjang berlakunya konfrontasi. Semasa peristiwa konfrontasi tersebut, KD SRI TAWAU telah diperuntukkan dua buah kapal ronda iaitu KD SRI SABAH dan KD RENCHONG bagi meningkatkan sistem pertahanan di perairan setempat. Namun kedua-dua kapal tersebut telah ditarik balik ke Labuan pada tahun 1979 kerana kekangan dari segi senggaraan dan bantuan logistik yang tidak dapat dilakukan.

Rentetan dari penarikan kedua-dua kapal ronda tersebut menyebabkan fungsi dan peranan KD SRI TAWAU disesuaikan dengan keperluan

Simpanan Sukarela yang bernaung di bawah Pasukan Simpanan Tentera Laut Tawau (PSTL TAWAU). PSTL TAWAU telah ditubuhkan pada tahun 1989. Pada masa itu, PSTL TAWAU dikenali dengan nama KD SRI SEBATIK. Namun pada penghujung tahun 1991, nama unit ini telah dipindah dan dinamakan Nukleus Sri Sebatik. Seramai 25 rekrut pengambilan pertama PSSTLDM Tawau telah menjalani latihan pada 9 Januari hingga 8 Februari 1989. Nukleus Sri Sebatik telah digantung kegiatannya pada penghujung tahun 1991 seajar dengan rancangan TLDM untuk menurunkan taraf KD SRI TAWAU pada masa itu. Namun penutupan tersebut tidak berpanjangan setelah Jawatankuasa Laksamana TLDM dalam mesyuaratnya yang ke 17 pada 8 dan 9 Dis 1992 memutuskan supaya Nukleus Sri Sebatik dihidupkan semula. Pada masa ini, PSTL TAWAU telah melatih seramai lebih kurang 250 orang anggota sukarela. Pasukan Kawad Senyap PSTL TAWAU juga telah ditubuhkan pada tahun 1996 dan masih aktif sehingga sekarang. Pasukan ini menjadi kebanggaan bukan sahaja bagi Markas Wilayah Laut 2 tetapi juga TLDM amnya kerana penglibatan pasukan ini pada acara-acara sambutan peringkat negeri dan kebangsaan telah menaikkan imej TLDM secara keseluruhan di mata masyarakat umum.

Sepanjang penubuhan selama 45 tahun, telah ramai Pegawai Memerintah silih berganti memerintah unit ini bermula dari Lt Kdr Lamb RN sehingga sekarang. Di antara nama yang gah adalah mantan Panglima Tentera Laut, Laksda (B) Tan Sri K. Thanabalasingam yang memerintah

ini adalah bertepatan dengan proses pemodenan dan penambahbaikan aset-aset TLDM. Apabila siap, KD SRI TAWAU akan berwajah baru dan dengan kemudahan yang lebih baik akan dapat menjadikan fungsi KD SRI TAWAU lebih efisien dalam menyediakan perkhidmatan yang lebih baik terutama dalam membantu pasukan sahabat seperti Markas ATB 2 yang telah beroperasi di Tawau sejak 2007, di samping itu juga ia dapat menaikkan imej TLDM di mata masyarakat setempat. **S**

**“Sejarah penubuhan KD SRI TAWAU adalah berkaitan secara langsung dengan konfrontasi yang dimulakan oleh Indonesia pada tahun 1963”**

Discovering new horizons  
Inventing new solutions

Indigenous products

by Malaysians...  
for the world

- Unmanned Aerial Vehicle
- Network Centric Warfare
- Battlefield Management System

Your thinking company

Let us think together and together we will find the solution

System Consultancy Group of Companies



System Consultancy Services  
Sdn Bhd



Prestigious  
Discovery Sdn Bhd



Digital Aura (M)  
Sdn Bhd



IBS Technology  
Sdn Bhd



DK Composites  
Sdn Bhd

[www.systemconsultancy.com.my](http://www.systemconsultancy.com.my)

System Consultancy Services Sdn Bhd (219906-U)

36, Jalan 1/27F, Pusat Bandar Wangsa Maju (KLSC), 53300 Kuala Lumpur, MALAYSIA.

Tel: 603-4149 1919 Fax: 603-4149 2121 Email:[scshq@po.jaring.my](mailto:scshq@po.jaring.my)

# SILAT CEKAK

## Ke Arah Memperkasakan Tahap Profesionalisme Warga TLDM



Ketika mewakili Perak dalam pertandingan demonstrasi silat di USM Pulau Pinang

### PENDAHULUAN

Dewasa ini masyarakat telah dikuasai oleh dunia globalisasi terpaksa menghadapi pelbagai krisis identiti dan kaedah pemikiran yang umumnya amat berbeza dengan identiti dan kaedah pemikiran pemimpin-pemimpin tertinggi Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM). Justeru, ia merupakan suatu cabaran getir yang perlu dilalui oleh TLDM dalam mencapai wawasan dan pelan strategi yang telah digarap oleh Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut (PTL) terutamanya strategi kedua iaitu Pembangunan Sumber Manusia.

**"Tepat masa,  
bercakap benar dan  
tidak pecah amanah"  
adalah merupakan  
amalan dan nilai yang  
perlu diterapkan kepada  
seluruh warga TLDM  
bagi menegakkan  
kemurnian Bangsa,  
Agama dan Negara**

TLDM amat menyedari bahawa bagaimana gahnya sesebuah perkhidmatan itu tetapi jika tidak disertai dengan sumber manusia yang berpengetahuan dan terlatih, ia tidak akan memberi makna. *The Navy People* merupakan aset paling penting kepada TLDM, tiada gunanya mempunyai armada yang canggih dan berteknologi tinggi, andainya anggotanya tidak berkemampuan dan terlatih untuk menyenggara dan mengendalikannya. Peralatan perang dan sistem tempur akan hanya menjadi pemangkin tetapi anggota, terutama *the Navy People*, yang mementukan kita menang perang. Justeru itu, sebagai nadi penggerak organisasi, pelan tindak PTL dalam menghadapi strategi ini ialah dengan menitik berat pembangunan modal insan dan menentukan *the Navy People* bersemangat tinggi dan bermotivasi untuk bekerja.

Yang Berbahagia PTL akan memberi tumpuan untuk membangunkan sumber manusia secara menyeluruh dengan memberi peluang sama rata kepada semua peringkat anggotanya. Pembangunan sumber manusia yang mengikut kehendak kompetensi dan kemahiran yang terkini dan relevan akan dapat mewujudkan satu tim bersemangat tinggi di semua peringkat unit mahupun formasi. Pelan tindak PTL mengambil kira kehendak pelanggan dalam pembangunan sumber manusia, iaitu kehendak-kehendak kapal di Armada. Sebelum ditugaskan di kapal-kapal dan unit-unit TLDM, setiap peringkat anggota akan diberi persiapan yang secukupnya ke arah kompetensi dan kemahiran yang sesuai terutama dalam kemahiran mengendalikan alat-alat tempur dan sistem perang. PTL akan menggunakan konsep *right man for the*

Oleh: Kdr Roslizan Bin Ahmad Mahidin TLDM

*right job* dalam menentukan perancangan dan penempatan sumber manusia akan lebih efisien dan sejajar dengan perkembangan perolehan aset-aset baru. Kita perlu lebih teliti agar penugasan dan penempatan warga adalah tepat dan memanfaatkan perkhidmatan. Ini merupakan cabaran kepada bahagian pengurusan sumber manusia tetapi ia perlu ditangani secara berterusan untuk menentukan kepuasan kerja yang tinggi untuk semua peringkat warga TLDM.

"Tepat masa, bercakap benar dan tidak pecah amanah" adalah merupakan amalan dan nilai yang perlu diterapkan kepada seluruh warga TLDM bagi menegakkan kemurnian bangsa, agama dan negara. Amalan dan nilai ini perlu diperaktikkan oleh setiap individu dan tidak hanya bercakap atau bercita-cita tanpa tindakan. Ini kerana Tuhan tidak akan merubah nasib hambanya melainkan dengan usaha hambanya sendiri. Dengan sebab tersebut maka Kelab Silat Cekak TLDM yang ditubuhkan pada tahun 1996 telah berusaha melalui Persatuan Seni Silat Cekak Malaysia bagi memajukan TLDM dan mencapai Pelan Strategi yang digarap oleh Yang Berbahagia Panglima Tentera Laut dengan menekankan aspek-aspek berikut:

Melahirkan warga TLDM yang mempunyai wawasan dan matlamat hidup yang berlandaskan pegangan agama yang difahami.

Malahirkan masyarakat bersifat insan yang berani kerana benar dan mempunyai jati diri serta daya ketahanan diri mantap.

Mempunyai kaedah dan cara mempertahankan diri yang amat bersesuaian dengan fitrah manusia yang boleh diguna pakai dalam apa jua keadaan sekalipun.

Setelah 12 tahun Silat Cekak wujud di dalam TLDM, ramai warga TLDM yang mencebur aktiviti Silat Cekak ini malah ada di kalangan mereka yang dilantik untuk menerajui kepimpinan di peringkat negeri dan kebangsaan.

## FAEDAH DARI AKTIVITI SILAT CEKAK

Aktiviti Seni Silat Cekak yang telah diterima hampir semua Institut Pendidikan Tinggi Awam dan Swasta (IPTA/IPTS) serta kolej-kolej mempunyai sistem pendidikan dan pembelajaran yang mampu untuk membentuk keperibadian seseorang dari tidak baik kepada baik dan dari baik kepada yang lebih baik.

Perkara-perkara ini dapat dibuktikan melalui pengalaman beberapa individu penting dalam negara yang telah mempelajari Seni Silat Cekak ini sehingga tamat dan mengamalkan segala ajaran-ajaran yang dibawa oleh Guru Utama Silat Cekak iaitu Tuan Haji Ishak bin Itam. Di antara individu yang dimaksudkan ialah Profesor Dato' Dr Haji Kamarudin bin Husin iaitu Timbalan Nailb Canselor Universiti Malaysia Perlis; Tuan Haji Maideen bin Haji Kadir Shah, pemilik gedung perniagaan Maroz Tailoring Sdn Bhd; Profesor Madya Dr Hadzli bin Hashim Dekan Fakulti Kejuruteraan Elektrik Universiti Teknologi Mara Shah Alam; Profesor Madya Dr Haji Abd Majid bin Ismail, Pensyarah Kanan Fakulti Seni Bina Universiti Sains Malaysia Pulau Pinang; serta ramai di kalangan bekas-bekas pelajar Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, Universiti Utara Malaysia dan lain-lain IPTA/IPTS yang telah menjawat jawatan-jawatan kanan di dalam kerajaan mahupun swasta.

Seni Silat Cekak telah diterima sebagai salah satu cara atau kaedah yang dapat menyelesaikan banyak permasalahan yang berkaitan dengan diri, jiwa, konflik dalaman dan bermacam-macam persoalan berkenaan dengan hala tuju dan matlamat hidup. Oleh itu nilai-nilai murni yang dapat diketengahkan hasil dari pendidikan seni silat cekak adalah:

Melahirkan insan yang sentiasa bercakap benar, tidak pecah amanah dan sentiasa memegang pada janji.

Sentiasa mentaati seseorang Guru yang memberi ilmu serta memimpin atasan yang berdiri di atas kebenaran.

Menghormati dan mentaati kedua ibu bapa walau dalam keadaan mana sekalipun.

Mempereratkan hubungan silaturahim di kalangan masyarakat serta sentiasa menghormati orang lain.

Melahirkan seseorang individu yang mempunyai sifat berani kerana benar dan tidak akan mengelak atau lari dari sebarang permasalahan malah mereka akan sentiasa berusaha untuk mencari jalan penyelesaian.

Mempunyai fokus dan wawasan dalam hidup serta sentiasa memandang ke hadapan terutamanya tentang tujuan dan matlamat hidup yang sebenar.

Sentiasa bertanggungjawab, berdisiplin dan menyayangi diri sendiri, ibu bapa, keluarga, masyarakat dan agama,

## PROSES PEMBELAJARAN DAN PENDIDIKAN

Sistem pendidikan silat ini terlalu mudah dan boleh dipelajari oleh sesiapa sahaja dengan tempoh pembelajaran hanya mengambil masa 6 hingga 7 bulan untuk tamat dan seterusnya mengikuti aktiviti-aktiviti yang diatur oleh PSSCM melalui Kelab Silat Cekak TLDM, lanya mempunyai sistem pembelajaran yang sistematik di seluruh negara. Pendidikan silat ini bermula dengan proses pengijazahan oleh Guru Utama Silat Cekak, mempelajari pergerakan silat di dalam kelas (bukan di gelanggang) oleh tenaga pengajar yang berkhidmat secara sukarela, sentiasa mengamalkan budaya bersalam ketika di dalam kelas ataupun di luar kelas, diberi kefahaman tentang tujuan dan matlamat hidup melalui program dan ceramah

motivasi, mempunyai pantang larang yang tidak bercanggah dengan akidah Islam.

## PELAKSANAAN AKTIVITI DAN STRUKTUR PEMBELAJARAN

Sebagaimana yang diamalkan di seluruh kelas di dalam Malaysia sama ada di IPTA/IPTS, Kolej-Kolej atau kelas-kelas awam; PSSCM telah menetapkan pelaksanaan aktiviti dan struktur pembelajaran yang sistematis demi untuk mencapai matlamat dan tujuan kewujudannya.

Kaedah dan tatacara pembelajaran yang diterapkan di dalam kelas silat cekak telah terbukti dapat menyelesaikan masalah-masalah individu masa kini serta meningkatkan profesionalisme pengamalnya. Sebagai contohnya:

- a. Semua ahli-ahli Silat Cekak menjadikan bersalam di permulaan dan di akhir kelas serta setiap kali bertemu sebagai budaya hidup. Ini bertujuan untuk mengeratkan silaturahim serta dapat menghapuskan dosa-dosa kecil antara ahli-ahli dan akan melahirkan perasaan kasih sayang sesama agama dan bangsa.
- b. Semua sistem pelajarannya berkonsepkan berdiri lurus, tidak mengelak ke kiri atau ke kanan yang bertujuan untuk mendidik penuntut agar sentiasa lurus dan bercakap benar di dalam kehidupan, bertindak dengan betul dan sentiasa memandang ke hadapan ataupun berwawasan di dalam mencapai cita-cita kehidupan. Pendirian lurus secara fizikal ini secara halusnya mendidik penuntut agar sentiasa lurus hatinya, tulus suci ikhlas penuh keimanan dan bersungguh-sungguh kepada syariat Allah SWT yang akan melahirkan mereka yang tidak bercakap bohong, tidak pecah amanah dan taat kepada perintah agama. Pembentukan secara halus dan mendalam ini diterapkan dengan penuh bermakna yang secara lahiriahnya untuk kegunaan persilatan tetapi dari segi batiniah mendidik pengamalnya menjadi seorang manusia yang mempunyai nilai-nilai murni.
- c. Buah-buah mata pelajaran silat cekak yang menekankan konsep 99% mempertahankan diri dan hanya 1% menyerang yang bertujuan untuk melahirkan mereka yang bersifat berani yang sesuai sebagai seorang insan serta berani berhadapan dengan apa jua ancaman demi untuk mempertahankan agama, bangsa dan negara. Ianya tidak menekankan kepada menyerang; oleh itu akan dapat mengelakkan sifat ganas yang amat tidak bersesuaian dengan fitrah kejadian manusia.
- d. Kaedah dan silibus pelajaran yang sentiasa mengekalkan adaptif serta tatasusila bangsa iaitu, tidak wujud adegan sepak menyepak dengan kaki yang melebihi paras lutut. Ini bertujuan untuk mendidik pengamalnya agar sentiasa berkelakuan sopan santun di dalam kehidupan dan tidak bersikap biadab atau kurang ajar. Ini dapat melahirkan masyarakat yang sentiasa menghormati orang lain.
- e. Tangkisan dengan kaedah refleksi yang diterapkan dari peringkat awal pembelajaran di dalam Seni Silat Cekak bernilai untuk membentuk daya refleksi yang amat laju dan pengamalnya mempunyai keyakinan diri serta mampu untuk berfikir serta bertindak dengan pantas jika menghadapi sebarang kemungkinan dan permasalahan.

## PENUTUP


Berdasarkan fakta-fakta yang dinyatakan di atas, diyakini bahawa pendidikan yang wujud melalui aktiviti Seni Silat Cekak Malaysia dapat meningkatkan tahap profesionalisme setiap masyarakat yang belajar dan beramal dengan ilmunya. **S**

# Menjejaki Ibnu Battutah Bersama KLD TUNAS SAMUDERA

Oleh: Kapt Abdul Jabar Bin Yusof yang mengikuti pelayaran bersama KLD TUNAS SAMUDERA

## SZCEZCIN POLAND

Poland adalah sebuah negara bekas kesatuan Soviet Union dengan Warsaw sebagai ibu negara. Bangunan di sekitarnya kelihatan lama dan masih berdiri kukuh. Bandar Szczecin menjadi tuan rumah acara penutup *Tall Ships Races* yang penuh gilang gemilang. Majoriti rakyatnya tidak tahu berbahasa Inggeris menjadikan komunikasi kami kembali sukar tidak seperti ketika berada di Sweden. Kami juga perlu berhati-hati apabila menjamah makanan di bandar. Memang sukar untuk mendapatkan makanan halal. Daging babi boleh didapati dengan mudah di pasar. Kami mencari jalan selamat dengan menjamu selera di kapal sebelum bersiar-siar di Szczecin. Acara penutup diadakan dengan penuh gilang-gemilang. Acara bermula dengan perarakan semua krew kapal melalui jalan-jalan di sekitar bandar Szczecin dengan disaksikan oleh ribuan orang ramai yang berbaris di kiri dan kanan jalan. Pertandingan *Tall Ships Races* dijayakan oleh *Sail Training International* dengan dibantu oleh sukarelawan (*volunteers*) yang tidak kenal penat lelah dalam menjalankan tugas. KLD TUNAS SAMUDERA dianugerahkan piala Pelayaran Paling Jauh dengan bawrayar dari Asia Tenggara ke Eropah sehingga ke Laut Baltik. Kami berpeluang menghadiri majlis jamuan meraikan semua krew yang menyertai pertandingan tersebut. Pelbagai menu dihidangkan di atas meja. Meja yang paling hadapan ialah seekor babi panggang kemerah. Melihat rupanya sahaja sudah meremang bulu



leher. Mujurlah juga ada menu yang boleh untuk mengalas perut. Majoriti rakyat Poland begitu ramah dan *understanding* sekali. Perbualan mereka diiringi dengan senyuman. Seronok sekali apabila dapat bergaul dengan pelayar-pelayar seluruh dunia dengan pengalaman yang berbeza. Empat hari berada di Poland sudah cukup untuk kami menambah koleksi pengalaman tentang kemanusiaan, kebudayaan dan sebagainya.

Misi utama pelayaran telah tercapai. Pertandingan telah tamat. Dan kini rindu tanah air kembali bertaut. Sudah 5 bulan lebih keluarga ditinggalkan. Bukan calang-calang cabaran yang

kami terpaksa tempuh. Kami perlu meneruskan pelayaran ke pelabuhan seterusnya iaitu Rotterdam, Netherland.

## ROTTERDAM NETHERLAND

Tanggal 7 Sep 07, semua kapal yang berlabuh di Pelabuhan Szczecin, Poland dijadualkan keluar dari pelabuhan secara berperingkat-peringkat. KLD TUNAS SAMUDERA dijadualkan keluar pada jam 12.00 tengah hari. Beribu-ribu orang beratur di kiri dan kanan jeti sambil melambai kepada kami. Agaknya mereka tertarik dengan kami yang berbeza rupa paras dan warna kulit. Kami tiba di Pelabuhan Rotterdam pada 14 Ogos 07. Bandar Rotterdam tidak kurang cantiknya. Kali ini tugasan kami tidaklah sesibuk ketika sebelum pertandingan. Peluang berada di Holland tidak dilepaskan begitu saja. Keesokannya kami dibawa melawat Amsterdam, ibu negara Belanda.

Sebelum tiba di Amsterdam, kami dibawa melawat *trademark* Belanda iaitu Kincir Angin yang menjana kuasa elektrik bagi sebahagian tempat di Belanda. Di kiri dan kanan jalan kelihatan beratus-ratus ekor lembu susu bertaburan di hamparan padang yang menghijau. Sekali-sekala kami melewati ratusan biri-biri yang berbulu tebal berbaris meminum air. Bangunan di Amsterdam sungguh cantik. Amsterdam menjadi tumpuan dari seluruh dunia. Kelihatan *multi rasional* berada di bandarnya. Pelbagai warna kulit berpusu-pusu menuju ke destinasi masing-masing. Amsterdam terkenal dengan *human right* (hak kebebasan individu). Setiap individu mempunyai hak masing-masing dalam menyuarakan pendapat dan pandangan. *District Red Light* menjadi tumpuan mereka yang ingin mendapatkan langganan wanita. Kumpulan Gay dan Lesbian diberi kebebasan untuk menyuarakan pandangan dan aspirasi mereka.

Sekali lagi makanan menjadi masalah utama. Apa lagi, macam biasa menu kapal menjadi tumpuan semenjak berada di Eropah.

Peraturan jalan raya amat berkesan sekali. Pemandu bas tidak dibenarkan memandu melebihi

## Bahagian Akhir

6 jam. Jika bas ingin bergerak melebihi 6 jam, bas tersebut mesti ada pemandu kedua. Setiap 3 jam bas tersebut diwajibkan berhenti rehat. Setiap peraturan mesti diikuti. Kami menghadapi masalah apabila pemandu bas kami disaman serta merta oleh polis kerana memandu melebihi tempoh yang ditetapkan. Apabila disaman dia tidak dibenarkan memandu lagi kerana telah melebihi tempoh pemanduan.



Terpaksa kami menunggu pemandu gantian datang dari Rotterdam. Lawatan kami ke Amsterdarm melewati malam.

Empat hari berkunjung ke kota kosmopolitan Amsterdam menambahkan lagi koleksi pengalaman kami berada di luar negara. Kami perlu meneruskan pelayaran ke destinasi terakhir kami iaitu Cherbourg, Perancis. Kehangatan tanah air tercinta sudah dirasai bahangnya. Rindu keluarga dan kampung halaman sudah sampai ke kemuncak. Himpunan pengalaman rasanya sudah sarat di kantung pemikiran. Pada Tuhan ku bersyukur kerana Allah SWT telah memilih insan lemah ini mengharungi samudera dan badai dengan bekalan kekuatan yang dianugerahkan. Kami tiba di Pelabuhan Cherbourg, Perancis pada 21 Ogos 07.

## CHERBOUGH PERANCIS

Ketibaan kami di Cherbourg disambut oleh beberapa pegawai dan anggota projek kapal selam TLDM. Sekali lagi kami dibawa melawat tempat pembinaan kapal selam Scorpene. Projek kapal selam Malaysia melibatkan pembinaan bahagian belakang di buat di Cartagena, Sepanyol. Manakala pembinaan bahagian hadapan dibuat di Cherbourg, Perancis. Perasaan sedih mula bersarang di dada kerana kami akan meninggalkan KLD TUNAS SAMUDERA secepat mungkin. Krew kedua dijadualkan tiba dari KLIA pada 22 Ogos 07. Pelbagai peristiwa

suka dan duka dilakarkan di dalamnya. Di dalamnya menjadi saksi tumpahan air mata dan senyum tawa, Banyak kenangan terukir bersama dengan KLD TUNAS SAMUDERA. Waktu yang ada dimanfaatkan dengan melawat sekitar Cherbourg. Esok kami akan bergerak ke lalu kota Perancis, Paris dengan menaiki bas. Kami akan berlepas dengan penerbangan MAS dari Paris ke KLIA, Kami sibuk mengemasakan barang masing-masing. Sudah terpancar raut kegembiraan di wajah semua krew. Hubungan kami bagaikan saudara. Masing-masing sudah mengenal hati budi. TUNAS SAMUDERA semakin jauh kami tinggalkan dengan pelbagai perasaan, Perjalanan dari Cherbourg ke Paris memakan masa empat jam.

di Malaysia. Dengan penerangan yang sudah lengkap rasanya, penyudahnya kami sesat juga. Inilah kesibukan kota Paris. Kami juga sempat membeli-belah buat kali terakhir di bumi asing. Keesokannya, seawal pagi kami sudah bertolak dari hotel ke lapangan terbang Paris. Semua krew kelihatan sungguh ceria. Segak dengan berpakaian *black suit*, kami berjalan bagaikan itik pulang petang di lapangan terbang. Kawalan keselamatan di lapangan terbang agak ketat juga. Aku tergelak ketika melihat salah seorang krew seakan nak terlondeh seluarnya akibat terpaksa membuka tali pinggang ketika melalui penggera keselamatan. Sudah di tanggal somuanya pun

Pada Tuhan ku berdoa agar krew kedua dapat meneruskan pelayaran dengan selamat dan dapat pulang ke Malaysia pada 25 April 08.

Benarlah kata pepatah "jauh perjalanan luas pemandangan". "Hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri". Negeri sendiri jua tetap dirindu. "Kalau tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya". Terima kasih tak terhingga kepada pengurusan tertinggi TLDM yang telah memberi kesempatan kepada diri ini untuk menyertai pelayaran ini dan juga jutaan terima kasih diucapkan kepada Pengarah KAGAT, YBhg Dato' Jamil Khir Bin Baharom yang telah memberi kata-kata semangat dan sokongan sebelum dan ketika pelayaran.



## PARIS PERANCIS

Setiba di Paris, kami ditempatkan di sebuah hotel. Kami tidak mempunyai masa yang panjang di Paris. Namun, semua krew telah membuat keputusan untuk pergi melihat menara kebanggaan Paris iaitu IFFEL TOWER dari dekat. IFFEL TOWER ialah salah satu menara tertinggi di dunia dan dinobatkan sebagai salah satu benda ajaib di dunia. Setiba di sana, kami mengambil gambar sepantasnya. Orang-ramai bersesak di bawah menara untuk menaiki train ke puncak.

Kota Paris dihuni oleh pelbagai bangsa dan aneka warna kulit. Aku pulang dari IFFEL TOWER bersama dengan Doktor Zaki (Dr Perubatan Kapal) dengan menaiki Metro Train. Kenderaan laluan bawah tanah ini begitu digemari oleh penduduk Paris kerana cepat dan praktikal. Bentuk dan landasannya ialah beroperasi di bawah tanah. Menarik perhatian kami tentang layanan yang ditunjukkan terhadap orang asing seperti kami ialah apabila penjaga kaunter seperti LRT (di Malaysia) keluar dari kurangannya lalu menunjukkan kepada kami cara untuk memasukkan duit dan mendapatkan tiket. Tidak cukup dengan itu wanita tersebut juga semahunnya menunjukkan tempat yang kami tuju. Alangkah bagus jika layanan ini dijadikan budaya

masih berbunyi. Lantas pengawal tersebut menyuruhnya menanggalkan kasut. Rupanya-rupanya kasut pun mesti ditanggalkan juga kerana terdapat objek besi pada kasut tersebut. Saatnya sudah tiba, kami berlepas dengan penerbangan MAS dari Paris pada jam 1230A dan tiba di KLIA pada jam 0630H. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinanNya jua kami selamat kembali menemui keluarga di tanah air.

Dengan sokongan tersebut seakan-akan ada kekuatan dengan ditambah oleh keyakinan yang diberikan oleh isteri tersayang. Juga syabas kepada TLDM yang telah berjaya merealisasikan misi ini. Sekali lagi pada Allah ku bersyukur kerana memberi kekuatan dan keselamatan di sepanjang pelayaran. Bertuah rasa diri kerana terpahat nama antara mereka yang menjulang kata keramat TLDM. **S**



## PTL MENERIMA KUNJUNGAN HORMAT PENASIHAT PERTAHANAN AUSTRALIA & BRITISH - 14 Februari 2009



PTL bersama Penasihat Pertahanan Australia  
Kol Stephen Paul Tulley



PTL bersama Penasihat Pertahanan British  
Kol Jacques Lemy

## SUBMARINE STAFF TALKS RMN - USA - 17 FEBRUARI 2009



TPTL dan RADM Coller (Commander Submarine Group 7) mesra dalam bertukar-tukar pandangan



Delegasi TLDM - USN bergambar selesai mesyuarat

## PENGGAMBARAN MAJALAH 3 BERSAMA TLDM - 2 FEBRUARI 2009



Juruterbang TLDM sedang ditemuramah oleh wartawan TV3



Anggota PASKAL sedang memberikan taklimat dan tatacara penggunaan senjata dengan betul

**PENGANUGERAHAN BERET & JALUR GEMILANG KEPADA ANGGOTA MALCON IV DI KUANTAN - 06 APRIL 2009**



Jalur Gemilang kebanggaan negara diserahkan kepada anggota MALCON IV Oleh YBhg PTL



PTL sedang memakaikan beret pengaman PBB kepada salah seorang anggota MALCON IV

**LAWATAN KEBAJIKAN KE ATAS KELUARGA ANGGOTA KD HANG TUAH OLEH PANGLIMA ARMADA TLDM - 27 MAC 2009**



Panglima Armada menyerahkan sumbangan ketika lawatan kebajikan kepada isteri LK 1 PPP Kamaruzaman Bin Kamaruddin



Panglima Armada memberikan kata-kata semangat kepada ahli keluarga mangsa kebakaran

**Pertandingan Menembak Mahabbah 2009**

Sempena Menyambut Ulang Tahun Hari Keputeraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan Yang Ke 59 - 4 April 2009



KeBawah Duli Yang Maha Mulia Al-Sultan Kelantan mengabadikan kenangan bersama penembak TLDM

# HIKMAH PENSYARIATAN SOLAT

Oleh: Kapt Abdul Jabar bin Yusof - Peg. Staf Kerohanian Mk TL

Solat merupakan tiang agama dari semua amal perbuatan lainnya, dan juga merupakan salah satu amalan yang pertama sekali dihisab sebagaimana hadis Rasulullah s.a.w :

Ma'humnya "Perkara utama yang akan dihisab terhadap perbuatan seseorang hamba pada hari kiamat ialah solatnya. Sekiranya baik keputusan solatnya, maka seluruh amalannya tuntut baik, dan jika rosak solatnya maka amalan yang lain juga turut rosak". Hadis riwayat at-Tabrani.

Ibadah solat mengandungi pelbagai jenis hikmah dan rahsia. Hikmah dan rahsia ini termasuklah didikan, asuhan, faedah, dan tujuan. Amat tinggi nilainya terhadap orang yang melaksanakannya.

## Mengingati Tuhan, pencipta alam

Firman Allah SWT dalam surah Toha ayat 14 yang bermaksud,

"Dan dirikanlah solat untuk mengingati-Ku."

Ingatan kepada Allah ini akan menimbulkan perasaan takut dan tunduk taat kepada-Nya dan juga akan menimbulkan perasaan mengagungkan dan membesar-kannya dengan sepenuh hati tanpa ada tandingan lagi. Sesuatu yang mestinya difahami jika manusia lupa sekalipun kepada Allah SWT, ia tidak akan mengurangkan walau secebis yang telah dimiliki oleh Allah SWT. Sebaliknya manusia itu sendiri akan merasai kekurangan tersebut. Kadangkala kekurangan demi kekurangan yang datang begitu subjektif sekali sehingga gagal disingkap oleh manusia. Lebih buruk lagi mereka meletakkan kesalahan kepada takdir lantaran gagal untuk kembali bermuhasabah dalam diri.

## Menghalang perbuatan keji dan mungkar

Firman Allah dalam surah Al-Ankabut ayat 45 yang bermaksud,

"Dan dirikanlah solat. Sesungguhnya solat itu mencegah dari angkara keji dan perbuatan durjana, dan sesungguhnya mengingati Allah itu adalah lebih besar (faedah dan kesannya), dan (ingatlah) Allah mengetahui apa yang kamu kerjakan."

## Melahirkan ketenangan jiwa

Selain itu, ibadah ini mampu melahirkan ketenangan jiwa, ketenteraman fikiran, hati yang tabah, damai lagi pemurah. Firman Allah dalam surah Al-Maarij ayat 19 - 23 yang bermaksud,

"Sesungguhnya manusia itu diciptakan bertabiat keluh kesah (lagi kikir). Apabila dia ditimpah kesusahan, dia sangat berkeluh kesah, dan apabila dia beroleh kesenangan, dia amat kikir, kecuali orang-orang yang bersolat, yang adalah mereka itu terus berkekalan melaksanakan solat mereka itu."

Sabda Nabi s.a.w yang bermaksud, "Dijadikan penenang mata (hati)ku dalam solat"

(Hadis Riwayat Ahmad, an-Nasai, al-Hakim dan al-Baihaqi daripada Anas bin Malik).

yang Maha Pengampun.

## Menjadi tanda kesyukuran dan keimanan

Solat adalah tanda kesyukuran dan tanda keimanan kepada Allah. Sabda Nabi s.a.w yang bermaksud,

"Setiap sesuatu itu ada tandanya, dan tanda iman itu ialah solat."

## Mengekalkan kesihatan tubuh badan

Seorang profesor fizik di Amerika Syarikat (AS) membuat satu kajian kelebihan solat berjemaah yang disyariatkan dalam Islam. Berdasarkan kajiannya, tubuh badan kita mengandungi dua cas elektrik, iaitu cas positif dan cas negatif. Dalam aktiviti harian kita, sama ada bekerja, beriadah atau berehat, sudah tentu banyak tenaga digunakan.

Dalam proses pembakaran tenaga, banyak berlaku pertukaran cas positif dan cas negatif, yang menyebabkan ketidakseimbangan dalam tubuh kita. Ketidakseimbangan cas dalam badan, menyebabkan kita berasa letih dan lesu selepas melakukan kegiatan sehari-hari.

Oleh itu, cas ini perlu diseimbangkan semula untuk mengembalikan kesegaran tubuh ke tahap normal. Berkaitan dengan solat berjemaah, timbul persoalan dalam minda beliau, mengapa Islam mensyariatkan solat berjemaah dan mengapa solat lima waktu yang didirikan orang Islam mempunyai bilangan rakaat yang tidak sama.

Hasil kajiannya mendapati, bilangan rakaat berbeza dalam solat bertindak menyeimbangkan cas dalam badan kita. Ketika solat berjemaah, kita disuruh meluruskan saf, bahu bertemu bahu dan bersentuhan tapak kaki. Kajian sains mendapati sentuhan yang berlaku antara tubuh



kita dengan tubuh ahli jemaah lain yang berada di kiri dan di kanan kita, akan menstabilkan kembali cas yang diperlukan oleh tubuh.

Ita berlaku apabila cas yang berlebihan, sama ada negatif atau positif akan dikeluarkan. Manakala yang berkurangan akan ditarik ke dalam tubuh kita. Semakin lama pergeseran ini berlaku, semakin seimbang cas dalam tubuh kita. S

Dengan demikian barulah akan tercapai hal yang hasrat untuk mewujudkan sebuah negara yang disebut oleh Allah dalam surah Saba' ayat 15 yang bermaksud,

Negara yang baik dan (direstui oleh) Tuhan



# TRADITION AT SEA



## Piping the Side

Similar to other Navies of the world, the Royal Malaysian Navy has a peculiar way of giving mark of respect to dignitaries coming aboard its ships. This mark of respect started at the very entry-point of a ship, which is the Gangway (the walkway that is used to link the ship to the jetty or another ship). Between the hours of Colours and Sunset, the side is to be piped to embarking and disembarking dignitaries, which include Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang Dipertuan Agong, Royals in uniform of the rank of Captain RMN or Reserve, Chief of Defense Forces if of Naval Rank in uniform, Officers of Flag rank / Commodores in uniform, Commanding Officers of sea-going ships or tender in commission arriving at pre-arranged time, President or Member of Court Martial proceeding to or returning from court, Officer of the Guard when flying a pennant, a body when being brought aboard or sent out of the ship and Professional Heads of Commonwealth Navies. All foreign naval officers in uniform are also entitled to be piped at any time when passing through the Gangway. The piping is to be sounded for 12 seconds, which commensurate with the duration of approximate time taken, to walk through a typical Gangway.



Between the periods of Sunrise to 5 minutes before Colours and between Colours to 5 minutes before Sunset, if one Navy ship passes another just before the ships are abreast Bridge or Quarter Deck, the junior is to sound the "pipe the still". The senior ship is to do likewise immediately and a short moment thereafter the "pipe carry on". Passing merchant ships on the other hand may lower their colours to warships. Navy ships are however to avoid any suggestion of expecting this mark of respect.

Tabiat merokok telah sekian lama menjadi amalan segelintir masyarakat kita. Lebih malang lagi, tabiat merokok telahpun diamalkan oleh kanak-kanak yang masih berada di bawah umur iaitu bawah 18 tahun semua orang percaya dan pasti dan tidak menafikan betapa bahayanya merokok kerana tabiat burukini boleh menyebabkan pelbagai penyakit berbahaya seperti penyakit kanser paru-paru, jantung dan *bronchitis*. Terdapat bukti perubatan yang menunjukkan bahawa merokok menjadi punca bagi sekurang-kurangnya 25 jenis penyakit yang boleh membawa maut.


Perokok-perokok suka menghisap rokok di tempat awam seperti di hospital, restoran, stesen bas, pusat membeli-belah dan lapangan terbang. Asap rokok mengandungi 4,000 bahan kimia yang beracun dan mereka yang berada di sekeliling secara tidak langsung akan terhadu asap rokok yang dihembus oleh perokok. Sebagai contoh, seorang bapa yang menghisap rokok boleh memberi kesan kepada keseluruhan ahli keluarganya termasuk isteri dan anak-anak.

**Semua pihak perlu sama-sama berganding bahu dalam usaha untuk membanteras budaya merokok bak pepatah melayu “bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat”**



# BAHAYA MEROKOK

Oleh: 817994 PW II RDP (I) Sobri Bin Saidun



## LANGKAH-LANGKAH PENCEGAHAN

Kerajaan telah pun melancarkan pelbagai kempen tidak merokok. Sudah tiba masanya untuk kita mengambil langkah-langkah pencegahan bagi mengelak budaya merokok ini dikurangkan atau dihapuskan.

Ibu bapa seharusnya menunjukkan teladan yang boleh di contohi kepada anak-anak dan bukan bertindak “seperti ketam mengajar anaknya berjalan betul”.

Ibu bapa juga perlu mengawasi pergaulan anak-anak dengan rakan-rakan kerana mereka mudah dipengaruhi oleh tindakan atau perlakuan rakan-rakan mereka.

Ibu bapa perlu memberi kesedaran kepada anak-anak tentang betapa bahayanya merokok ketika mereka masih kecil lagi kerana “melentur buluh biar dari rebungnya”.

Pihak sekolah perlu memantapkan peraturan dan penguatkuasaan undang-undang sekolah terhadap pelajar dengan mengenakan tindakan disiplin ke atas pelajar yang terlibat dengan kesalahan merokok.

Pihak jabatan, agensi atau organisasi juga perlu mengadakan lebih banyak kempen anti merokok seperti kempen “Tak Nak Merokok”. Kempen Hari Tanpa Merokok dan sebagainya hanya dijalankan buat sementara waktu sahaja dan tidak mencapai objektif kempen tersebut. Untuk melahirkan masyarakat yang bebas merokok, kerajaan Malaysia perlu mengurangkan eksport dan import tembakau samaada dari dalam atau luar negara, atau terus mengharlamkan penjualan rokok. Pihak badan bukan kerajaan (NGO) perlu berganding bahu bersama kerajaan dengan mengadakan ceramah atau pameran.

Kerajaan juga perlu menambah kawasan larangan merokok dengan mengenakan denda yang lebih tinggi kepada perokok yang melanggar arahan tersebut.

Kita perlu mengamalkan aktiviti-aktiviti yang bertemakan “Gaya Hidup Sihat Tanpa Rokok”. Kita juga boleh menganjurkan program seperti merentas desa, sukaneka, senamrolik dan sebagainya.

Dalam hal ini, semua pihak perlu sama-sama berganding bahu dalam usaha untuk membanteras budaya merokok bak pepatah melayu “bulat air kerana pembentung, bulat manusia kerana muafakat”. Langkah ini juga perlu bagi menyokong usaha kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020 untuk melahirkan masyarakat yang makmur, dinamik, giat dan kental. **S**



**OUR GUESTS  
WILL BE WEARING DIFFERENT HATS  
FOR THE SAME OCCASION.**



DATE:

**1 – 5 December 2009**

VENUE:

**Mahsuri International Exhibition Centre  
Langkawi, Malaysia**

**THE PREMIER MARITIME & AEROSPACE EXHIBITION**

The leading maritime and aerospace show in the region just got better!

The Langkawi International Maritime and Aerospace Exhibition is now held at a single venue, the Mahsuri International Exhibition Centre. Taking you straight to the heart of Asia-Pacific's defense and civil growth markets. Network with over 250 delegations embodying key defence and civil decision makers and end users.

LIMA '09 – the essential platform to showcase best-in-breed emerging technologies and equipment. Don't miss it.

SUPPORTED BY:



Government of Malaysia



Ministry of Defence



Malaysian Armed Forces



Royal Malaysian Navy



Royal Malaysian Air Force



Royal Malaysian Police



Malaysia Maritime Enforcement Agency



Royal Malaysian Customs



Department of Civil Aviation



Malaysia Airports Berhad



Fire and Rescue Department, Malaysia



Department of Fisheries Malaysia



Malaysian Defence Industry Council



Maritime Institute of Malaysia



**HW LIMA SDN BHD** 35F-1-6 Jalan 2/27F, KLSC II, Section 5, Wangsa Maju 53300 Kuala Lumpur T : +603 4142 1699 F : +603 4142 2699 E : hw5@hwlima.org W : www.lima2009.com.my

# DYNAMIC TEAMWORK

We aspire to consistently achieve the highest level of quality in all of our products and services and to be premier regional player. We aim for world class standard.



Boustead Heavy Industries Group

17th Floor, Menara Boustead,  
69, Jalan Raja Chulan,  
50200 Kuala Lumpur  
Tel : 03-20787770 | Fax : 03-20325704  
[business-enquiry@bhic.com](mailto:business-enquiry@bhic.com)